Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

# 2017 LAPORAN TAHUNAN



## MEMPERKASAKAN MASYARAKAT KE ARAH KECEMERLANGAN



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
No 55, Persiaran Perdana Presint 4,
62100 Putrajaya, MALAYSIA.

www.kpwkm.gov.my
info@kpwkm.gov.my
twitter.com/kpwkm
www.facebook.com/kpwkm

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

# 2017 LAPORAN TAHUNAN



## MEMPERKASAKAN MASYARAKAT KE ARAH KECEMERLANGAN



# Visi

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

# Misi

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

# Matlamat

Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

# Objektif

1. Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara.
2. Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi.
3. Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.





4. Memantapkan institusi keluarga.
5. Memastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.

# Piagam Pelanggan

| | |
|---|---|
| Masa Menunggu Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Di Kaunter | Kami akan melayan anda dalam masa **LIMA BELAS (15)** minit anda tiba di kaunter perkhidmatan kami. |
| Pengurusan Aduan/ Pertanyaan | Kami akan mengakui penerimaan aduan/pertanyaan anda dalam tempoh **SATU (1)** hari bekerja;<br>Kami akan memberi maklumbalas terhadap aduan/pertanyaan anda dalam tempoh **TIGA (3)** hari bekerja. |
| Bayaran Pembekal | Kami akan memproses bayaran anda (setelah dokumen lengkap) dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja. |
| Pendaftar Kaunselor | Kami akan memproses pendaftaran anda (semua dokumen lengkap) dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja. |



# Kandungan

**SEULAS PINANG**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

**Carta Organisasi**

## Laporan Prestasi 2017

13 Bahagian Akaun

25 Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

41 Bahagian Kewangan

47 Bahagian Hubungan Antarabangsa

73 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

87 Unit Integriti

95 Bahagian Kolaborasi dan Strategik

111 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

119 Bahagian Pembangunan

123 Bahagian Pengurusan Maklumat

133 Unit Penasihat Undang-Undang

139 Unit Komunikasi Korporat

147 Bahagian Khidmat Pengurusan

159 Unit Amalan Kaunselor

185 Unit Audit Dalam

193 Yayasan Kebajikan Negara

# Seulas Pinang



**YBhg Datuk Dr. Rose Lena Lazemi**
**Ketua Setiausaha,**
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

"Di dalam Laporan Tahunan ini, direkodkan pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan usaha memartabatkan wanita dan institusi keluarga ini berterusan. Buktinya, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 menampakkan kesungguhan Kementerian dalam usaha memartabatkan wanita, memantapkan institusi keluarga serta meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat."

## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

***Salam sejahtera Malaysia,***

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi pada tahun ini di atas kejayaan penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2017. Laporan Tahunan ini merupakan laporan komprehensif yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan atau panduan terhadap kepelbagaian isu yang membabitkan wanita, keluarga dan masyarakat. Di samping itu, ia juga dirakamkan sebagai satu imbasan terbaik dalam menterjemahkan peranan Kementerian dalam usaha memperkasa dan memastikan penyertaan golongan wanita, institusi keluarga dan kelompok masyarakat selaras dengan misi mengintegrasikan wanita dan masyarakat dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah meningkatkan kesejahteraan sosial.

Di dalam Laporan Tahunan ini, direkodkan pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan usaha memartabatkan wanita dan institusi keluarga ini berterusan. Buktinya, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 menampakkan kesungguhan Kementerian dalam usaha memartabatkan wanita, memantapkan institusi keluarga serta meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat. Segala usaha ini adalah bukti kerjasama seluruh warga kerja KPWKM dalam melaksanakan transformasi dari segala aspek pengurusan sebaik mungkin agar visi, misi dan objektif KPWKM dapat direalisasikan.

### YBhg Datuk Dr. Rose Lena Lazemi

**Ketua Setiausaha,**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



# Carta Organisasi



## YB Timbalan Menteri
YB Datuk Hajah Azizah
Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun



**LPPKN**
Ketua Pengarah
GRED VU7
YBhg. Dato' Dr. Siti Norlasiah Ismail



**JKMM**
Ketua Pengarah
GRED VU6
Tn. Hj. Mohd Fazari bin Mohd Salleh



**NIEW**
Pengarah
GRED M54
Kosong



**ISM**
Pengarah
GRED VU7
YBrs. Dr. Al-Azmi bin Bakar

**Bahagian Pengurusan Maklumat**
Pengurus Bahagian
GRED F52
Pn. Zaiton binti Ahmad
- Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem
- Unit Operasi dan Rangkaian
- Projek e-Masyarakat

**Bahagian Pembangunan**
Setiausaha Bahagian
M52
En. Anuar Isa
- Unit Teknikal
- Unit Pemantauan & Pelaksanaan Projek
- Unit Pengurusan Tanah & Urus Setia

**Bahagian Khidmat Pengurusan**
Setiausaha Bahagian
GRED M52
Pn. Mini Panggi
- Unit Pentadbiran Keselamatan dan Logistik
- Unit Penyelarasan, Keurusetiaan & Kualiti
- Unit Pusat Sumber
- Unit Pengurusan Aset

**Bahagian Akaun**
Setiausaha Bahagian
GRED WA54
Pn. Wan Faridah binti Wan Yusoff
- Seksyen Perakaunan Pengurusan
- Seksyen Perundangan dan Pemantauan
- Seksyen Perakaunan Kewangan
- Pentadbiran dan Kewangan

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**
Setiausaha Bahagian
GRED M54
Pn. Hasmawati binti Mohd Yusoff
- Unit Pengurusan Perkhidmatan
- Unit Pengurusan Prestasi
- Unit Pembangunan Organisasi
- Unit Pembangunan Tenaga Manusia
- Unit Pengurusan Psikologi (UPPsI)

**Bahagian Kewangan**
Setiausaha Bahagian
GRED M54
En. Mohd Zaini Zakaria
- Unit Kewangan
- Unit Akaun



**YB Menteri**
YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim



**Ketua Setiausaha**
GRED VU5
YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi





**JPW**
Ketua Pengarah
GRED VU6
Bhg. Datuk Yatimah binti Sarjiman



**Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)**
GRED VU6
YBrs. Dr. Waitchalla R. R. V. Suppiah



**Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)**
GRED VU6
YBrs. En. Azman Mohd Yusof

**Unit Komunikasi Korporat**
Ketua Unit
GRED 54 (T)
Pn. Nor Salimah Musa

**Unit Komunikasi Korporat**
Ketua Unit
GRED 54 (T)
Kosong

**Unit Penasihat Undang-Undang**
PUU
GRED L52
Pn. Asma binti Ibrahim

**Unit Amalan Kaunselor**
Ketua Unit
GRED S48
En. Suhaimee Abd Ghani

**Unit Audit Dalam**
Ketua Unit
GRED W52
En. Zunaini bin Alias

**Unit Integriti**
Ketua Unit
GRED M52
Pn. Intan Syahrina binti Zainal Abidin

**Bahagian Dasar & Perancangan Strategik**
SUB GRED VU7
En. Chua Choon Hwa

- Unit Wanita Dan Gender
- Unit Keluarga Dan Kependudukan
- Unit Kanak-kanak
- Unit Sosial
- Unit OKU Dan Warga Emas
- Unit Masyarakat
- Unit Penyelidikan Data

**Bahagian Hubungan Antarabangsa**
SUB GRED M54
Pn. Fadzilah Fadzil

- Unit Pelbagai Hala
- Unit Serantau
- Unit ASEAN Dan Dua Hala

**Bahagian Kolaborasi Strategik**
SUB GRED M54
Pn. Zarena binti Shuib

- Unit NBOS
- Unit Pemerkasaan Ekonomi
- Unit CSR
- Unit KPI

Jabatan / Agensi
Badan Berkanun
Bahagian / Unit Bertaraf Bahagian
Seksyen / Unit
------- Secara Pentadbiran





# Komunikasi

# Laporan Aktiviti

## PENGUMPULAN DATA BAGI PERAKAUNAN AKRUAN

Pengumpulan data bagi aset dan liabiliti merupakan antara aktiviti yang penting sebelum bermulanya pelaksanaan Perakaunan Akruan. Aktiviti pengumpulan data ini melibatkan ke semua 185 Pusat Tanggungjawab (PTJ) KPWKM bagi data Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima. Data pada 31 Disember 2017 yang telah disahkan oleh Unit Audit Dalam akan dipindahkan ke server 1GFMAS pada 15 Januari 2018.

Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 15,988 bilangan aset bernilai RM1.94 billion dan 66 akaun liabiliti berjumlah RM8.46 juta dilaporkan seperti perincian di bawah. Jadual 1 menunjukkan pengumpulan data mengikut kategori aset dan liabiliti manakala Jadual 2 adalah kedudukan pengumpulan data mengikut agensi dan jabatan di bawah KPWKM.

| Bil. | KATEGORI ASET/LIABILITI | BILANGAN ASET/ LIABILITI | NILAI (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | ASET ALIH (AA) | 15,637 | 123,852,626.98 |
| 2 | ASET TAK ALIH (ATA) | 185 | 1,731,612,925.00 |
| 3 | ASET DALAM PEMBINAAN (AUC) | 11 | 83,977,729.31 |
| 4 | AKAUN BELUM TERIMA (ABT) | 155 | 1,178,551.28 |
| 5 | AKAUN BELUM BAYAR (ABB) | 66 | 8,458,316.91 |

Jadual 1 : Status pengumpulan data perakaunan akruan mengikut kategori aset dan liabiliti

| Bil. | AGENSI/ JABATAN | AA | ATA | AUC | ABT | ABB |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KPWKM | 13,858,767.50 | - | - | 25,937.23 | 6,445,716.91 |
| 2 | JKM | 99,341,570.20 | 1,712,910,911.00 | 83,977,729.31 | 1,141,205.78 | 12,600.00 |
| 3 | JPW | 5,137,740.73 | 18,702,014.00 | - | - | - |
| 4 | ISM | 3,665,086.03 | - | - | 7,261.95 | - |
| 5 | NIEW | 1,849,462.52 | - | - | 4,146.32 | - |
| **JUMLAH** | | **123,852,626.98** | **1,731,612,925.00** | **83,977,729.31** | **1,178,551.28** | **8,458,316.91** |

Jadual 2 : Status pengumpulan data perakaunan akruan mengikut agensi dan jabatan

## NAZIRAN eSPKB

Penilaian Naziran eSPKB adalah berdasarkan kepada pemerhatian ke atas dokumen sampling yang diambil dan juga skop semakan naziran yang telah dijalankan seperti berikut:-

- Waran Peruntukan
- Baucar Bayaran
- Baucar Jurnal
- Waran Perjalanan Udara Awam Pukal
- Proses Penyediaan Dokumen Kewangan
- Penyenggaraan Laporan
- Pengurusan Dokumen Kewangan
- Pengurusan Pengguna



Berikut merupakan analisa pencapaian bagi sembilan (9) PTJ di bawah seliaan Bahagian Akaun KPWKM:

| NAMA PTJ | PENCAPAIAN | | |
|---|---|---|---|
| | 2015 | 2016 | 2017 |
| • Bahagian Kewangan KPWKM | Baik | Baik | Cemerlang |
| • Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat | Memuaskan | Baik | Cemerlang |
| • Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita | Cemerlang | Cemerlang | Cemerlang |
| • Institut Sosial Malaysia | Cemerlang | Cemerlang | Cemerlang |
| • Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW) | Memuaskan | Cemerlang | Cemerlang |
| • Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur | Memuaskan | Baik | Cemerlang |
| • Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya | Cemerlang | Cemerlang | Cemerlang |
| • Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi | Memuaskan | Memuaskan | Baik |
| • Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras | Baik | Cemerlang | Cemerlang |

(**NOTA:** Tahun 2017 merupakan tahun terakhir penggunaan sistem eSPKB bagi Kerajaan Persekutuan dan digantikan dengan sistem 1GFMAS pada tahun 2018)

## SEMAKAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN (DAT)

Selaras dengan AP139, tanggungjawab Bahagian Akaun KPWKM selaku Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri untuk memastikan supaya pemantauan dan penyeliaan hasil dilakukan. Mulai tahun 2015, Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab untuk melaksanakan Audit Terimaan ke atas Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dari semua Pejabat Pemungut Kementerian di seluruh negara. Sebanyak 2,052 DAT telah dikemukakan oleh Pejabat Pemungut sepanjang tahun 2017, iaitu purata 171 DAT diterima setiap bulan selewat-lewatnya pada 10 haribulan bagi DAT bulan sebelumnya, seperti yang diperuntukkan dalam AP145.

Penilaian semakan DAT adalah berdasarkan skop semakan seperti berikut:

- Penghantaran Dokumen Terimaan dalam tempoh ditetapkan.
- Kebenaran mengutip wang/ Menulis, menandatangani dan membatalkan Resit/ Merekod dan menyemak Buku Tunai.
- Kawalan terhadap penerimaan dan pengeluaran Stok Resit serta lain-lain Dokumen Terkawal.
- Pungutan dibankkan dalam tempoh ditetapkan.
- Perekodan di Resit/ Buku Tunai/ Penyata Pemungut.
- Penyeliaan ke atas Resit/ Buku Tunai/ Penyata Pemungut.
- Maklumbalas Pemerhatian Ketidakpatuhan adalah lengkap.

### Penambahbaikan Prestasi Pematuhan Kewangan Secara Keseluruhan

Bagi meningkatkan prestasi pematuhan di PTJ Kementerian, Bahagian Akaun KPWKM telah mengemukakan beberapa syor dan cadangan penambahbaikan kepada PTJ dan antara syor yang dikemukakan adalah seperti berikut:

a) Segala teguran naziran diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan secara keseluruhan, bukan terhad ke atas sampel yang ditegur sahaja.
b) Kawalan dalaman dan prosedur operasi diwujudkan serta dipatuhi oleh semua pegawai.
c) Pemantauan secara berkala ke atas pengurusan kewangan dilaksanakan secara mengejut dari semasa ke semasa.
d) Semua pegawai yang terlibat memahami dengan jelas tanggungjawab berkaitan perakaunan dan kewangan.

## *AUTHORIZATION MATRIX* 1GFMAS

Penyediaan *Authorization Matrix* bagi peranan pengguna dalam sistem 1GFMAS merupakan salah satu proses yang kritikal kerana ia akan dimuat naik ke dalam server 1GFMAS sebelum *go-live* 2018.

Proses penyediaan *matrix* ini telah diadakan dalam beberapa siri bagi memastikan peranan pengguna disediakan mengikut format dan maklumat yang diperlukan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Sesi pertama dan kedua telah diadakan di Bahagian Akaun KPWKM pada 15 hingga 16 Ogos 2017 dan 27 Oktober 2017 bertujuan untuk memberi taklimat dan mengumpul maklumat pengguna dan peranan *(role)* yang merangkumi pengguna GFMAS, eSPKB dan eTerimaan. Manakala sesi ketiga iaitu sesi terakhir pada tahun 2017 telah diadakan di JANM pada 5 November 2017 bagi memastikan semua maklumat yang diberi telah lengkap dan mengikut format yang telah ditetapkan.

Daripada taklimat dan penyelarasan tersebut, terdapat 139 orang pegawai yang akan menggunakan sistem ini bagi 9 PTJ di bawah seliaan Bahagian Akaun KPWKM. Kesemua pegawai tersebut adakan mendapat maklumat dan peranan yang berbeza mengikut norma kerja masing-masing.

Antara maklumat dan peranan yang diterima oleh pegawai hasil daripada penyelarasan *Authorization Matrix* ini adalah:

a) 139 orang pegawai akan mendapat emel dari server 1GFMAS berkaitan dengan *USER ID* dan KATA LALUAN pada minggu ketiga Disember 2017.

b) Peranan dalam sistem mengikut norma kerja iaitu peranan pegawai di PTJ selaku Penyedia, Peraku 1, Peraku 2 atau Akuan Terima (AKT). Manakala peranan Bahagian Akaun sebagai Pejabat Perakaunan KPWKM mempunyai satu peranan tambahan di dalam proses kerja yang baharu iaitu Semak AO.

Terdapat 14 modul yang boleh digunakan iaitu:

- AA – Perakaunan Aset *(Asset Accounting)*
- AC – Aset Konsesi *(Concession Asset)*
- AL – Aset Pajakan *(Leasing Asset)*
- AR – Akaun Terimaan *(Accounts Receivable)*
- CL – Lejar Tunai *(Cash Ledger)*
- CM – Panjar *(Cash Management)*
- CO – Data Induk *(Controlling)*
- FM – Waran *(Fund Management)*
- GL – Baucar Jurnal *(General Ledger)*
- HCM – Pengurusan Gaji *(Human Capital Management)*
- IE – Antara Entiti *(Inter Entity)*
- LMS – Pengurusan Pinjaman *(Loan Management System)*
- MM – Perolehan *(Material Management)*
- BW – *Business Warehouse*

## LATIHAN PENGURUSAN PERAKAUNAN DAN KEWANGAN

Selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, beberapa siri kursus dan latihan telah diadakan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan dalam menghadapi perubahan proses kerja semasa peralihan dari Sistem Perakaunan Tunai Boleh Ubah ke Perakaunan Akruan.

Pada tahun 2017, beberapa siri latihan yang berkaitan kewangan dan perakaunan akruan termasuk latihan sistem 1GFMAS telah dianjurkan oleh Bahagian Akaun seperti di bawah:-

| Bil | NAMA KURSUS | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembentangan MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan | 10 Julai 2017 | Bilik Mesyuarat, Aras 32 |
| 2 | Taklimat Kemaskini HRPAY bagi Modul HCM | 12 Julai 2017 | Bilik Komputer, Aras 33 |
| 3 | Pembentangan MPSAS 17: Hartanah, Loji dan Peralatan | 27 Julai 2017 | Bilik Mesyuarat, Aras 32 |
| 4 | Sesi Town Hall Bersama Ketua Akauntan KPWKM | 4 Ogos 2017 | Dewan Nur, KPWKM |
| 5 | Kursus Pengurusan Kewangan Zon Selatan Tahun 2017 | 8-10 Ogos 2017 | Akademi Kastam Diraja Malaysia Melaka |
| 6 | Pembentangan MPSAS 23: Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran | 10 Ogos 2017 | Bilik Mesyuarat, Aras 32 |
| 7 | Latihan Sistem 1GFMAS untuk *Expert End User (EEU)* KPWKM | 16-27 Oktober 2017 | Bilik Komputer, Aras 33 |
| 8 | Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi PTJ | 29 Disember 2017 | Bilik Mesyuarat, Aras 32 |

Jadual 3: Senarai Kursus dan Latihan anjuran Bahagian Akaun

## SESI TOWNHALL BERSAMA KETUA AKAUNTAN KPWKM



## KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN BAGI PTJ KEMENTERIAN DI ZON SELATAN



## LATIHAN SISTEM 1GFMAS UNTUK EEU KPWKM



## KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN BAGI PTJ KEMENTERIAN



## LATIHAN MODUL *HUMAN CAPITAL* (HCM)





## PENGURUSAN BAYARAN

Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam mengumpul dan mengemukakan maklumat Laporan Prestasi Bil dan Tuntutan Bagi Kementerian dan Jabatan di bawah KPWKM. Maklumat ini dikemukakan ke Jabatan Perdana Menteri melalui sistem e-Laporan JPM.

Bagi tahun 2017, sebanyak 67,779 bil dan tuntutan telah diproses di Kementerian dan Jabatan termasuk Pusat Tanggungjawab di semua negeri. Prestasi bil bagi tempoh 1-7 hari adalah 93.98 % dengan bil dan tuntutan sebanyak 63,701 . Manakala bagi tempoh 8-14 hari adalah 4.81% dengan bil dan tuntutan sebanyak 3,261. Pecahan dan prestasi pembayaran bil dan tuntutan adalah seperti di Carta 1:




Carta 1: Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2017

## PENGURUSAN GAJI

Bahagian Akaun juga turut bertanggungjawab dalam pengurusan gaji bagi lapan (8) Pusat Pembayar di Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat KPWKM, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), NAM *Institute For The Empowerment of Women* (NIEW), Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi.

Bagi tahun 2017, sebanyak RM 67.02 juta telah dibelanjakan berdasarkan jumlah pendapatan kasar bagi pembayaran gaji 1,220 kakitangan di lapan (8) Pusat Pembayar seperti berikut:




Carta 2: Jumlah Pendapatan Kasar dan Potongan Gaji Kakitangan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2017

## PENGURUSAN AKAUN

- **Penyata Penyesuaian Vot, Hasil dan Amanah**

Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab memastikan semua PTJ mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan dengan betul melalui semakan terhadap Penyata Penyesuaian Vot, Hasil dan Amanah yang disediakan oleh PTJ setiap bulan tanpa gagal. Segala kesilapan mengakaunkan perbelanjaan dan terimaan diselaraskan dan dibuat penyesuaian dengan kadar segera.

- **Akaun Penyelesaian Cek dan EFT Terbatal (APCT)**

Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab dalam pengurusan APCT bagi 9 PTJ KPWKM meliputi tugas berikut:

i. Memproses permohonan penggantian Cek dan EFT terbatal;

ii. Memproses permohonan pelarasan APCT ke Vot atau Akaun Hasil; dan

iii. Memproses permohonan bayaran balik hasil (Penggantian APCT yang telah diselaraskan ke Akaun Hasil

Sehingga 31 Disember 2017, Bahagian ini telah memproses penggantian APCT 97.73% dalam tempoh 7 hari dan telah berjaya mengurangkan baki APCT sebanyak 53.06% berjumlah RM101,011.11 berbanding baki tahun 2016.



# Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik



# Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

## Laporan Pencapaian 2017

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Program dan Aktiviti: | BENGKEL PENYELARASAN DAN SEMAKAN SEMULA PELAN TINDAKAN WARGA EMAS NEGARA |
| | • Tarikh | 9 MEI 2017 |
| | • Tempat | DEWAN PERDANA NUR, PUTRAJAYA |
| | • Perasmi | YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI, |



Unit DWO _ Warga Emas

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti

Bengkel Penyelarasan dan Semakan Semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) ini diadakan bagi memastikan PTWEN kekal relevan dalam menghadapi isu dan cabaran penuaan dan mencapai *outcome* yang disasarkan. Bengkel ini mengambil kira hasil Bengkel Semakan dan Penetapan KPI Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah diadakan pada 24 dan 25 Oktober 2016 serta cadangan Pelan Tindakan Kemudahan dan Perkhidmatan Warga Emas di Malaysia Menjelang 2030. Cadangan Pelan Tindakan tersebut adalah hasil daripada Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan bagi Menepati Keperluan Warga Emas di Malaysia Menjelang 2030 yang telah dilaksanakankan bersama oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (IPPM), Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 27 Januari 2017.





| 2 | | |
|---|---|---|
| | **Program dan Aktiviti:** | **MESYUARAT JARINGAN PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA 2017** |
| | **• Tarikh** | **24 OKTOBER 2017** |
| | **• Tempat** | **DEWAN PERDANA NUR, PUTRAJAYA** |
| | **• Perasmi** | **YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI,**<br>MANTAN KETUA SETIAUSAHAHA KPWKM<br>(Teks ucapan dibacakan oleh YBrs. Tuan Azman Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik, KPWKM) |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

MARNM 2017 ini merupakan kerjasama bersepadu antara pihak KPWKM dan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia *(MyAgeing)*, Universiti Putra Malaysia dengan sokongan daripada *United Nations Population Fund* (UNFPA). Mesyuarat ini telah dihadiri oleh lebih daripada 120 orang peserta, jurupelapor dan *moderator*. Peserta terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang geriatrik dan gerontologi, akademik, pegawai kesihatan, pegawai kerajaan, pembuat dasar, penyelidik dan wakil pertubuhan bukan kerajaan. Perbincangan adalah berdasarkan kepada lima bidang penyelidikan utama iaitu kesihatan, ekonomi, sosial, persekitaran serta psikologi. Objektif utama mesyuarat ini adalah seperti berikut:

i. mengenal pasti isu dan cabaran utama serta bidang keutamaan penyelidikan berkaitan isu penuaan di Malaysia;
ii. menyediakan satu platform tahunan kepada penyelidik, pembuat dasar dan pelaksana dari pelbagai bidang berkaitan penuaan untuk berkongsi pengalaman dan idea; dan
iii. mewujudkan satu rangkaian *(network)* dan konsortium penyelidikan kebangsaan yang melibatkan pakar gerontologi dan geriatrik, penyelidik dan *stakeholders* lain bagi menggalakkan kolaborasi antara sektor dalam menangani isu penuaan di Malaysia.






星洲网 新闻

2030年580万人达60岁．大马人口迅速老化

| 3 | Program dan Aktiviti: | RANG UNDANG-UNDANG PUSAT JAGAAN (PINDAAN) 2017 |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 9 MEI 2017 |
| | • Tempat | DEWAN PERDANA NUR, PUTRAJAYA |
| | • Perasmi | YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI, |




• **Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Rang Undang-Undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 (RUUPJ2017) telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 29 November 2017 dan Dewan Negara pada 19 Disember 2017.

Walaupun Malaysia mempunyai dasar khusus untuk warga emas iaitu Dasar Warga Emas Negara yang telah digubal pada 2011 untuk menjamin kesejahteraan warga emas, namun pada masa ini, tiada akta khusus bagi penjagaan warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas.

Bagi memastikan pusat jagaan warga emas di Malaysia dapat dikawal selia dengan lebih rapi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah bersetuju supaya satu akta khusus digubal berkenaan penjagaan kesihatan warga emas iaitu Rang Undang-Undang (RUU) Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017. RUU ini telah dibentangkan oleh KKM dan diluluskan oleh Parlimen pada tarikh yang sama dengan RUUPJ2017.

Berikutan penggubalan RUU tersebut, **Akta Pusat Jagaan [Akta 506] juga perlu dipinda sewajarnya *(consequential amendments)*** bagi memastikan keselarasan dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan bagi kedua-dua perundangan ini, memandangkan Akta 506 terpakai kepada semua pusat jagaan tanpa meletakkan had umur.

Dengan penggubalan akta baru ini, pengurusan pusat jagaan warga emas swasta akan diuruskan oleh KKM, kecuali institusi atau premis warga emas yang ditubuhkan, dikendalikan atau diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) serta perkhidmatan yang disediakan, dikendalikan dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

| 4 | Program dan Aktiviti: | *SHARING KNOWLEDGE SESSION: GOOD ENOUGH PARENTING* |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 21 JULAI 2017 |
| | • Tempat | DEWAN NUR, KPWKM |
| | • Perasmi | EN. HAZLI AHMAD @ ADENAN |

Unit DKK_Keluarga dan Kependudukan

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Program ini bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan para pegawai dan kakitangan Kementerian mengenai strategi dan cara mendidik anak yang berkesan. Good Enough Parenting bukan bertujuan untuk menjadikan kita pakar, tetapi mengajar teknik-teknik yang betul bagi mendidik anak-anak. Sesi perkongsian ilmu ini disampaikan oleh Encik John Philip Louis.

| 5 | Program dan Aktiviti: | BACAAN KE-2 DAN KE-3 AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA: DEWAN RAKYAT |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 24 JULAI 2017 |
| | • Tempat | PARLIMEN |
| | • Perasmi | |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 (RUU) telah melalui Bacaan Kedua dan Ketiga di Dewan Rakyat pada 24 dan 25 Julai 2017. RUU ini kemudiannya telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 25 Julai 2017. Antara cadangan pindaan utama melibatkan perluasan Tafsiran Keganasan Rumah Tangga, Perintah Perlindungan Kecemasan, Hak Penghunian Eksklusif dan Program Pemulihan kepada pelaku dan mangsa keganasan rumahtangga. Pindaan Rang Undang-undang ini dibentang oleh YB Dato' Sri Rohani, Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.






PARLIMEN
MALAYSIA





| | | |
|---|---|---|
| 6 | Program dan Aktiviti: | BACAAN KE-2 DAN KE-3 AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA: DEWAN NEGARA |
| | • Tarikh | 14 OGOS 2017 |
| | • Tempat | PARLIMEN |
| | • Perasmi | |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 (RUU) telah melalui Bacaan Kedua dan Ketiga di Dewan Negara pada 14 Ogos 2017. RUU ini kemudiannya telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 14 Ogos 2017. Antara cadangan pindaan utama melibatkan perluasan Tafsiran Keganasan Rumah Tangga, Perintah Perlindungan Kecemasan, Hak Penghunian Eksklusif dan Program Pemulihan kepada pelaku dan mangsa keganasan rumahtangga. Pindaan Rang Undang-undang ini dibentang oleh YB Datuk Hajah Azizah bt Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.







| | | |
|---|---|---|
| 7 | Program dan Aktiviti: : | SESI KONSULTASI PIHAK BERKEPENTINGAN MENANGANI KES KEGANASAN RUMAH TANGGA BERSAMA *WOMEN'S AID ORGANISATION* (WAO) |
| | • Tarikh | 26 OKTOBER 2017 |
| | • Tempat | PUSAT KREATIF KANAK-KANAK TAMAN TUANKU BAINUN, TAMAN TUN DR. ISMAIL, KUALA LUMPUR |
| | • Perasmi | YBRS. EN. AZMAN MOHD YUSOF |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Sesi konsultasi ini diadakan rentetan daripada pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 25 Julai 2017 dan 14 Ogos 2017.

Objektif utama sesi konsultasi tersebut adalah untuk mengukuhkan pemahaman agensi-agensi kerajaan dan NGO tentang tanggungjawab masing-masing menurut pindaan baru Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT). Selain itu, sesi konsultasi tersebut juga bertujuan berkongsi pengalaman dan cabaran setiap agensi sepanjang proses pengendalian kes tersebut mengikut bidang kuasa masing-masing.

| | | |
|---|---|---|
| 8 | Program dan Aktiviti: | MESYUARAT PERTAMA JAWATAN KUASA KHAS MENGAWAL SELIA SECARA BERSEPADU PENUBUHAN DAN OPERASI INSTITUT PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (ECCE) |
| | • Tarikh | 31 MEI 2017 |
| | • Tempat | BILIK MESYUARAT UTAMA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA |
| | • Perasmi | YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT & YB MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Jawatankuasa Khas ini ditubuhkan dan diurusetiakan secara bersama di antara Kementerian Pendidikan (KPM) dan KPWKM. Tujuan jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk mengawal selia operasi TASKA, tadika dan pra sekolah di Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai sebanyak 19 buah kementerian/agensi yang terlibat dalam pendidikan awal kanak-kanak.

TASKA ialah pusat jagaan kanak-kanak yang berumur 0 hingga 4 tahun berkuat kuasa berdasarkan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1994 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (1984) [Akta 308] dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 mewajibkan semua TASKA didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk tujuan pemantauan kualiti dan bantuan khidmat perundingan dan latihan. Semua pihak yang ingin membuka TASKA atau yang berminat menjadi pengasuh di TASKA diwajibkan mengikuti Kursus Asuhan Permata.

Selain daripada itu, keperluan pengasuh terlatih juga diterjemahkan dalam Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan 2008. Dasar ini ialah dasar yang komprehensif bagi memastikan perkembangan yang holistik bagi semua kanak-kanak dari lahir hingga 4 tahun. Ia menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Dasar ini merupakan pengukuh serta pelengkap kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada.

| | | |
|---|---|---|
| 9 | **Program dan Aktiviti:** | **MESYUARAT PERTAMA JAWATAN KUASA TEKNIKAL BAGI MENGAWAL SELIA SECARA BERSEPADU PENUBUHAN DAN OPERASI INSTITUSI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK BIL.1/2017** |
| | **• Tarikh** | **29 SEPTEMBER 2017** |
| | **• Tempat** | **BILIK MESYUARAT UTAMA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** |
| | **• Perasmi** | **YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BT LAZEMI –**<br>KSU KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT<br>**& YBHG. DATO' SRI ALIAS BIN HAJI AHMAD –**<br>KSU KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Jawatankuasa Teknikal ini dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta diurusetiakan secara bersama oleh kedua-dua Kementerian. Jawatankuasa ini dianggotai sebanyak 18 buah kementerian/agensi yang terlibat dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Jawatankuasa ini berperanan untuk:

i. mengawal selia penubuhan dan pengoperasian institusi pendidikan awal kanak-kanak berdasarkan Akta, Peraturan dan Garis Panduan sedia ada;

ii. mengawal selia pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak, di semua institusi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia, tanpa meminggirkan hak dan tanggungjawab sedia ada setiap Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam menyediakan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia;

iii. meneliti isu-isu berkaitan penubuhan, pengoperasian dan pelaksanaan institusi pendidikan awal kanak-kanak yang dikemukakan melalui kertas kerja;

iv. meneliti kebolehlaksanaan sesuatu dasar / program / projek berkaitan pendidikan awal kanak-kanak yang memerlukan kerjasama ahli jawatankuasa; dan

v. membawa cadangan dasar / program / aktiviti dan isu-isu berkaitan pendidikan awal kanak-kanak yang telah diteliti di peringkat Jawatankuasa Teknikal untuk pertimbangan dan persetujuan Jawatankuasa Khas.

| 10 | Program dan Aktiviti: | BENGKEL RANG UNDANG- UNDANG KESAKSAMAAN GENDER 2017 |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 30 OGOS 2017 |
| | • Tempat | HOTEL SHANGRI-LA PUTRAJAYA |
| | • Perasmi | **ENCIK STEFAN PRIESNER,** WAKIL UNDP UNTUK MALAYSIA, SINGAPURA & BRUNEI |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan usahasama UNDP menganjurkan satu bengkel rundingan pertama bagi melihat draf Rang Undang Undang atau RUU Kesaksamaan Gender. Bengkel ini dihadiri oleh 47 orang pihak berkepentingan dalam bidang Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita di Malaysia.

Penyampai bengkel merupakan 2 orang pakar yang bertauliah dalam bidang gender, hak asasi manusia dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Ke Atas Wanita (CEDAW), iaitu Puan Shanthi Dairiam dan Puan Zarizana Abd Aziz.

Acara bengkel ini dimulakan dengan ucapan dari **Encik Stefan Priesner**, Wakil UNDP untuk Malaysia, Singapura & Brunei. Beliau mengalu- alukan komitmen kerajaan untuk memulakan proses menderaf RUU Kesaksamaan Gender, dan mengambil pendekatan berunding dengan pihak-pihak berkepentingan dalam isu Gender.

**Encik Azman Mohd Yusof**, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UNDP sebagai rakan usahasama untuk bengkel ini.










| 11 | Program dan Aktiviti: | *SEMINAR MENGENAI PBK YANG BERTAJUK "5$^{TH}$ FAMILY BASED CARE (DEINSTITUTIONALISATION) CONFERENCE 2017: FROM CONCEPT TO ACTION"* |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 21-23 NOVEMBER 2017 |
| | • Tempat | HOTEL SUNWAY PUTRA |
| | • Perasmi | DYMM SULTANAH PAHANG, SULTANAH HAJJAH KALSOM |

Unit DKK _ Kanak-Kanak

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Seminar mengenai PBK yang bertajuk "*5$^{th}$ Family Based Care (Deinstitutionalisation) Conference 2017: From Concept To Action*" telah diadakan pada 21-23 November 2017 di Kuala Lumpur. Seminar ini bertujuan untuk memaklumkan stakeholders KPWKM serta rakan-rakan strategik dan orang awam bahawa sudah tiba masanya pelaksanaan PBK menumpukan perhatian kepada tindakan. Bagi tujuan tersebut, bengkel 3 hari telah diadakan bermula pada 21-23 November 2017 bagi menggubal pelan tindakan pelaksanaan PBK dengan kepakaran teknikal LUMOS.








| 12 | Program dan Aktiviti: | MAJLIS PERASMIAN MAHKAMAH JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK, PUTRAJAYA |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 22 JUN 2017 |
| | • Tempat | ISTANA KEHAKIMAN, PUTRAJAYA |
| | • Perasmi | YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Pada bulan Jun 2017, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang pertama telah ditubuhkan di Putrajaya untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam daerah Shah Alam, Petaling Jaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Penubuhan Mahkamah ini adalah susulan daripada penguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun ini.

Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya dikendalikan oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen Gred JUSA C. Pelantikan Hakim Mahkamah Sesyen pada gred yang tinggi ini adalah kerana kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak melibatkan isu undang-undang yang kompleks dan rentas sempadan. Antara isu undang-undang yang terlibat ialah mengenai keterangan tanpa sokongan *(uncorroborated evidence)*, kebolehpercayaan saksi kanak-kanak *(credibility of child witness)*, kesalahan yang berhubungan dengan pornografi kanak-kanak, kesalahan berhubungan dengan pengantunan kanak-kanak *(child grooming)*, dan pemakaian Akta 792 di luar wilayah *(extra-territorial application)*. Bagi tujuan itu, hanya pegawai kehakiman yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan kehakiman dan pakar dalam undang-undang spesifik dilantik untuk menjadi Hakim Mahkamah Sesyen tersebut.

Semasa penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang pertama di Putrajaya, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah menyediakan keperluan bagi prasarana yang khusus seperti sistem teknologi dan infrastruktur yang bersesuaian dengan mahkamah khas tersebut. Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ini telah dilengkapi dengan sistem *Court Recording Transcription* (CRT), Sistem Audio Visual dan Bilik Saksi Kanak-Kanak dan Bilik Menunggu Saksi Kanak-Kanak. Prasarana khusus ini amat penting demi membantu prosiding perbicaraan di mahkamah khas tersebut. Kemudahan yang disediakan ini dapat memastikan perbicaraan dan pendengaran kes dijalankan dengan cepat dan berkesan. Sistem Audio Visual ini membolehkan saksi kanak-kanak lebih selesa untuk memberi keterangan di dalam bilik saksi yang berasingan dari bilik bicara Mahkamah. Sistem Audio Visual ini juga membantu pihak Pendakwa Raya dan peguam untuk mengendalikan prosiding mahkamah.







| 13 | Program dan Aktiviti: | SEMINAR JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK: HENTIKAN!!! |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 13-14 MAC 2017 |
| | • Tempat | PWTC KUALA LUMPUR |
| | • Perasmi | YAB DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR |

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Perlindungan kanak-kanak daripada jenayah seksual merupakan salah satu daripada tanggungjawab terbesar Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan berkaitan antaranya seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan rakan-rakan strategik yang terdiri daripada UNICEF, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan ahli akademik. Oleh yang demikian, KPWKM amat berbesar hati dan menghargai usaha dan langkah strategik yang telah diambil oleh YAB Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri Perdana Menteri bersama-sama YB Dato' Sri Azalina Othman Said atas inisiatif penganjuran Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!! yang telah diadakan pada 13 hingga 14 Mac 2017 di PWTC dan diteruskan dengan pembentangan Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 pada April 2017.



| | | |
|---|---|---|
| 14 | Program dan Aktiviti: | **BENGKEL PENYEDIAAN PELAN TINDAKAN PENYELARASAN BAGI MENANGANI ISU GOLONGAN GELANDANGAN DAN PENEGEMISAN** |
| | • Tarikh | **26 DAN 27 JANUARI 2017** |
| | • Tempat | **DEWAN PERDANA NUR KPWKM** |
| | • Perasmi | **YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI,**<br>KETUA SETIAUSAHAHA KPWKM |

Unit DM _ Masyarakat

**• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Bengkel ini diadakan ekoran keputusan Mesyuarat Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan Bil.3/2016 pada 16 Disember 2016 yang telah memutuskan supaya sebuah bengkel membincangkan pelan tindakan gelandangan dan pengemisan diadakan. Mesyuarat tersebut antara lain mencadangkan supaya pelan tindakan yang akan dibangunkan ini mengambil kira program sedia ada.

Ia diadakan untuk menambah baik dan mengembangkan idea kepada cadangan Pelan Tindakan yang telah dibentangkan oleh 5 *focal point* semasa mesyuarat tersebut. Seramai 50 orang peserta daripada semua agensi yang menganggotai Mesyuarat Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan dan Pengemis telah menghadiri bengkel ini. Bengkel ini telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 26 dan 27 Januari 2017 di Dewan Nur, KPWKM. Peserta dibahagikan kepada 5 kumpulan mengikut *focal point*.










| 15 | | |
|---|---|---|
| | **Program dan Aktiviti:** | **PROGRAM PEMANTAPAN JATI DIRI GELANDANGAN** |
| | • **Tarikh** | **1 OGOS HINGGA 30 SEPTEMBER 2017** |
| | • **Tempat** | **KEM PLKN GEO KOSMO, KUALA KUBU BHARU, SELANGOR** |
| | • **Perasmi** | **YBHG. DATUK SERI ADNAN BIN HJ. MD IKSHAN**<br>KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN |

• **Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama KPWKM dan agensi-agensi lain yang berkaitan telah melaksanakan Program Pemantapan Jati Diri Gelandangan di Kem PLKN Geo Kosmo, Kuala Kubu Bharu, Selangor sebagai inisiatif dalam menangani isu gelandangan semasa Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 di Kuala Lumpur. Program ini melibatkan menempatkan gelandangan yang diselamatkan melalui operasi bersepadu di Kem PLKN tersebut berserta dengan pengisian pelbagai modul pemantapan jati diri bermula dari 1 Ogos hingga 30 September 2017. Seramai lebih daripada 200 orang gelandangan terlibat dalam program ini. Sekretariat Menangani Isu Gelandangan di bawah KPWKM telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras modul sepanjang program tersebut berlangsung.












# Bahagian Kewangan



# LAPORAN TAHUNAN BAHAGIAN KEWANGAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM) BAGI TAHUN 2017

## a) Pengurusan Bajet

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menerima peruntukan asal sebanyak RM1,981,741,600 di bawah Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2017.

Pecahan peruntukan KPWKM bagi tahun 2017 adalah seperti di Rajah 1:

Rajah 1: Pecahan peruntukan KPWKM Tahun 2017




| PERUNTUKAN MENGURUS TAHUN 2017 | |
|---|---|
| **BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI** | **JUMLAH (RM)** |
| Pengurusan & Perancangan Dasar (KPWKM) | 67,895,200 |
| Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | 1,808,213,500 |
| Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) | 26,039,200 |
| Institut Sosial Malaysia (ISM) | 9,289,500 |
| NAM *Institute for The Empowerment of Women* (NIEW) | 3,304,200 |
| Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) | 67,000,000 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,981,741,600** |

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan KPWKM bagi tahun 2017 adalah berjumlah RM1,946,594,828 atau 98.23%. Lebihan peruntukan yang tidak habis dibelanjakan adalah antara lainnya disebabkan langkah perbelanjaan berhemat di samping tanggungan tidak sempat dibayar kerana tarikh akhir pembayaran telah dipendekkan ke 05 Disember 2017 dan tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) bagi tahun 2017.

## b) Pengurusan Perolehan

Bagi urusan perolehan, Bahagian Kewangan bertindak sebagai penyelaras semua urusan perolehan di Kementerian dan Jabatan / Agensi di bawahnya berpandukan kepada tatacara kewangan dan kaedah perolehan semasa yang berkuat kuasa. Ringkasan keseluruhan urusan perolehan bagi KPWKM dan Jabatan / Agensi di bawahnya adalah seperti Rajah 2 di bawah.

Rajah 2: Pecahan perolehan KPWKM Tahun 2017



Berdasarkan Rajah 2, sebanyak 22 urusan perolehan telah dilaksanakan pada tahun 2017 yang terdiri dari 8 perolehan melalui sebut harga (36.36%), 5 perolehan melalui tender (22.72%) dan 8 perolehan secara rundingan terus (36.36%) dan 1 perolehan perunding (4.55%).

Selaras dengan inisiatif baru dalam perolehan Kerajaan, KPWKM telah memproses penyediaan Pesanan Kerajaan secara elektronik di mana pada tahun 2017 sebanyak 629 Pesanan Tempatan Kerajaan telah diproses melalui sistem ePerolehan.

Pencapaian Penggunaan Sistem eP untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan tahun 2017 pula, jumlah keseluruhan perbelanjaan yang dirancang adalah sebanyak RM134,178,220.00 dan pencapaian dari 1 Januari hingga 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM130,994,076.94. Secara keseluruhannya, peratus pencapaian adalah sebanyak 97.56% sehingga 31 Disember 2017.

Bagi meningkatkan kecekapan pengumpulan dan pengurusan maklumat perolehan, Kementerian Kewangan telah membangunkan *Government Procurement Information System* (GPIS). Sehubungan itu, semua maklumat perolehan Kementerian bagi tahun 2017 telah dimasukkan ke dalam Sistem GPIS meliputi peringkat awal pelaksanaan perolehan/projek sehingga perolehan/projek selesai.

Sebanyak tujuh (7) kali Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH), KPWKM telah dilaksanakan yang melibatkan 10 kertas pertimbangan telah disemak dan dibentangkan kepada ahli Mesyuarat JKSH, KPWKM. Manakala sebanyak tiga belas (13) kali Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B' telah dilaksanakan yang melibatkan 61 kertas pertimbangan telah disemak dan dibentangkan kepada ahli Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B', KPWKM.

## c) Pengurusan Bayaran dan Perakaunan

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab bagi memastikan semua bayaran bil dan tuntutan disempurnakan dalam tempoh 14 hari seperti mana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 103 (a). Semua bayaran dan terimaan telah diperakaunkan dan diselenggara dengan teratur. Semua penyata penyesuaian bagi terimaan/bayaran/amanah telah dibuat secara berkala mengikut jenis vot masing-masing.

Secara keseluruhan, prestasi pembayaran bil Kementerian (tidak termasuk agensi) pada tahun 2017 bagi tempoh tujuh (7) hari adalah 90.26% iaitu sebanyak 4,363 bil. Prestasi bil dalam tempoh tujuh (7) hingga 14 hari adalah 4.61% (223 bil). Manakala prestasi bil melebihi tempoh 14 hari adalah 5.01% (242 bil). Pecahan pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari, 14 hari dan melebihi 14 hari bagi tahun 2017 adalah seperti di Rajah 3 berikut:

Rajah 3: Prestasi Pembayaran Bil Kementerian (Tidak Termasuk Agensi) Bagi Tahun 2017



## PENCAPAIAN/PROGRAM 2017 BAHAGIAN DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK BAGI PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN 2017 KPWKM

| Bil. | Program/Pencapaian | Tarikh | Unit |
|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Penyelarasan dan Semakan Semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara | 9 Mei 2017 | DWO<br>Pn. Meun |
| 2 | Mesyuarat Jaringan Penyelidikan Penuaan Malaysia 2017 *(The Malaysian Ageing Research Network Meeting 2017, MARNM2017)* | 24 Oktober 2017 | |
| 3 | Rang Undang-Undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017 | 9 Mei 2017 | |
| 4 | *Sharing Knowledge Session: Good Enough Parenting* | 21 Julai 2017 | DKK<br>Pn. Nor Fathiah |
| 5 | Bacaan Ke-2 dan Ke-3 Akta Keganasan Rumah Tangga: Dewan Rakyat | 24 Julai 2017 | |
| 6 | Bacaan Ke-2 dan Ke-3 Akta Keganasan Rumah Tangga: Dewan Negara | 14 Ogos 2017 | |
| 7 | Sesi Konsultasi Pihak Berkepentingan Menangani Kes Keganasan Rumah Tangga Bersama *Women's Aid Organisation* (WAO) | 26 Oktober 2017 | |
| 8 | Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Khas Mengawal Selia Secara Bersepadu Penubuhan dan Operasi Institut Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) | 31 Mei 2017 | |
| 9 | Mesyuarat Pertama Jawatan Kuasa Teknikal Bagi Mengawal Selia Secara Bersepadu Penubuhan Dan Operasi Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak Bil.1/2017 | 29 September 2017 | |
| 10 | Bengkel Rang Undang- Undang Kesaksamaan Gender 2017 | 30 Ogos 2017 | DW<br>Pn. Nurul Huda |
| 11 | Seminar Mengenai PBK yang Bertajuk "5th *Family Based Care (Deinstitutionalisation) Conference 2017: From Concept To Action*" | 21-23 November 2017 | DK<br>Pn. Umi Fadhilah |
| 12 | Majlis Perasmian Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-Kanak, Putrajaya | 22 Jun 2017 | |
| 13 | Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!! | 13-14 Mac 2017 | |
| 14 | Bengkel Penyediaan Pelan Tindakan Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan dan Penegemisan | 26-27 Januari 2017 | DM<br>En. Faizal Adli |
| 15 | Program Pemantapan Jati Diri Gelandangan | 1 Ogos-30 September 2017 | |

# Bahagian Hubungan Antarabangsa



# Bahagian Hubungan Antarabangsa

## LAPORAN TAHUNAN UNIT PELBAGAI HALA (AM) 2017

1. • Sidang Kemuncak Wanita Global 2017 *(Global Summit of Women)*, Tokyo, Jepun, 11 - 13 Mei 2017
   • Dianjurkan oleh *Global Summit of Women*, sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berpusat di Washington D.C.

   • **Tema utama:**
   *"Beyond Womenomics: Accelerating Access"*

   • **Tujuan/objektif**
   – Merupakan satu persidangan yang menyediakan platform bagi meneroka strategi praktikal dan amalan terbaik dalam memajukan peluang ekonomi wanita di seluruh dunia.

   • ***Outcome***
   – Menjadi platform untuk berkongsi amalan terbaik bagi memperkasakan golongan wanita, sekaligus menggalakkan kerjasama dua-hala bagi mempercepatkan kemajuan wanita di seluruh pelusuk dunia.

   – Sidang Kemuncak Wanita Global 2017 merupakan yang terbesar dalam sejarah penganjurannya sejak 1990 dengan rekod penyertaan seramai 1,300 peserta daripada lebih 60 buah negara.

   – Penerima anugerah GSW 2017 adalah Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe, Joyce Banda, bekas Presiden Malawi dan Gabenor Tokyo, Yuriko Koike.

   – Sepanjang persidangan selama tiga hari di Global Summit of Women 2017, 24 sesi perbincangan telah diadakan. Sesi pengucapan/ pembentangan memfokuskan pelbagai topik dan kebanyakannya akan melibatkan sekurang-kurang seorang pembentang dari Jepun; daripada *Doing business with Japan, Women entrepreneurs forums, Building your personal brand, Recovering from business setbacks, Accelerating women's corporate leadership, Building collaborations with men, Equalizing the pay gap* dan sebagainya.

   – Persidangan banyak berkisar tentang usaha-usaha global amnya dan Jepun khususnya bagi merapatkan jurang antara gender dalam sektor ekonomi dan meningkatkan penyertaan wanita dalam posisi kepimpinan.

2. Hari UNESCO Malaysia (HUM) 2017 telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua Agensi di Kundasang, Sabah pada 9 dan 10 September 2017. Program ini bertujuan untuk menonjolkan penglibatan dan pencapaian Malaysia di peringkat UNESCO serta memberi pendedahan dan fungsi Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). Sabah dipilih sebagai lokasi kerana Kinabalu Park merupakan tapak warisan UNESCO yang pertama di Malaysia dan bersesuaian dengan tema Hari UNESCO pada kali ini iaitu " Harmoni dengan Alam Semula Jadi".

2.1 Agensi yang terlibat dalam menjayakan HUM 2017 iaitu:
(i) JKM
(ii) JPW
(iii) LPPKN

2.2 Pengisian program HUM 2017:
(i) Pameran;
(ii) Saringan Kesihatan; dan
(iii) Program Interaktif seperti:
- Program *Family Race* Kinabalu;
- *Art Therapy;*
- *Play therapy;* dan
- Kuiz.




















| Bil. | Program/Pencapaian | Tarikh | Tempat | Unit |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Selaku Presiden IGC MOST, YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berjaya menganjurkan empat (4) mesyuarat dan program yang berkaitan di Kuala Lumpur pada bulan Mac 2017<br><br>i) Mesyuarat *Bureau of the Intergovernmental Council of the Management of Social Transformations Programme;*<br><br>ii) Mesyuarat *Intergovernmental Council of the Management of Social Transformations Programme;*<br><br>iii) *Senior Officials Meeting for Asia-Pacific Regional Forum of Management of Social Transformations Programme;* dan<br><br>iv) *Asia-Pacific Ministerial Forum of Management of Social Transformations Programme.* | <br><br><br><br>14 – 15 Mac 2017<br><br>16 – 17 Mac 2017<br><br>20 – 21 Mac 2017<br><br>22 – 23 Mac 2017 | Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur | Malaysia melalui YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dilantik sebagai *President of the Intergovernmental Council of the Management of Social Transformations Programme*, UNESCO bagi tempoh 2015-2017.<br><br>Selain itu, Malaysia juga telah dilantik sebagai ahli Lembaga Eksekutif UNESCO bagi penggal 2015-2019.<br><br>Mesyuarat *Bureau of IGC* telah dihadiri oleh 8 negara anggota yang dilantik sebagai ahli biro tersebut<br><br>Mesyuarat *IGC of MOST* melibatkan 34 negara anggota yang dilantik sebagai ahli majlis tersebut<br><br>SOM dan *Asia-Pacific Ministerial Forum of MOST* telah dihadiri oleh menteri-menteri dan wakil dari negara-negara rantau Asia-Pasifik yang terlibat dengan pembangunan sosial<br><br>Tema *Asia-Pacific Ministerial Forum of MOST* adalah *“Building Inclusive Societies”* yang merupakan terjemahan daripada Agenda Pembangunan 2030 *Sustainable Development Goals*<br><br>Objektif forum menyediakan platform kepada negara rantau Asia-Pasifik untuk berkongsi maklumat, pengalaman dan pengetahuan dalam membangun serta melaksanakan *evidence-based policy* bagi memastikan dasar yang dihasilkan dapat menangani cabaran semasa dan akan datang. |

## LAPORAN TAHUNAN UNIT SERANTAU (AR) 2017

### 1. Kumpulan Sasar

**Wanita**

- Kunjungan Hormat oleh H.E. Anne Namakau Mutelo, Pesuruhjaya Tinggi Namibia di Malaysia ke atas YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, 20 Februari 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  - Berkenaan dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac seluruh dunia

- **Topik Perbincangan:**
  - Berkaitan dengan tema Hari Wanita Antarabangsa 2017 iaitu '*Women in the Changing World of Work: Planet 50-50 by 2030*'
  - Perancangan KPWKM dalam mengadakan beberapa program dan aktiviti dalam memastikan kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita menjelang 2030

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh H.E. Anne Namakau Mutelo, Pesuruhjaya Tinggi Namibia ke Malaysia ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim. | 20 Februari 2017 |







| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. KSU bermula |
| 2 | YBhg. Datuk Dr. KSU menyampaikan cenderamata kepada Pesuruhjaya Tinggi Namibia atas kesudian mengunjungi KPWKM |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Pesuruhjaya Tinggi Namibia |

## 2. Kumpulan Sasar

### Wanita

Kunjungan hormat oleh TYT Ali bin Nasser Al-Ghafis, Menteri Buruh dan Pembangunan Sosial, Arab Saudi ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 28 Februari 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  - Lawatan ke KPWKM untuk menimba pengalaman Malaysia di dalam aspek pembangunan wanita di Malaysia

- **Topik Perbincangan:**
  - Perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan sosial yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh TYT Ali bin Nasser Al-Ghafis, Menteri Buruh dan Pembangunan Sosial, Arab Saudi ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. | 28 Februari 2017 |



1



2



3

| | |
|---|---|
| 1 | YB Menteri memberi penerangan kepada TYT Ali bin Nasser Al-Ghafis tentang Putrajaya |
| 2 | Sesi penggambaran sidang media berkenaan kunjungan hormat Delegasi Arab Saudi ke KPWKM |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama delegasi Arab Saudi |

## 3. Kumpulan Sasar

**Wanita dan Keluarga**

Kunjungan hormat H.E. Zaneysha, Menteri Gender dan Keluarga, Republik Maldives ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
20 Mac 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  – Hasrat untuk mengadakan hubungan dua hala antara Malaysia (KPWKM) dan Maldives (Kementerian Gender dan Keluarga)

- **Topik Perbincangan:**
  – Perkara-perkara yang berkaitan dengan kesaksamaan gender dan pembangunan keluarga yang telah dan akan dilaksanakan oleh KPWKM

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh H.E. Zaneysha, Menteri Gender dan Keluarga, Republik Maldives ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. | 20 Mac 2017 |







| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bermula |
| 2 | YB Menteri menyampaikan cenderamata kepada Menteri Gender dan Keluarga Maldives |



## 4. Kumpulan Sasar

**Kanak-kanak**

Kunjungan hormat oleh Alok Sharma MP, *The Parliamentary Undersecretary for the Foreign and Commonwealth Office (Minister for Asia and the Pacific)* ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 7 April 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  – Pertemuan susulan selepas lawatan YBM ke London pada 19 hingga 20 September 2016.

- **Topik Perbincangan:**
  – Usaha KPWKM dalam memastikan perlindungan kanak-kanak walaupun terdapat halangan dan rintangan
  – Perbincangan lanjut berkenaan dengan Dasar Kanak-kanak 2017

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh Alok Sharma MP, *The Parliamentary Undersecretary for the Foreign and Commonwealth Office (Minister for Asia and the Pacific)* ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. | 7 April 2017 |







| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bermula |
| 2 | YB Menteri menyampaikan cenderamata kepada Pesuruhjaya Tinggi British |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Delegasi Suruhanjaya Tinggi British |

### 5. Kumpulan Sasar

**Masyarakat**

Kunjungan hormat *Canadian Chief's Executive Police* ke atas YBhg. Datin Noorazah Omar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM, 14 April 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  – Mempelajari model pembelajaran berasaskan masalah agar dapat mencapai matlamat untuk memajukan kepimpinan strategik dalam bidang kepolisan

- **Topik Perbincangan:**
  – Pembelajaran dan perkongsian amalan terbaik antara negara Kanada dan Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat *Canadian Chief's Executive Police* ke atas Puan Siti Azwah Zubir, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Hubungan Antarabangsa KPWKM, | 14 April 2017 |



1



2




3

| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh KPSU (HA), KPWKM bermula |
| 2 | KPSU (HA) menyampaikan cenderamata kepada wakil *Canadian Chief's Executive Police* |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama *Canadian Chief's Executive Police* |

## 6. Kumpulan Sasar

**Pelajar miskin**

Lawatan oleh *China Foundation for Poverty Allevation (CFPA)* ke atas YBhg. Datin Noorazah Omar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM, 18 April 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  - Mendapatkan maklumat lanjut berkenaan orang miskin terutamanya di kalangan pelajar di Malaysia

- **Topik Perbincangan:**
  - Maklumat berkenaan kumpulan tercicir dalam bidang pendidikan di Malaysia
  - Mengenal pasti rakyat/pelajar yang memerlukan bantuan
  - Dasar kerajaan dan program kebajikan dalam memberikan bantuan kepada pelajar yang memerlukan
  - Cadangan biasiswa untuk projek CFPA di Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| | Lawatan oleh *China Foundation for Poverty Allevation (CFPA)* ke atas YBhg. Datin Noorazah Omar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Hubungan Antarabangsa KPWKM. | 18 April 2017 |










| | |
|---|---|
| 1 | Sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh YBhg. Datin SUB (HA) bermula |
| 2 | YBhg. Datin SUB (HA) menyampaikan cenderamata kepada wakil CFPA |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama CFPA |

## 7. Kumpulan Sasar

**Wanita dan Keluarga**

Lawatan Rasmi oleh Dr Naif Al-Saubhi, Kementerian Buruh dan Pembangunan Sosial ke atas YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 11 – 12 Mei 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  - Susulan daripada kunjungan hormat oleh Menteri Buruh dan Pembangunan Sosial, Arab Saudi pada 28 Februari 2017

- **Program Lawatan:**

**Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Orang Kurang Upaya (PLPP) Bangi**

– Sesi taklimat mengenai latar belakang dan fungsi PLPP.

– Delegasi Arab Saudi dibawa untuk melihat kelas-kelas latihan vokasional yang disediakan bagi golongan OKU seperti kelas seni lukis dan batik, menjahit, dan komputer serta dibawa untuk melihat bengkel bagi membuat alatan untuk golongan OKU seperti kaki dan tangan palsu.

**Rumah Seri Kenangan (RSK)**

– Meninjau persekitaran dan pengurusan rumah warga emas di Malaysia sambil bertukar-tukar pendapat dan maklumat tentang pengurusan

**Taman Seri Puteri (TSP)**

– Melawat institusi untuk menimba ilmu dan maklumat yang berguna untuk diaplikasikan di Arab Saudi

**Institut Sosial Malaysia (ISM)**

– Mengenal pasti modul-modul menarik yang boleh dipraktikkan di Arab Saudi untuk tujuan pembangunan

- **Topik Perbincangan:**
  - Kerajaan Arab Saudi mempelawa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melawat negara Arab Saudi
  - Perbincangan dengan lebih terperinci berkenaan dengan Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang pembangunan sosial serta mewujudkan kumpulan kerja teknikal

| Kunjungan Hormat oleh Dr. Naif Al-Saubhi, Kementerian Buruh dan Pembangunan Sosial ke atas YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | 11 -12 Mei 2017 |
|---|---|







| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri bermula |
| 2 | YB Timbalan Menteri menyampaikan cenderamata kepada wakil Delegasi Arab Saudi |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Delegasi Arab Saudi |



**8. Kumpulan Sasar**

**Wanita dan Keluarga**
Lawatan daripada *Southeast Asian Minister of Education Organisation (SEAMEO) Innotech* ke atas Setiausaha Bahagian, Bahagian Hubungan Antarabangsa, YBrs. Puan Fadzilah Fadzil, 1 Jun 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  - Mengadakan sesi temu bual antara wakil SEAMEO dengan wakil KPWKM berkenaan pendidikan kanak-kanak di Malaysia

- **Topik Perbincangan:**
  - Maklumat lebih lanjut berkenaan dengan sistem pembelajaran antara kanak-kanak di Malaysia
  - Cabaran dan halangan serta amalan-amalan terbaik di Malaysia dalam menjaga kebajikan kanak-kanak

**9. Kumpulan Sasar**

**Wanita (Awal Remaja)**
Kunjungan Hormat oleh Presiden *Leadership and Professionalism Development Society of Malaysia* (LEAD) ke atas YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, 21 Ogos 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  - LEAD Malaysia berhasrat untuk bertemu dengan YB Menteri bagi membincangkan tentang peluang untuk berkerjasama dengan kementerian dalam pemerkasaan wanita terutamanya di kalangan generasi muda di Malaysia.

- **Topik Perbincangan:**
  - LEAD Malaysia menekankan antara agenda utama mereka adalah untuk membantu pihak kementerian dalam usaha membantu pelajar-pelajar di Malaysia bagi memastikan pemerkasaan adalah secara inklusif.
  - LEAD Malaysia juga berkongsi antara cabaran-cabaran yang dilalui oleh organisasi tersebut apabila kesedaran atau pemahaman pelajar-pelajar terutamanya di peringkat pelajar-pelajar universiti tentang inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan oleh kementerian sangat terhad.
  - LEAD Malaysia juga telah menghantar satu kertas cadangan kepada pihak Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Program ini berbentuk bengkel pemerkasaan wanita *('Rise to Shine')* yang disediakan khas kepada pelajar-pelajar berumur dalam lingkungan 13 – 17 tahun yang tinggal di kawasan pedalaman seperti di FELDA dan Kampung Orang Asli.
  - Antara sebab utama kategori umur ini dipilih adalah kerana pihak LEAD Malaysia ingin memfokuskan kepada keperluan remaja-remaja lingkungan umur ini daripada segi kesedaran tentang pembelajaran seks dan memberi panduan kepada mereka semasa mereka memerlukan pertolongan antaranya kemudahan talian Kasih 15999 iaitu antara kemudahan yang disediakan oleh kementerian.

- **Hasil Perbincangan:**
  - Pihak JPW perlu meneliti semula kertas cadangan 'Rise to Shine' dan memberi maklum balas kepada pihak LEAD Malaysia.

## 10. Kumpulan Sasar

### Wanita

Lawatan kerja daripada Delegasi Afghanistan ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 21 Ogos 2017.

- **Tujuan/ objektif:**
  – Membincangkan berkenaan pelaksanaan *gender responsive budgeting* (GRB) di Malaysia dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh KPWKM.

- **Hasil Perbincangan:**
  – KPWKM bersetuju untuk berkongsi manual GRB yang telah disediakan di mana boleh juga didapati secara atas talian di laman sesawang rasmi KPWKM.
  – KPWKM menerangkan tentang kepentingan inisiatif-inisiatif negara berbentuk pendidikan dan program-program kesedaran tentang keganasan rumah tangga dalam menangani isu-isu keganasan rumah tangga.

| | | |
|---|---|---|
| | Lawatan Kerja Delegasi Afghanistan kepada Puan Fadzilah Fadzil, Setiausaha Bahagian, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM. | 21 Ogos 2017 |








| | |
|---|---|
| 1 | Sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh YBrs. Puan SUB (HA) bermula |
| 2 | YBrs. Puan SUB (HA) menyampaikan cenderamata kepada wakil Delegasi Afghanistan |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Delegasi Afghanistan |

## 11. Kumpulan Sasar

**Wanita**

Kunjungan Hormat oleh Duta AS ke Malaysia, H.E. Kamala Shirin Lakhdhir ke atas YB Menteri Dato' Sri Rohani Abdul Karim, 29 Ogos 2017.

- **Tujuan/ objektif:**
  – Memperkenalkan diri sebagai Duta AS ke Malaysia yang baharu sambil membincangkan perkara-perkara utama yang melibatkan Kedutaan AS dan KPWKM

- **Topik Perbincangan:**
  – Isu pemerdagangan manusia terutamanya di kalangan wanita
  – Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh KPWKM dalam menangani isu-isu berkaitan dengan bencana alam seperti banjir di Pantai Timur

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh Duta AS ke Malaysia, H.E. Kamala Shirin Lakhdhir ke atas YB Menteri Dato' Sri Rohani Abdul Karim. | 29 Ogos 2017 |


1


2


3

| | |
|---|---|
| 1 | Sesi santai antara YB Menteri dan Duta AS sebelum sesi kunjungan hormat dimulakan |
| 2 | YB Menteri menyampaikan cenderamata kepada Duta AS |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Wakil Kedutaan AS |

## 12. Kumpulan Sasar

**Wanita**

Kunjungan Hormat oleh *UN Resident Coordinator* dan UNDP *Resident Representative*, Mr. Stefan Priesner ke atas YB Menteri Dato' Sri Rohani Abdul Karim, 30 Ogos 2017.

- **Tujuan/ objektif:**
  - Memperkenalkan diri sebagai UN *Resident Coordinator* dan UNDP *Resident Representative* yang baharu sahaja dilantik
  - Berkongsi pendapat berkenaan dengan hal-hal berkaitan dengan wanita

- **Hasil Perbincangan:**
  - Pihak UNDP memberi pengiktirafan terhadap segala initiatif yang telah dijalankan oleh KPWKM terutamanya projek-projek yang berkaitan *gender mainstreaming*, kolaborasi antara Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KPWKM dan UNDP

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh UN Resident Coordinator dan UNDP *Resident Representative*, Mr. Stefan Priesner ke atas YB Menteri Dato' Sri Rohani Abdul Karim. | 30 Ogos 2017 |







| | |
|---|---|
| 1 | Sesi suai kenal antara YB Menteri dan UN *Resident Coordinator* sambil menjamu hidangan makanan tengah hari |
| 2 | Sesi kunjungan hormat bermula selepas menikmati hidangan makanan tengah hari |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama UN *Resident Coordinator* |

## 13. Kumpulan Sasar

**Wanita**

Lawatan rasmi oleh H.E. Tshering Kezang, Ketua Audit Bhutan ke atas YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM, 7 September 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  – Memahami perkara-perkara berkaitan isu gender seperti dasar, inisitiatif berkaitan *gender mainstreaming,* pemerkasaan wanita, mengurangkan jurang gender, *gender responsive budget* (GRB) dan hal-hal berkaitan

- **Hasil Perbincangan:**
  – Pihak Bhutan berpuas hati dengan pembentangan yang diberikan berkaitan dengan *inistiatif gender mainstreaming* serta program-program yang dijalankan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)

| | | |
|---|---|---|
| | Lawatan Rasmi oleh H.E. Tshering Kezang, Ketua Audit Bhutan ke atas YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KPWKM. | 7 September 2017 |










| | |
|---|---|
| 1 | Sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. TKSU (O) bermula |
| 2 | YBrs. Dr. TKSU (O) menyampaikan cenderamata kepada Ketua Audit Bhutan |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Delegasi Bhutan dan wakil Jabatan Audit Negara |

## 14. Kumpulan Sasar

**Wanita dan Keluarga**

Kunjungan hormat oleh H.E. Dag Juhlin-Dannfelt, Duta Sweden ke Malaysia ke atas YB Menteri Dato' Sri Rohani Abdul Karim, 19 September 2017.

- **Tujuan/ objektif:**
  - Beramah mesra dengan YB Menteri sambil memperkenalkan diri sebagai Duta Sweden ke Malaysia yang baharu
  - Menjemput YBM untuk merasmikan pembukaan pameran *Swedish Dads* and *Malaysia Dads* (menampilkan pemenang-pemenang pertandingan *Malaysia Dads Photography*) pada 21 November 2017 di Galeri Seni Negara.

- **Hasil Perbincangan:**
  - YB Menteri menerima pelawaan untuk merasmikan program tersebut berdasarkan kelapangan jadual (YB Menteri diwakili oleh YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh H.E. Dag Juhlin-Dannfelt, Duta Sweden ke Malaysia ke atas YB Menteri Dato' Sri Rohani Abdul Karim. | 19 September 2017 |







| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh YB Menteri bermula |
| 2 | YB Menteri menyampaikan cenderamata kepada Duta Sweden |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama Delegasi Kedutaan Sweden |

## 15. Kumpulan Sasar

### Wanita

APEC Women and The Economy Forum 2017 di Hue City, Vietnam pada 26 hingga 29 September 2017 telah dihadiri oleh menteri-menteri dan pegawai kerajaan yang mewakili 21 ekonomi APEC serta pakar ekonomi dan sektor swasta. KPWKM telah diwakili oleh Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Puan Dg Shalbia Abdul Ghani.

- **Tema:**
  – Forum ini yang bertemakan *Enhancing Women's Economic Inclusion and Empowerment in the Changing World* telah dirasmikan oleh Dao Hong Lan, *Deputy Minister of Labor, Invalids and Social Affairs*, Vietnam.

- **Tujuan/ objektif:**
  – Dalam sesi *High Level Policy Dialogue on Women and the Economy*, TSUB Dasar, KPWKM telah menyampaikan kenyataan negara berhubung wanita dan ekonomi di Malaysia.

| | | |
|---|---|---|
| | APEC *Women and the Economy Forum* 2017 di Hue City, Vietnam. | 26 – 29 September 2017 |









| | |
|---|---|
| 1 | Wakil ekonomi APEC bergambar kenangan sebelum mesyuarat *Policy Partnership Women and the Economy* (PPWE2) berlangsung |
| 2 | Sesi bual bicara semasa *Public-Private Dialogue Women and the Economy* (PPDWE) berlangsung |
| 3 | Wakil ekonomi APEC bergambar kenangan sebelum mesyuarat *High Level Policy Dialogue Women and the Economy* (HLPDWE) berlangsung |

### 16. Kumpulan Sasar

**Wanita dan Keluarga**
Lawatan oleh *Sri Lanka Foundation* (SLF) ke atas YBrs. En. Azman Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM, 12 Oktober 2017.

- **Tujuan/ objektif:**
  – Lawatan sambil belajar ke KPWKM sebagai sebahagian daripada program *'Activating Career Transformation for Aspiring Women Leaders'* yang dikendalikan oleh Open University Malaysia (OUM)

- **Hasil Perbincangan:**
  – Wakil SLF amat menghargai kesudian KPWKM untuk menerima delegasi SLF seramai 34 orang dan berkongsi serba sedikit tentang latar belakang kementerian dan inisitiatif-inisiatif yang telah dijalankan terutamanya untuk golongan wanita

### 17. Kumpulan Sasar

**Wanita**
Kunjungan Hormat oleh YBhg. Dato' Rahmah Abdul Hamid, Presiden *Pan Pacific South East Asia Women's Association* (PPSEAWA) ke atas YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, 30 Oktober 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  – PPSEAWA bercadang untuk membuat pembentangan bertajuk *'Participation in and Access of Women to the Media, and Information and Communications Technologies and Their Impact on the Use as an Instrument for the Advancement and Empowerment of Women'.*

- **Hasil Perbincangan:**
  – Pihak KPWKM menyatakan hasrat untuk menyertai 62CSW2018 dan akan menyediakan *concept paper* yang berkaitan semasa sesi pembentangan kelak.



| | | |
|---|---|---|
| | Kunjungan Hormat oleh YBhg. Dato' Rahmah Abdul Hamid, Presiden *Pan Pacific South East Asia Women's Association* (PPSEAWA) ke atas YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM. | 30 Oktober 2017 |










| | |
|---|---|
| 1 | Sesi kunjungan hormat yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. KSU bermula |
| 2 | YBhg. Datuk Dr. KSU menyampaikan cenderamata kepada Presiden PPSEAWA |
| 3 | Pegawai Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bergambar kenangan bersama PPSEAWA |

### 18. Kumpulan Sasar

**Wanita**

Kunjungan Hormat oleh YBhg. Dato' Rahmah Abdul Hamid, Presiden *Pan Pacific South East Asia Women's Association* (PPSEAWA) ke atas YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KPWKM, 16 November 2017

- **Tujuan/ objektif:**
  – PPSEAWA ingin mengucapkan jutaan tahniah di atas lantikan baharu KSU dan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan tindakan susulan

- **Hasil Perbincangan:**
  – Pihak KPWKM masih berpegang kepada perjanjian iaitu akan menyokong PPSEAWA berkenaan urusan *side event* 62CSW2018

## LAPORAN TAHUNAN UNIT ASEAN (AB) 2017

1 **Mesyuarat *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* (ACWC) ke-15 Mesyuarat Bersama ACWC – *ASEAN Committee on Women* (ACW) ke-4 serta Mesyuarat ACW ke-16 dan Mesyuarat ACW *Plus Three Countries* (ACW+3) ke-9 diadakan di Phuket, Thailand dari 4 hingga 8 September 2017**




Antara Delegasi Malaysia iaitu YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal (Wakil ACWC Hak Kanak-kanak) (kanan) dan Puan Fadzilah binti Fadzil, Setiausaha, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM (Wakil ACWC Hak Wanita) (kiri)

2 **Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial *(Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development* - SOMSWD) ke-13 dan mesyuarat SOMSWD+3 diadakan di Yangon, Myanmar dari 17 hingga 20 Oktober 2017**




Delegasi Malaysia iaitu YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM (tengah), YBrs. Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh, Ketua Pengarah JKM (kiri) dan Puan Mazni binti Aznan, Penolong Setiausaha, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM (kanan)

**1. Mesyuarat Berkala Badan Sektoral ASEAN**

1.1 Mesyuarat *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* (ACWC) ke-14 diadakan di Jakarta, Indonesia dari 28 Februari hingga 2 Mac 2017.

- Agenda utama mesyuarat adalah untuk memuktamadkan pelan kerja ACWC 2016-2020, termasuk menyemak kertas konsep projek-projek baharu yang dicadangkan serta memantau kemajuan projek yang sedang dijalankan. Selain itu, beberapa isu yang melibatkan ACWC akan dibincangkan seperti kerja-kerja ad-hoc pasukan petugas AICHR dalam mengarusperdanakan hak-hak orang kurang upaya dalam komuniti ASEAN dan pembangunan strategi dalam mengarusperdanakan gender dalam tonggak ASEAN.

- Delegasi Malaysia terdiri daripada YBhg. Datin Noorazah Omar, Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, (Wakil ACWC Hak Wanita) dan YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal (Wakil ACWC Hak Kanak-kanak)

1.2 Mesyuarat *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* (ACWC) ke-15 Mesyuarat Bersama ACWC – *ASEAN Committee on Wome*n (ACW) ke-4 serta Mesyuarat ACW ke-16 dan Mesyuarat *ACW Plus Three Countries* (ACW+3) ke-9 diadakan di Phuket, Thailand dari 4 hingga 8 September 2017.

- **Tema:**
  –*"Achieving gender equality and the empowerment of women and girls towards sustainable development".*

- Mesyuarat ini memberi peluang kepada para delegasi untuk terlibat sama dalam platform perkongsian ilmu dan amalan terbaik di antara negara ASEAN.

- Delegasi Malaysia terdiri daripada YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah binti Mohd Awal (Wakil ACWC Hak Kanak-kanak), Puan Fadzilah binti Fadzil (Wakil ACWC Hak Wanita), Puan Dayang Shalbiah binti Abdul Ghani (ACW Focal Point) dan Puan Tan Siew Maan (Pengurus Projek Kesaksamaan Gender, KPWKM).

- ***Outcome***
  – Mesyuarat telah membincangkan laporan status pelaksanaan pelan tindakan lima tahun 2016-2020.

1.3 Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan dan Pembangunan Sosial (*Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development* - SOMSWD) ke-13 dan mesyuarat SOMSWD+3 diadakan di Yangon, Myanmar dari 17 hingga 20 Oktober 2017.

- **Tema:**
  – *"Strengthening Social Protection to Address challenges of Ageing Societies"*

- Terdapat 3 sesi utama iaitu:
  i) Forum ASEAN GO-NGO ke-12
  ii) SOMSWD ke-13
  iii) SOMSWD+3 ke-12

- **Tujuan/ objektif:**
  – Forum GO-NGO memberi peluang kepada para perwakilan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan hal ehwal sosial supaya selari dengan visi ASEAN 2025 iaitu agar Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dapat membina masyarakat yang lebih progresif, inklusif, mampan, berdaya tahan dan dinamik pada tahun 2025. Hasil daripada forum tersebut yang merangkumi cadangan daripada pihak NGO kemudiannya akan dibentangkan dalam Mesyuarat SOMSWD untuk diterima pakai oleh wakil-wakil Kerajaan.

  – Membincangkan projek dan program yang akan dilaksana bagi memperkasa pembangunan sosial dan menjaga kepentingan golongan-golongan tertentu seperti wanita, kanak-kanak, warga tua dan golongan yang kurang bernasib baik di rantau ASEAN.

  – Mesyuarat SOMSWD+3 pula merupakan mesyuarat berkala yang diadakan berturutan dengan Mesyuarat SOMSWD dan melibatkan negara China, Jepun dan Republik Korea. Mesyuarat ini membincangkan projek dan aktiviti kerjasama di peringkat ASEAN dengan ketiga-tiga negara berkenaan.

  – Delegasi Malaysia terdiri daripada YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh, Puan Mazni binti Aznan, Penolong Setiausaha, Bahagian Hubungan Antarabangsa, KPWKM dan Prof. Madya Dr. Rahimah binti Ibrahim Persatuan Gerontologi Malaysia (Wakil NGO).

- ***Outcome***
  – Kemaskini status projek dan program yang akan dilaksana bagi memperkasa pembangunan sosial dan menjaga kepentingan golongan-golongan tertentu seperti wanita, kanak-kanak, warga tua dan golongan yang kurang bernasib baik di rantau ASEAN serta membincangkan pelan rangka 5 tahun ASEAN dalam bidang berkaitan serta cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha membangunkan kebajikan kumpulan rentan.

2. **Penganjuran *The 1st Regional Gender Consultation Workshop "Development of ASEAN Gender Mainstreaming Strategies for Programme, Project Planning and Implementation"* pada 10 hingga 11 Julai 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya.**

   Bengkel yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Encik Azman Mohd Yusof telah berlangsung selama dua (2) hari dengan penyertaan seramai 20 peserta daripada negara anggota ASEAN dan sembilan (9) peserta tempatan daripada Kementerian serta Agensi Kerajaan. Ia bertujuan menyediakan platform kepada para peserta yang terdiri daripada negara anggota ASEAN untuk berkongsi idea dan pengalaman bagi menilai status terkini akitiviti-aktiviti berkaitan gender mainstreaming. Aktiviti perbincangan kumpulan diadakan bagi menghasilkan *Gender Assessment Tools* dan telah dipersetujui oleh semua negara ASEAN.

**3** **Penganjuran *The 1st Regional Gender Consultation Workshop "Development of ASEAN Gender Mainstreaming Strategies for Programme, Project Planning and Implementation"* pada 10 hingga 11 Julai 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya**




Gambar para peserta bengkel bersama Encik Azman Mohd Yusof, TKSU (Strategik), KPWKM

2. **Penganjuran *The 1st Regional Gender Consultation Workshop "Development of ASEAN Gender Mainstreaming Strategies for Programme, Project Planning and Implementation"* pada 10 hingga 11 Julai 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya.**

   Bengkel yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Encik Azman Mohd Yusof telah berlangsung selama dua (2) hari dengan penyertaan seramai 20 peserta daripada negara anggota ASEAN dan sembilan (9) peserta tempatan daripada Kementerian serta Agensi Kerajaan. Ia bertujuan menyediakan platform kepada para peserta yang terdiri daripada negara anggota ASEAN untuk berkongsi idea dan pengalaman bagi menilai status terkini akitiviti-aktiviti berkaitan *gender mainstreaming*. Aktiviti perbincangan kumpulan diadakan bagi menghasilkan *Gender Assessment Tools* dan telah dipersetujui oleh semua negara ASEAN.

# Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



# Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

## Tandas Bersih 1Malaysia 2017 Peringkat Kebangsaan Pencapaian BPSM : Anugerah Gangsa (Kategori Pejabat Kerajaan)

Pertandingan Tandas Bersih 1Malaysia Peringkat Kebangsaan merupakan salah satu pengisian program Kempen Tandas Bersih yang dijalankan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT).

Pada tahun 2017, sebanyak 12 kategori telah dipertandingkan. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemilik-pemilik tandas awam di atas usaha dan inisiatif mereka mewujudkan tandas-tandas yang bersih dan selesa untuk kegunaan orang awam.

Kriteria utama yang dinilai oleh panel pertandingan adalah daripada aspek kebersihan secara keseluruhan yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Awam di Pihak Berkuasa Tempatan. Pemenang akan menjadi contoh atau model kepada PBT lain dan juga pemilik-pemilik tandas awam di seluruh Malaysia.

Hadiah telah disampaikan oleh YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 18 Disember 2017 (Isnin) di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor sempena Karnival Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017.

YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) bersama 3 orang wakil dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia hadir bagi sesi penyampaian Anugerah tersebut.

Pertandingan ini terbahagi kepada 12 Kategori:

| | |
|---|---|
| Kategori 1 | Tandas Awam Milik PBT (Bandaraya/Perbandaran) |
| Kategori 2 | Tandas Awam Milik PBT (Daerah) |
| Kategori 3 | Pejabat Kerajaan |
| Kategori 4 | Kawasan Pelancongan |
| Kategori 5 | Rumah Ibadat |
| Kategori 6 | Hentian Pengangkutan Awam |
| Kategori 7 | Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta |
| Kategori 8 | Pusat Membeli Belah |
| Kategori 9 | Kedai Makan/Restoran |
| Kategori 10 | Stesen Minyak |
| Kategori 11 | Sekolah Menengah |
| Kategori 12 | Sekolah Rendah |


KARNIVAL HARI TANDAS SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017
TANDAS KITA


KARNIVAL HARI TANDAS SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017
TANDAS KITA
Saya Peduli, Anda?
TIMBALAN MENTERI KESEJAHTERAAN
KERAJAAN TEMPATAN
MUAR, JOHOR




KARNIVAL HARI TANDAS SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017
TEMPAT KETIGA
TANDAS BAHAGIAN SUMBER MANUSIA KPWKM
18/12/2017
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT, PUTRAJAYA
1,000.00
SATU RIBU SAHAJA
KATEGORI PEJABAT KERAJAAN


Tandas Wanita
Tandas OKU
Tandas Lelaki





| 1 | PROGRAM DAN AKTIVITI : *ENGLISH MONTH* KPWKM 2017 | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 5 hingga 29 September 2017 |
| | • Lokasi | Menara KPWKM |
| | • Objektif program: | • Meningkatkan minat dan kemahiran warga KPWKM/ Jabatan/Agensi dalam penggunaan Bahasa Inggeris |

**• Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan :**

✓ Aktiviti *The Explorer* (18 September 2017)
✓ *Indoor Game (Scrabble)* (21 September 2017)
✓ *Short Story Telling & Memory Games* (21 September 2017)
✓ Kursus *Presentation Skill* (Visual) Siri 1 & Siri 2 (26 & 28 September 2017)
✓ Kursus *Simple English Grammar* (27 September 2017)
✓ Kursus *Conversation in English* (27 September 2017)
✓ *Book sales and Exhibition* (19-20, 26-27 September 2017)
✓ *Spelling Bee Competition & "The Voice" Competition (De Stress Friday)* (29 September 2017)
✓ Majlis Penutup *English Month* KPWKM 2017 *(De Stress Friday)* (27 September 2017)











2

## PROGRAM DAN AKTIVITI : BENGKEL *FORESIGHT AND SCENARIO PLANNING* SESI *TRAINING OF TRAINERS* (TOT) 2017

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 12-14 September 2017 |
| • Lokasi | *Malaysian Industry-Government For High Technology* (MIGHT), Cyberjaya |
| • Objektif kursus : | • Mengetahui asas dan pengetahuan yang kukuh untuk memperkemaskan perancangan jangka masa panjang penjawat awam<br>• Perpindahan pengetahuan dan praktikal tentang kaedah perancangan scenario *(scenario planning)*<br>• Berkongsi pengalaman dengan menggunakan pendekatan secara bagi praktikal projek masa hadapan |

• **Penceramah :**
✓ Encik Rushdi Bin Abdul Rahim

• **Bilangan Peserta :** 27 orang













## 3 PROGRAM DAN AKTIVITI : *EVOLVING LEADER PROGRAMME – COMMUNICATE TO BE CONNECTED* PEGAWAI 48-52 SECARA KOLOBRASI BERSAMA RAZAK *SCHOOL OF GOVERNMENT* (RSOG)

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 18-19 Mei 2017 |
| • Lokasi | Bilik Latihan Aras 3, KPWKM |
| • Objektif kursus : | • Meningkatkan dan melengkapkan diri pegawai dengan kemahiran yang sepatutnya ada bagi pegawai pertengahan *(middle manager)* bagi membolehkan mereka berperanan dengan lebih efektif dan kompeten. Pelaksanaan program ini adalah sebagai satu cara untuk mempersiapkan diri pegawai bagi membantu mereka untuk menjadi pemimpin yang cemerlang pada masa akan datang |

• **Penceramah :**
✓ Puan Halmahera binti Ahmad

• **Bilangan Peserta :** 27 orang














4

## PROGRAM DAN AKTIVITI :
## PROGRAM BICARA DAIE SELEBRITI : "*U-TURN* KE JALAN LURUS"

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 13 Julai 2017 |
| • Lokasi | Auditorium Aras 7, KPWKM |
| • Objektif kursus : | • Tujuan program ini diadakakan adalah untuk melahirkan individu (penjawat awam) dan masyarakat yang mempunyai kekuatan rohani serta berakhlak mulia berpandukan ilmu dan kefahaman berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah |

• **Penceramah :**
- ✓ Ustaz Mohammad Asraff Ayob
- ✓ Ustaz Shahrizan Daud At-Turabi
- ✓ Encik Hairie Othman

• **Bilangan Peserta :** 85 orang







| 5 | PROGRAM DAN AKTIVITI : DISKUSI ISU-ISU SEMASA ISLAM | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 9 Oktober 2017 |
| | • Lokasi | Dewan Perdana Nur Aras B1, KPWKM |
| | • Objektif kursus : | • Untuk meningkatkan pengetahuan dan peka dengan isu-isu Islam semasa kini bagi memberikan maklumat sebenar kepada masyarakat amnya |
| | **• Penceramah :**<br>✓ Dr. Muhamad Ariffin bin Ismail<br>✓ Prof Madya Dr. Shamrahayu binti Ab Aziz<br>✓ Prof Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil | |
| | **• Bilangan Peserta :** 232 orang | |











## 6 PROGRAM DAN AKTIVITI : SEMINAR KELUARGA MAWADDAH

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 16 November 2017 |
| • Lokasi | Auditorium Aras 7, KPWKM |
| • Objektif kursus : | • Untuk membina sebuah keluarga yang bahagia serta membentuk paradigma kasih sayang bagi mewujudkan suasana rumah tangga yang harmoni dan diredhai Allah S.W.T |

• **Penceramah :**
- ✓ Dr. Haji Anhar bin Haji Opir
- ✓ Ustazah Isfadhiah binti Dasuki
- ✓ Ustaz Shahrizan bin Daud
- ✓ Ustaz Zakaria bin Othman

• **Bilangan Peserta :** 180 orang













## 7 MAJLIS JASAMU DIKENANG KPWKM

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **3 Ogos 2017** |
| • **Lokasi** | **Dewan Perdana Nur, KPWKM** |

Majlis Jasamu Dikenang diadakan untuk meraikan pesara KPWKM bagi tahun 2015 dan 2016. Majlis tersebut dirasmikan oleh YB Menteri KPWKM dan dihadiri oleh 180 orang pesara serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Semua pesara menerima sijil penghargaan, dan Sijil Simpanan Premium berjumlah RM400.00 sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Kementerian sepanjang perkhidmatan mereka.















## 8 PROGRAM DAN AKTIVITI : MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2016

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **4 Mei 2017 (Khamis)** |
| • **Lokasi** | ***Putrajaya International Convention Centre* (PICC), Putrajaya** |

• **Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti**

Majlis APC Tahun 2016 telah diadakan pada 4 Mei 2017 (Khamis) di PICC, Putrajaya untuk memberi penghargaan kepada warga KPWKM yang telah menunjukkan komitmen dan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2016 dan mendorong semangat warga KPWKM serta agensi dibawahnya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Penganjuran Majlis APC merupakan sebuah majlis tahunan yang diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta agensi di bawahnya yang telah memberikan jasa dan sumbangan yang cemerlang.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani binti Abdul Karim. Seramai dua (2) orang Gred Utama Khas (JUSA) telah dipilih sebagai Penerima Anugerah Khas KPWKM Tahun 2016. Penerima Anugerah Khas tersebut adalah seperti berikut:

i. YBhg. Dato' Zulkiply bin Ramli, Ketua Pengarah, JKMM
ii. YBrs. Dr. Anjli Panalal Doshi, Timbalan Ketua Pengarah, LPPKN.

Majlis APC ini juga turut meraikan seramai 655 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016 yang terdiri daripada: kementerian (21 orang), JKM (536 orang), JPW (16 orang), ISM (8 orang) dan NIEW (2 orang).













## 9 ANUGERAH PEKERJA CONTOH TAHUN 2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **22 Ogos 2017 (Selasa)** |
| • **Lokasi** | **Dewan Perdana Nur, KPWKM** |

Seramai 74 orang pegawai dan kakitangan di KPWKM/Jabatan dan Agensi telah diraikan sebagai penerima Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2017 semasa Perhimpunan Bulanan KPWKM Bil. 2 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 22 Ogos 2017 di Dewan Perdana Nur, KPWKM.

Pemilihan ini dilakukan terhadap pegawai dan kakitangan yang telah menepati lapan (8) kriteria yang ditetapkan bagi penerima Anugerah Pekerja Contoh. Kriteria tersebut adalah seperti berikut:

i. Komitmen terhadap kerja;
ii. Kesempurnaan kerja;
iii. Berdisiplin;
iv. Sumbangan nilai tambah *(value added)*;
v. Ketepatan masa;
vi. Kerjasama;
vii. Berhemah; dan
viii. Penyertaan Dalam Aktiviti Jabatan.

Pecahan penerima Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2017 adalah seperti berikut:

| Agensi | Penerima |
|---|---|
| KPWKM | 6 |
| JKM | 30 |
| JPW | 18 |
| LPPKN | 16 |
| ISM | 2 |
| NIEW | 2 |
| **Jumlah** | **74 orang** |

**Sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2017**











| 9 | PROGRAM DAN AKTIVITI :<br>TAKLIMAT PENYELARASAN APLIKASI PSIKOLOGI DALAM<br>PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM 2017<br>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 23 Januari 2017 |
| | • Lokasi | Bilik Mesyuarat BPSM Aras 34 KPWKM |
| | • **Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti** Taklimat yang diketuai oleh Puan Aini Yusnie Bt Miskam, Ketua Unit Pengurusan Psikologi BPSM KPWKM, melibatkan penyelaras (Pegawai Psikologi) dan wakil Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di bahagian/ jabatan/ agensi di bawah KPWKM bagi menyelaras pelaksanaan berkenaan Pekeliling Perkhidmatan Bil 18 Tahun 2005 : Aplikasi Psikologi Dalam Perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2015 : Pelaksanaan Dasar Pemisah *(Exit Policy)* bagi Pegawai Berprestasi Rendah dalam Perkhidmatan Awam. | |
| | • **Perkhidmatan yang disediakan :**<br>Memberi penerangan khususnya kepada para Pegawai Psikologi dan PSM di bahagian/ jabatan/ agensi di bawah KPWKM tentang 4 skop Aplikasi Psikologi dan Pekeliling Perkhidmatan baharu yang releven dengan aspek pengurusan sumber manusia. | |









# Unit Integriti



# Unit Integriti

## 1. PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

Unit Integriti di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 April 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan yang berhasrat menjadikan Unit Integriti sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

## 2. OBJEKTIF UNIT INTEGRITI

Untuk melaksanakan inisiatif integriti, memantapkan tadbir urus terbaik dan budaya kerja berintegriti dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salahguna kuasa di dalam organisasi.

## 3. FUNGSI UNIT INTEGRITI

| Fungsi | Penerangan |
|---|---|
| Pengukuhan integriti | Memastikan pelaksanaan dan penginstitusian integriti dalam organisasi |
| Pengurusan aduan | Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salah laku dan pelanggaran integriti pegawai awam |
| Pengesanan dan pengesahan | Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku atau pelanggaran integriti. Salah laku bersifat jenayah hendaklah dilaporkan kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab |
| Tadbir urus | Memastikan pelaksanaan tadbir urus secara efektif |
| Pematuhan | Memastikan pematuhan terhadap sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan |
| Tatatertib | Melaksanakan fungsi urus setia lembaga tatatertib |

## 4. CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI

**KETUA UNIT**
**PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK M52**
PUAN INTAN SYAHRINA ZAINAL ABIDIN

**PENOLONG SETIAUSAHA**
**PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK M41/M44**
PUAN NOR AKMALIAH BINTI MOHD ZAIN

**PEGAWAI SIASATAN P43/44**
ENCIK AHMAD HUMAIZIE BIN RAMLY

**PEMBANTU TADBIR**
**(PERKERANIAN / OPERASI) N19/N22**
KOSONG



## 5. PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

Objektif program ialah :-

(a) Memperkenalkan amalan nilai murni, meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWKM dan agensi di bawahnya mengenai pembudayaan integriti;

(b) Meningkatkan komitmen warga KPWKM dan agensi mengenai peranan yang boleh dilaksanakan oleh setiap individu dalam mengukuhkan integriti; dan

(c) Mendapatkan kerjasama warga KPWKM serta agensi di bawahnya bagi membantu menyebarluaskan kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan integriti sebagai budaya kerja serta budaya kehidupan.

| Bil. | Program Pengukuhan Integriti Yang Telah Dianjurkan | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Ikrar Bebas Rasuah | 20 Januari 2017 |
| 2 | Ops Jumaat | 24 Februari 2017 |
| 3 | Lawatan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 6 Mac 2017 |
| 4 | *Breakfast Integrity* | 29 Mac 2017 |
| 5 | Ops Jumaat | 31 Mac 2017 |
| 6 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Agensi Pengurusan Kredit dan Kaunseling | 27 April 2017 |
| 7 | Ops Jumaat | 28 April 2017 |
| 8 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 29 Mei 2017 |
| 9 | Taklimat Sistem Pengurusan Audit Nilai Tahun 2017 (kepada Pasukan Audit Nilai) | 19 Jun 2017 |
| 10 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Biro Tatanegara Malaysia | 17 Ogos 2017 |
| 11 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam | 24 dan 25 Ogos 2017 |

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Ikrar Bebas Rasuah | 20 Januari 2017 |





| | | |
|---|---|---|
| 2 | Ops Jumaat | 24 Februari 2017 |





| | | |
|---|---|---|
| 3 | Lawatan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 6 Mac 2017 |





| | | |
|---|---|---|
| 4 | *Breakfast Integrity* | 29 Mac 2017 |





| | | |
|---|---|---|
| 5 | Ops Jumaat | 31 Mac 2017 |





| | | |
|---|---|---|
| 6 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Agensi Pengurusan Kredit dan Kaunseling | 27 April 2017 |






| | | |
|---|---|---|
| 7 | Ops Jumaat | 28 April 2017 |





| | | |
|---|---|---|
| 8 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 29 Mei 2017 |




| | | |
|---|---|---|
| 9 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Biro Tatanegara Malaysia | 17 Ogos 2017 |




| | | |
|---|---|---|
| 10 | Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam | 24 dan 25 Ogos 2017 |




# Bahagian Kolaborasi dan Strategik



# Bahagian Kolaborasi dan Strategik

## PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_KPWKM

**Latar Belakang Progam:**

Dalam mempersiapkan negara merealisasikan hasrat mencapai status negara maju menjelang 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) memberi fokus kepada "pertumbuhan berpaksikan rakyat" yang menggariskan komitmen Kerajaan untuk memenuhi aspirasi rakyat.

Dalam hubungan ini, KPWKM telah merangka satu inisiatif yang holistik sebagai platform untuk YB Menteri, warga KPWKM serta agensi bertemu dan berinteraksi dengan kumpulan sasar. Melalui program turun padang ini, KPWKM dapat meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam melalui strategi memperluas jangkauan perkhidmatan dengan penglibatan bersama rakyat secara terus selaras dengan peningkatan ekspektasi rakyat, kedinamikan penduduk dan trend teknologi.

Program ini juga membuka peluang kepada KPWKM dalam memperkukuh hubungan dengan kumpulan sasar serta menyebar luas perkhidmatan, peranan, fungsi, inisiatif baharu serta cadangan penambahbaikan amalan standard dan prosedur sedia ada. Perkara ini adalah selaras dengan bidang fokus utama Pelan Transformasi KPWKM iaitu dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Terdapat tiga (3) objektif utama Program Turun Padang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu:

a. menawarkan penyampaian perkhidmatan KPWKM dengan lebih bersepadu bagi memenuhi keperluan dan ekspektasi kumpulan sasar;

b. menyebar luas perkhidmatan, peranan, fungsi dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh KPWKM dan agensi di bawahnya dalam memperkasa, membantu serta membela kumpulan sasar; dan

c. mengumpul maklum balas serta cadangan penambahbaikan dalam aspek amalan standard dan prosedur sedia ada untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan KPWKM.



## 1 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_ KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 3 – 5 Mac 2017 |
| • Lokasi | Negeri Johor dan Melaka |

**Pengisian Program;**

✓ Lawatan ke Program *2 Years Exit Policy Programme* (2YEP)
✓ Lawatan Institusi ke Rumah Seri Kenangan, Johor Bahru
✓ Majlis Perasmian Anjung Singgah, Johor Bahru
✓ Operasi Bersepadu Membanteras Golongan Gelandangan
✓ Program Duta Jauhar, Yayasan Pelajaran Johor
✓ Program Wanita Bistari Berani Berubah dan Perasmian Program Amal Muafakat
✓ Program Cari dan Bantu di Mukim Merlimau, Melaka
✓ Aktiviti Kesukarelawanan dan Majlis Makan Malam di Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka
✓ Pengagihan Peralatan 1AZAM
✓ Perasmian Program PUNB Prospernita
✓ Lawatan ke Bazar Wanita, Melaka
✓ Lawatan ke Klinik NUR Sejahtera di Ayer Keroh, Melaka

#yukrewangjoho
#mehgegaumelake














## 2 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 24 – 26 Mac 2017 |
| • Lokasi | Negeri Sabah |

**Pengisian Program;**

- ✓ Bengkel Jahitan Manik di Kg. Rancangan Klias, Beaufort
- ✓ Latihan Kesukarelawanan dan Aktiviti Gotong-Royong di Kg. Rancangan Klias, Beaufort
- ✓ Program Cari & Bantu di Kg. Rancangan Klias, Beaufort
- ✓ Program *Home Help* di Kg. Rancangan Klias
- ✓ Majlis Perasmian dan Pelancaran FACE di Kg. Rancangan Klias
- ✓ Lawatan ke Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu
- ✓ Lawatan ke PAWE dan Kafe@TEEN di UTC Kota Kinabalu
- ✓ Lawatan ke Rumah Klien 2YEP di Kota Kinabalu
- ✓ Lawatan ke Sekolah Tunas Bakti Kota Kinabalu
- ✓ Lawatan ke Taman Seri Puteri Kota Kinabalu

#bahkasigegarsabah









## 3 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_ KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 31 Mac – 2 April 2017 |
| • Lokasi | Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, dan Putrajaya |

**Pengisian Program;**

✓ Lawatan ke Program 2YEP di Kg. Temin, Tanjung Ulu Klawang, Jelebu
✓ Program Ziarah Kasih di Batu 19, Jalan Seremban, Ulu Klawang
✓ Program Cari dan Bantu di Batu 19, Jalan Pantai, Seremban dan Bukit Chedang, Seremban
✓ Ceramah Sukarelawan Jiwa Malaysia di TSH Seremban
✓ Lawatan ke Pusat Anjung Interaksi, Rekreasi, Intervensi dan Sokongan (AIRIS) Keluarga di Seremban 2
✓ Program Hari Bertemu Pelanggan Sempena Fiesta Wanita di SACC, Selangor
✓ Program Jelajah *My Corporate Care* di Pusat Jagaan Kasih Harmoni, Paya Jaras, Sungai Buloh
✓ Program Kesejahteraan Emosi di LaWa@MaTIC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur
✓ Majlis Perasmian Pusat Transit Remaja kafe@ TEEN di Pusat Kejiranan Presint 16

#mohpoienismilan
#jomsinggahselangor
#kasigempakkl
#santaiputrajaya











## 4 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_ KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 15 Jun – 17 Jun 2017 |
| • Lokasi | Negeri Kedah, Pulau Pinang, dan Perlis |

**Pengisian Program;**

- ✓ Lawatan YB Menteri ke LaWa (Laman Wanita) *Booth* di Mydin Mall, Bertam
- ✓ Lawatan Kasih YB Menteri ke Pusat Keluarga LPPKN, Bertam
- ✓ Program Singgah Sahur YBM Bersama Penghuni RKK Taman Bakti, Kepala Batas
- ✓ YBM Ziarah Keluarga Mendiang T. Nhaveen Mangsa Buli dan Liwat di Krematorium Batu Gantung, Pulau Pinang
- ✓ *Walkabout* di Bazar Wanita 1Malaysia @ Lorong Sempit, Alor Setar
- ✓ Program Cari dan Bantu & *Home Help* di Kg. Tanjung Kiri, Kuala Nerang
- ✓ Majlis Kasih Ramadan di Perkarangan Masjid Kg Tanjung Kiri, Kuala Nerang
- ✓ Program Singgah Sahur YBM Bersama Penghuni Rumah Seri Kenangan, Kangar
- ✓ Program Ziarah Kasih YB Menteri Ke Rumah Kanak-Kanak Arau

#jomhariaPenang
#apahabaqKedah
#maipakaimaiPeghelih









5

## PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 24 Ogos 2017 |
| • Lokasi | Sarawak |

**Pengisian Program;**

✓ Program Nang Rindok@LPPKN
✓ Pelancaran Projek Jahitan Ibu Tunggal di Bawah Inisiatif *International Women's Federation of Commerce and Industry* (Malaysia)
✓ Program Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU)
✓ Program *Kick-Off Outreach Programme*
✓ Program Kesukarelawan dan Gotong Royong
✓ Program *Development of Women Entrepreneurs Initiatives* (Dewi) : Kursus Kecantikan
✓ Kempen Keselamatan Kanak-Kanak – Sahabat Bijak: *"Safe And Protect"* (JKM)
✓ Terapi Minda (LPPKN)
✓ Program *Development of Women Entrepreneurs Initiatives* (Dewi) : Kursus Sulaman Manik dan Sulam Tangan (JPW)
✓ Dialog YBM Bersama Penerima Bantuan 1AZAM

#JuhKambohSarawakOhHaa









## KAWASAN PARLIMEN P.201 BATANG LUPAR

### 6 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_KPWKM

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **29 – 30 September 2017** |
| • **Lokasi** | **Kawasan Parlimen Batang Lupar, Sarawak** |

**Aktiviti**

1. ✓ Tinjauan pemeriksaan mata di program *i-Care* YKN
2. ✓ Program perbincangan meja bulat NGO 2017 bersama YB Menteri
3. ✓ Lawatan ke rumah keluarga mangsa serangan buaya
4. ✓ Program Bersaup Segulai Sejalai @ LPPKN
5. ✓ Majlis Perasmian Kempen Jelajah Program Keselamatan Keluarga Dan Anak (PEKA)
6. ✓ Program Pemimpin Bersama Rakyat


















## ZON TIMUR

### 7 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_ KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 5 - 6 Oktober 2017 |
| • Lokasi | Zon Timur (Kelantan dan Pahang) |

1
2

**Aktiviti**

- ✓ Majlis Semarak Kasih YKN
- ✓ Program Jelajah #NEGARAKU_ KELUARGABAHAGIA_KPWKM
- ✓ Majlis Perasmian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kok Lanas
- ✓ Program 'Maghi Jupo Mato" YB Menteri Bersama Masyarakat
- ✓ Majlis Pelancaran Program #Negaraku_ KeluargaBahagia_KPWKM Peringkat Negeri Pahang


















## PROGRAM KPWKM PENGAGIHAN SUMBANGAN KEBAJIKAN KEPADA GOLONGAN SASAR DI LUAK JOHOL, NEGERI SEMBILAN

### 8 PROGRAM #NEGARAKU_KELUARGABAHAGIA_KPWKM

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 24 September 2017 |
| • Lokasi | Balai Undang Luak Johol, Negeri Sembilan |

**Aktiviti**

✓ Majlis penyampaian sumbangan kepada golongan sasar

✓ Pertukaran cenderahati – Balai Undang/KPWKM














## KPI YB MENTERI

**Deskripsi:**
i. Menyelaras penyediaan KPI YBM setiap tahun
ii. Memantau dan melaporkan pencapaian KPI YBM setiap bulan
iii. Menyelaras semakan KPI Pertengahan Tahun (*Mid Year Review*) dan semakan KPI Akhir Tahun (Sesi *End Year Review*) YB Menteri Bersama YAB Perdana Menteri

**Pencapaian:**
i. Sebanyak 19 KPI YBM sedang dilaksanakan pada tahun 2017 merangkumi NKRA *Education* (1 KPI), NKRA LIH (8 KPI), SRI HCD (3 KPI), dan MKRA (8 KPI)
ii. Sesi MYR KPI YBM Bersama YAB PM pada 25 September 2017 (Isnin) telah melaporkan pencapaian keseluruhan KPI KPWKM sehingga Jun 2017 sebanyak 61% dan pencapaian terkini (Ogos 2017) sebanyak 85%

## MESYUARAT *STEERING COMMITTEE SRI HCD WOMEN*

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **2 Mei 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Gerakan Aras 36, KPWKM** |

**Deskripsi:**
*"Steering Committee SRI HCD Women"* ditubuhkan pada 2015 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memastikan agenda mengarusperdanakan wanita ke dalam pasaran pekerjaan diberi perhatian dan dikoordinasi secara khusus. Mesyuarat SC SRI HCD Bilangan 1 Tahun 2017 pada 2 Mei 2017 telah memutuskan Bahagian Kolaborasi Strategik bertindak selaku sekretariat.

*Steering Committee SRI HCD Women* berperanan untuk memperkasa peranan wanita dan mengangkat agenda *'Gender Diversity'* sebagai salah satu agenda penting yang memacu pembangunan negara. Oleh demikian pelbagai usaha sedang dilaksanakan bagi memanfaatkan bakat *(talent)* golongan wanita di negara ini termasuklah menerusi usaha:-
(i) Meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran kerja;
(ii) Meningkatkan jumlah wanita di kedudukan pembuat keputusan; dan
(iii) Menggalakkan wanita kembali ke dalam pasaran kerja.

Selain NIEW, JPW dan JKM, agensi kementerian lain dan NGO turut menganggotai Mesyuarat ini seperti JPBD, KPKT, ECCE Council, TalentCorp, PEMANDU Associates, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Persatuan Pengasuh Berdaftar, NCDC, dan 30% Club.

**Pencapaian:**
i. Sehingga 30 September 2017 jumlah *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam *Public Listed Companies* ( PLCs ) di Bursa Malaysia adalah 13.0 peratus berbanding dengan KPI 14.0 peratus yang telah ditetapkan oleh PEMANDU bagi tahun 2017;

ii. Jumlah *placement* wanita sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dalam *Top 100 PLCs by market capitalization* di Bursa Malaysia adalah 19.1 peratus mengatasi KPI 18.0 peratus yang telah ditetapkan oleh PEMANDU bagi tahun 2017;

iii. Jumlah *placement* wanita di peringkat pembuat keputusan sektor awam (Jusa C dan ke atas) mencapai 58 peratus; dan

iv. 10 buah TASKA di tempat kerja telah didaftarkan.

## KPI PENJAWAT AWAM PENGURUSAN TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM (PTPA) TIER 1 DAN TIER 2

### KPI KSU, KPI TKSU (S), DAN KPI TKSU (O)

**Aktiviti**
Pengurusan berasaskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Perkhidmatan Awam telah dilaksanakan mulai tahun 2008 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Sektor Awam (JKK-MPGSA) Bil.1/2008 pada 17 April 2008.

Selaras dengan keputusan tersebut, penilaian prestasi tahunan bagi Penjawat Awam Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1, iaitu peringkat Ketua Setiausaha Kementerian, dipantau berdasarkan pencapaian KPI.

**Pencapaian:**
Pencapaian KPI Tier 1 (KSU) dan KPI Tier 2 Fasa 1 (TKSU) bagi tahun 2016 telah dimuktamadkan selepas Indeks Akauntabiliti dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017. Ketiga-tiga PTPA mencapai tahap *Significantly Exceed Target* (markah melebihi 95%)

## MENYELARAS KERTAS PEMBENTANGAN UNTUK MESYUARAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DAN KETUA PERKHIDMATAN (KSUKP)

**Deskripsi:**
BKS juga menyelaras penyediaan Kertas daripada Bahagian dan Agensi di bawah KPWKM untuk dibentangkan di mesyuarat KSUKP.

**Pencapaian:**
Satu kertas mengenai "Dasar 1% Peluang Pekerjaan Kepada OKU Dalam Perkhidmatan Awam" telah dibentangkan oleh JKM dalam Mesyuarat KSUKP Bilangan 5 Tahun 2017 pada 5 Jun 2017.

## PELAN TRANSFORMASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

**Deskripsi:**
Transformasi Perkhidmatan Awam (TPA) telah dilaksanakan bermula tahun 2013 di Jabatan Perkhidmatan Awam dan kemudian disebarluaskan kepada semua kementerian pada tahun 2015. Pelaksanaan TPA merupakan usaha untuk menangani cabaran perkhidmatan awam yang timbul kesan daripada ekspektasi rakyat dan *stakeholder* yag semakin meningkat. TPA kini sedang memasuki fasa kedua yang dinamakan TPA 2.0 yang mengambil kira aspirasi kepimpinan negara dan cabaran semasa.

BKS merupakan *focal point* KPWKM dalam pelaksanaan Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam yang diterajui JPA.

**Pencapaian:**
Untuk tahun 2017 KPWKM telah mengemukakan 5 Inisiatif Transformasi KPWKM iaitu:
i. Jom Kerja
ii. TAPPS (Aplikasi kafe@TEEN)
iii. Suai Kasih
iv. PROWELL
v. Pemeliharaan Berasaskan Keluarga
vi. *Volunteer to Institution* (V2i)

Inisiatif Suai Kasih dan V2i telah diangkat oleh JPA sebagai Inisiatif Berimpak Tinggi.

## LAWATAN KERJA KE *SEWING WORLD GALLERY*

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **27 Januari 2017** |
| • **Lokasi** | **One City, 47630 Subang Jaya, Selangor** |

Lawatan kerja melibatkan seramai 15 orang kakitangan KPWKM dan agensi telah diadakan pada 27 Januari 2017 di One City, Subang Jaya untuk menjalinkan kolaborasi bagi kementerian dan agensi di dalam kemahiran kraftangan dan jahitan. Antara cadangan kolaborasi adalah:

- Meningkatkan kemahiran 11 orang bakal jurulatih di PLPP Bangi melalui latihan di pusat ini – Bahagian Kebajikan Produktif, JKM;
- Menggunakan Geran Pelancaran untuk melatih penerima bantuan yang berminat dalam bidang ini – Bahagian Kebajikan Produktif, JKM;
- Meningkatkan kemahiran peserta DEWI (dahulu dikenali sebagai I-KIT dan I-KeuNita) – JPW; dan
- Meningkatkan kemahiran peserta 1AZAM – NKRA.

Pelawat juga dibawa ke Galeri bagi melihat kelas jahitan, produk jahitan, mesin sulam selain demonstrasi jahitan.













## LAWATAN KERJA KE DESA MENTARI BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT) BLOK 1

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 25 Februari 2017 |
| • Lokasi | PPR Desa Mentari, 46000 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia |

Lawatan kerja melibatkan seramai 12 orang kakitangan KPWKM dan agensi telah diadakan pada 25 Februari 2017 di PPR Desa Mentari, Petaling Jaya selain turut dihadiri oleh wakil daripada Polis Diraja Malaysia (IPD Petaling Jaya), Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Agensi Antidadah Kebangsaan cawangan Petaling Jaya.

Persatuan Penduduk KRT Desa Mentari adalah salah satu komuniti yang aktif di dalam usaha meningkatkan ekonomi penduduknya dengan mengusahakan perusahaan sos cili selain kreatif menghasilkan kraf tangan daripada bahan terpakai. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada hari tersebut ialah:

- Jualan produk sos cili;
- Jualan hasil kraf tangan seperti apron dan lampu perhiasan
- Persembahan nyanyian daripada belia dan kanak-kanak KRT Desa Mentari.












## PELANCARAN INISIATIF DAN LAMAN WEB *BEAUTIFUL LIFE FOR SENIORS* (BeLFoS)

| | |
|---|---|
| **• Tarikh** | **1 Oktober 2017** |
| **• Lokasi** | **Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi** |

- *Inisiatif Beautiful Life For Seniors* (BeLFoS) telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi pada 1 Oktober 2017 bertempat di Pusat Latihan Perindustrian (PLPP) Bangi.

- Antara objektif inisiatif ini adalah untuk memastikan warga emas di Malaysia menjalani kehidupan yang sejahtera dan bermakna melalui lima (5) bidang fokus iaitu:
  1. Kesejahteraan warga emas;
  2. Advokasi kesihatan dan kecergasan;
  3. Kesukarelawanan,
  4. Pengurusan kewangan dan pembangunan usahawan; serta
  5. Bimbingan pekerjaan baharu-bekerja semula.

- Laman web mesra warga emas *Beautiful Life For Seniors* boleh dilayari melalui capaian: blfs.kpwkm.gov.my













| PROGRAM LAMAN WANITA (LaWa) | |
|---|---|
| • Tarikh | Setiap hujung minggu Sabtu dan Ahad bermula 4 dan 5 Februari 2017 |
| • Masa | 10.00 pagi hingga 7.00 malam |
| • Lokasi | Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Jalan Ampang |

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil inisiatif melaksanakan **Program Ikonik Wanita iaitu LaWa** (Laman Wanita) yang merupakan platform keusahawanan bagi para wanita yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara.

LaWa merupakan satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan Komuniti PERWANI 1 Malaysia (PERWANI) dan usahawan wanita yang antaranya terdiri daripada golongan B40 bagi membantu mereka menjana pendapatan. Sebahagian daripada mereka merupakan ibu tunggal dan penerima bantuan kebajikan

Antara produk jualan ialah seperti makanan dan minuman, pakaian, cenderahati, kraf tangan dan perhiasan diri serta perkhidmatan spa. Anggaran purata jualan usahawan LaWa ialah sebanyak RM800 sebulan dengan pencapaian maksimum sebanyak RM3,200 sebulan.

Selain daripada aktiviti keusahawanan, program LaWa juga menawarkan aktiviti gaya hidup sihat seperti Zumba dan aktiviti hiburan seperti *Buskers*. Pengisian program juga termasuk aktiviti seperti pengurusan stres dan emosi serta penampilan diri.

Maklumat tambahan:
Terdapat 13,047 kumpulan PERWANI dengan keahlian 170,723 orang seluruh negara dengan pelbagai kemahiran. (Data sehingga 31 Disember 2016)










# Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)



# Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

*National Key Result Areas*

## NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

### Merentasi Kemiskinan Rakyat Ke Arah Kehidupan Yang Lebih Inklusif

Program 1AZAM adalah merupakan satu program perdana atau *flagship* di bawah inisiatif *National Key Results Areas, Low Income Household* (NKRA LIH). Program 1AZAM yang telah bermula sejak tahun 2010 ini masih diteruskan sehingga kini dengan pelbagai penambahbaikan telah dibuat oleh pihak kementerian. Usaha pembasmian kemiskinan dijadikan agenda utama dan ia dilaksanakan melalui pelbagai program antaranya program pembiayaan usahawan mikro, usahawan niaga dan skim kredit pertanian. Kebanyakan program terbabit dijadikan strategi utama pembangunan luar bandar dan menjadi satu keazaman yang cukup tinggi oleh kerajaan untuk membantu golongan sasar keluar dari kepompong kemiskinan melalui pelan perkhidmatan yang tersusun, berstrategik serta efisien.

Tahap kemiskinan yang rendah menandakan sesebuah negara itu mantap dan berkembang maju. Sebagai agenda utama di bawah Program Transformasi Nasional (NTP) dan sejajar dengan hasrat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Kerajaan komited untuk meningkatkan kesamarataan pendapatan dengan memastikan keterangkuman ekonomi bagi isi rumah berpendapatan rendah dan menghapuskan kemiskinan. Sejak NKRA LIH mula diperkenalkan, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah **RM2 billion** untuk pelaksanaan Program-program 1AZAM. Hasilnya, Malaysia telah mencatat pengurangan tahap kemiskinan yang ketara iaitu daripada hampir **4% pada tahun 2009 kepada 0.4% sahaja pada tahun 2016.**

Program 1AZAM dilaksanakan secara bersama oleh tujuh (7) Agensi Pelaksana diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di samping Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Sabah, Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak (KWKPK) Sarawak serta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Sehingga **31 Disember 2017**, jumlah peserta Program 1AZAM yang dicatatkan adalah seramai **203,398 orang**. Daripada jumlah tersebut **62%** atau **125,054 peserta** adalah merupakan peserta wanita manakala baki iaitu **38%** atau **77,827 peserta** adalah mewakili peserta lelaki. Manakala seramai **39,545 orang** adalah merupakan peserta Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM yang terdiri daripada **33,089 orang** atau **83.67% peserta wanita** manakala selebihnya adalah peserta lelaki.

## Jadual 1.1 : Pecahan Penerima 1AZAM Seluruh Malaysia Sehingga 31 Disember 2017

| Bil. | Negeri | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Perlis | 3,177 |
| 2 | Kedah | 9,967 |
| 3 | Pulau Pinang | 6,065 |
| 4 | Perak | 11,244 |
| 5 | Selangor | 11,534 |
| 6 | Wilayah Persekutuan | 5,381 |
| 7 | Negeri Sembilan | 5,807 |
| 8 | Melaka | 5,112 |
| 9 | Johor | 9,201 |
| 10 | Pahang | 11,966 |
| 11 | Terengganu | 14,725 |
| 12 | Kelantan | 22,476 |
| 13 | Sabah | 41,094 |
| 14 | Sarawak | 41,094 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **203,398** |

## Jadual 1.2 : Pecahan Penerima 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM Sehingga 31 Disember 2017

| Bil. | Negeri | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Perlis | 911 |
| 2 | Kedah | 3,764 |
| 3 | Pulau Pinang | 1,033 |
| 4 | Perak | 3,809 |
| 5 | Selangor | 4,305 |
| 6 | Wilayah Persekutuan | 2,812 |
| 7 | Negeri Sembilan | 3,132 |
| 8 | Melaka | 801 |
| 9 | Johor | 3,730 |
| 10 | Pahang | 4,513 |
| 11 | Terengganu | 1,633 |
| 12 | Kelantan | 4,635 |
| 13 | Sabah | 1,219 |
| 14 | Sarawak | 3,248 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **39,545** |

Selain itu, seramai **101,564** peserta Program 1AZAM iaitu **50%** daripada semua peserta setakat ini telah mencatat **peningkatan pendapatan sekurang-kurangnya RM300 sebulan.** Di samping itu, hasil Kajian Penilaian Outcome Program 1AZAM yang dilaksanakan oleh KPWKM pada tahun 2016 menunjukkan peratusan peserta 1AZAM yang dikategorikan sebagai **"miskin tegar"** menurun daripada **89.17%** kepada **58.69%** iaitu pengurangan sebanyak **30.48%.**

Secara tidak langsung, Program 1AZAM turut menyumbang secara signifikan dalam menurunkan insiden kemiskinan di Malaysia di samping inisiatif-inisiatif, program-program dan usaha-usaha lain seumpamanya yang turut dilaksanakan oleh Kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam program pembasmian kemiskinan. Program 1AZAM juga dilihat antara faktor yang mendokong ke arah kurangnya kebergantungan rakyat kepada bantuan Kerajaan melalui kaedah ia dilaksanakan dimulai dengan pencarian peserta, latihan kewangan, pembekalan dan penghantaran serta pemantauan pencapaian.

### Menyediakan Peluang untuk Menjana Pendapatan kepada Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Antara KPI utama bagi program 1AZAM adalah untuk meningkatkan pendapatan bulanan peserta program di mana kemajuan diukur dengan membandingkan pendapatan peserta sebelum dan selepas menerima pelbagai sokongan yang disediakan melalui program 1AZAM. Peserta dianggap telah meraih manfaat daripada program 1AZAM sekiranya pendapatan mereka meningkat sebanyak minimum RM300 sebulan dalam mana-mana tiga bulan sepanjang dua belas (12) bulan selepas mereka menerima peralatan masing-masing. Keseluruhannya, KPI bagi NKRA LIH bagi tahun 2017 berjaya dicapai sebagaimana yang ditetapkan. Pencapaian KPI bagi NKRA LIH tahun 2017 ditunjukkan melalui Jadual 1.2 berikut:

**Jadual 1.2 : KPI Bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) Tahun 2017**

| KPI | PETUNJUK PRESTASI (KPI) | SASARAN | PENCAPAIAN | PERATUS PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| KPI #1 | Bilangan peserta baharu Program 1AZAM dipantau sekurang-kurangnya 6 bulan selepas pelaksanaan dan peserta Program 1AZAM yang menyertai Program Literasi Kewangan & Pengurusan Hutang | 3,975 orang | 5,340 peserta | 134.00% |
| KPI #2 | Bilangan peserta baru dan sedia ada Program 1AZAM yang meningkatan pendapatan melebihi RM300 dalam mana-mana 3 bulan | 5,150 orang | 5,708 peserta | 110.80% |
| KPI #3 | Jumlah NGO, Sektor Swasta Dan Program Berasaskan Projek Kemasyarakatan / Berkumpulan 1AZAM | 12 projek | 8 projek | 66.70% |

| KPI | PETUNJUK PRESTASI (KPI) | SASARAN | PENCAPAIAN | PERATUS PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|
| KPI #4 | Bilangan peserta *Beyond* 1AZAM meningkatkan pendapatan bulanan minimum 20% daripada projek 1AZAM sedia ada | 1,930 orang | 1,982 peserta | 102.60% |
| KPI #5 | Membangunkan Usahawan B40 daripada Usahawan Mikro kepada Usahawan Kecil | 2 projek | 2 projek | 100.00% |
| KPI #6 | Pendaftaran peserta daripada kalangan kumpulan B40 dalam platform eRezeki | 5,560 peserta | 5,898 peserta | 117.90% |
| KPI #7 | Bilangan peserta yang menjana pendapatan melalui platform eRezeki | 500 peserta | 500 peserta | 100.00% |
| KPI #8 | Bilangan usahawan B40 didaftar dan dilatih melalui platform eUsahawan | 8,110 peserta | 12,300 peserta | 151.60% |

Peserta yang berjaya dalam program 1AZAM diberi pengukuhan selanjutnya melalui program susulan *Beyond* 1AZAM yang direka khusus untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui latihan lanjutan, sokongan keusahawanan, akses kepada pembiayaan perniagaan mikro dan kecil serta bimbingan tambahan. Pada tahun 2017, seramai **2,030** peserta terlibat dalam program *Beyond* 1AZAM dan semua peserta terbabit telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak sekurang-kurangnya **20%** daripada pendapatan asal. Secara keseluruhannya, **5,819** peserta telah mengikuti program *Beyond* 1AZAM iaitu satu peningkatan ketara daripada bilangan awal seramai **1,511** peserta ketika program tersebut mula diperkenalkan pada tahun 2015.

Namun begitu, pencapaian kuantitatif daripada KPI sahaja bukanlah ukuran penuh bagi keberhasilan yang dihasratkan, di mana matlamat sebenar inisiatif ini adalah untuk melahirkan peserta yang mampu berdikari, memberi komitmen sepenuhnya kepada program 1AZAM dan seterusnya mampu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan serta bersedia menghadapi realiti dunia perniagaan yang mencabar dan sukar diramal. Oleh itu, pelaksana program memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan, motivasi dan hala tuju kepada peserta untuk membimbing mereka ke arah bermentaliti global yang kompetitif serta memastikan peserta membina keyakinan untuk meneruskan laluan baharu setelah mereka tamat menjalani program 1AZAM dan *Beyond* 1AZAM.

**Usaha Penambahbaikan Kerajaan Melalui Program 1AZAM**

Selari dengan hasrat Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, kaedah pemberian bantuan kewangan ataupun peralatan boleh membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah namun haruslah difokuskan ke arah meningkatkan pendapatan mereka. Bagi golongan yang mempunyai minat keusahawanan, bantuan dan latihan untuk memulakan perniagaan boleh disalurkan secara langsung kepada mereka. Kejayaan usahawan ini seterusnya boleh menjadi pemangkin dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan seterusnya membantu mengurangkan kadar pengangguran.

Selain itu, pendedahan mengenai pendidikan pengurusan kewangan perlu diperluaskan kepada semua golongan agar setiap ahli isi rumah boleh mengurus pendapatan, perbelanjaan dan hutang dengan baik serta celik kewangan.

Pihak Kementerian juga dari semasa ke semasa melaksanakan pelbagai perubahan dan penambahbaikan kepada jenis pakej-pakej bagi memastikan pakej-pakej yang ditawarkan kepada peserta Program 1AZAM bersifat dinamik dan mengikut peredaran semasa. Sebagai contoh, pihak Kementerian menerima banyak permintaan daripada golongan sasar terutamanya di kawasan luar bandar dan terpencil yang berminat untuk membuka kedai runcit secara kecil-kecilan. Berdasarkan kepada permintaan ini, pihak Kementerian melaksanakan proses penilaian atau *due diligence* bagi melihat keperluan untuk ditawarkan pakej tersebut. Hasil daripada penelitian tersebut, pihak Kementerian mendapati wujud keperluan untuk menawarkan pakej kedai runcit dan pakej ini telah ditawarkan dalam Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) Fasa 5.

Pihak Kementerian juga bekerjasama rapat dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia atau MDEC untuk memberikan nilai tambah kepada peserta Program 1AZAM melalui latihan eUsahawan dan eRezeki yang dilaksanakan oleh pihak MDEC. Ia juga adalah sebagai langkah pro aktif Kementerian agar peserta Program 1AZAM tidak ketinggalan dalam arus perdana Revolusi Industri 4.0 (Industri 4.0) yang menekankan kepada ekonomi digital melalui akses kepada platform digital bagi mewujudkan peluang untuk menjana pendapatan dan berfungsi sebagai gerbang laluan kepada perniagaan global.

Dalam konteks eUsahawan, sejumlah peserta Program 1AZAM akan dipilih untuk menjalani latihan eUsahawan yang dilaksanakan oleh MDEC bagi meningkatkan lagi kemahiran peserta khususnya dalam menggunakan aplikasi digital dan media sosial bagi memasarkan produk seterusnya memajukan perniagaan masing-masing. Begitu juga bagi eRezeki, sejumlah peserta Program 1AZAM beserta dengan ahli isi rumah mereka akan dipilih untuk menjalani latihan eRezeki yang bertujuan memberikan mereka pendapatan sampingan bagi meningkatkan lagi pendapatan keluarga secara keseluruhannya.

Memandangkan program eUsahawan baru sahaja mula dilaksanakan pada tahun 2017, Kementerian telah memberi keutamaan kepada usaha menarik lebih ramai peserta untuk menyertai program ini. Walau bagaimanapun mulai tahun hadapan, Kementerian akan mula memantau bilangan peserta yang berjaya menjana pendapatan melalui program eUsahawan, di mana sasaran peserta yang berjaya ditetapkan adalah seramai **2,000 orang** melalui tujuh (7) agensi pelaksana di bawah NKRA LIH.

**Tinjauan Masa Hadapan**

Malaysia masih mengalami pertumbuhan ekonomi di sebalik cabaran ekonomi semasa. Selain itu, isi rumah yang berpendapatan rendah dan mempunyai tanggungan yang ramai juga mempunyai risiko yang tinggi untuk jatuh miskin sekiranya mereka hilang punca pendapatan seperti diberhentikan kerja atau mengalami kemalangan. Tekanan terhadap isi rumah berpendapatan rendah ini juga bertambah dengan peningkatan kos sara hidup terutamanya dari segi harga makanan, perumahan, bil-bil utiliti dan pengangkutan.

Selari dengan itu, usaha pada masa hadapan akan terus tertumpu kepada pendekatan holistik untuk menangani dan meringankan kesukaran yang dihadapi oleh golongan masyarakat Malaysia yang mudah terjejas dari segi kewangan. Susulan Makmal Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diadakan pada tahun 2012, Kerajaan telah berusaha gigih untuk menyediakan pendidikan celik kewangan kepada peserta 1AZAM melalui kerjasama dengan NGO, universiti dan sektor korporat.

Melalui usaha-usaha ini, golongan berpendapatan rendah telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka dan menikmati kualiti hidup yang lebih baik seperti yang dapat dilihat melalui mereka yang berjaya keluar daripada cengkaman kemiskinan dengan adanya Program Bantuan 1AZAM. Sebahagian daripada peserta ini telah memperlihatkan perkembangan yang cemerlang dan minat dalam keusahawanan dan sejak itu telah berganjak ke hadapan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat melalui keupayaan mereka dalam menjana peluang pekerjaan, sekali gus memastikan kitaran yang kekal dalam pembasmian kemiskinan.

Selain itu, agenda digital akan menjadi pemangkin utama untuk menjana pendapatan bagi kumpulan B40 dan membasmi kemiskinan dengan membawa peluang perniagaan global ke hujung jari mereka. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperlihatkan komitmennya dengan menjanjikan RM100 juta dalam Bajet 2018 untuk membangunkan lagi kedua-dua program eUsahawan dan eRezeki. Langkah ini adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memacu ekonomi digital yang dijangka akan menyumbang lebih 20% kepada KDNK Malaysia menjelang tahun 2020 seterusnya memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan progresif.



## Bahagian Pembangunan

# Kepimpinan



# Bahagian Pembangunan

## Laporan Aktiviti Bahagian Pembangunan, KPWKM

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM230.24 juta yang melibatkan 38 projek. Bahagian Pembangunan selaku agensi yang bertanggungjawab telah melaksanakan kerjasama erat dengan semua Jabatan dan Agensi di bawah KPWKM serta agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) JPM, Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan pelaksanaan projek pembangunan dilaksanakan dengan jayanya.

2. Bahagian Pembangunan sentiasa memantau prestasi fizikal dan prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kementerian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah dalam mengekalkan kecemerlangan prestasi perbelanjaan, Bahagian ini telah meneliti semula keperluan peruntukan pembangunan berdasarkan prestasi semasa pelaksanaan projek dan juga unjuran aliran tunai oleh agensi pelaksana. Hasilnya, terdapat projek yang tidak dapat dilaksanakan (take-off) mengikut perancangan atas beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan dan menyebabkan berlakunya *shortfall* dalam perbelanjaan pembangunan. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian telah membuat Waran Sekat berjumlah RM72.12 juta kepada Kementerian Kewangan. Sehingga tamat tempoh Akaun Kena Bayar (AKB), Bahagian Pembangunan telah mencapai prestasi perbelanjaan sebanyak 91.2%.

### Pencapaian Utama Bahagian Pembangunan Tahun 2017

3. Seterusnya, dari segi pencapaian sepanjang tahun 2017, Kementerian telah berjaya menyiapkan 9 projek pembangunan sepanjang tahun 2017 iaitu:

| BIL. | PROJEK | KOS PROJEK | TARIKH SIAP |
|---|---|---|---|
| 1 | **Kuarters Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan, Perak**<br><br>Kapasiti: 37 unit kuarters<br><br>Fungsi: Menempatkan pegawai dan kakitangan institusi Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas. | RM22.1 juta | 17 April 2017 |
| 2 | **Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak**<br><br>Kapasiti: 200 orang warga emas<br><br>Fungsi: Memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. | RM35.5 juta | 21 April 2017 |
| 3 | **Rumah Perlindungan Wanita Zon Timur (Kubang Kerian, Kelantan)**<br><br>Kapasiti: 60 orang wanita<br><br>Tujuan: Menempatkan wanita mangsa pemerdagangan di bawah IPO dan PO Akta Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran 2007. | RM3.0 juta | 28 September 2017 |

| BIL. | PROJEK | KOS PROJEK | TARIKH SIAP |
|---|---|---|---|
| 4 | **Menaik Taraf Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi**<br><br>Fungsi: memberikan perkhidmatan kepada orang kurang upaya anggota (OKU) melalui latihan vokasional serta pemulihan perubatan. | RM3.07 juta | 23 November 2017 |
| 5 | **Sekolah Tunas Bakti Jerantut**<br><br>Kapasiti: 200 orang kanak-kanak<br><br>Fungsi: Memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak terkawal. | RM40.30 juta | 18 Disember 2017 |
| 6 | **Kajian Keberkesanan Bantuan Kewangan JKM** | RM1.7 juta | 20 Mac 2017 |
| 7 | **Kajian Tahap Kualiti Perkhidmatan Taska Institusi** | RM700,000.00 | 14 Oktober 2017 |
| 8 | **Kajian Kemudahan dan Perkhidmatan Warga Emas Malaysia** | RM700,000.00 | 31 Januari 2017 |
| 9 | **Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara : Pelan Tindakan Kependudukan ke arah Pembangunan Lestari 2030** | RM3.2 juta | 30 September 2017 |

**Lawatan Tapak Oleh Pengurusan Tertinggi KPWKM Bersama Agensi Pusat**

4. Bahagian Pembangunan sentiasa memantau dengan terperinci pelaksanaan setiap projek bagi memastikan projek disiapkan mengikut jadual. Selain itu, komitmen daripada semua pihak iaitu pihak JKR, Agensi Pusat dan Pengurusan Tertinggi KPWKM turut memainkan peranan dalam memastikan pelaksanaan sesebuah projek dapat disiapkan.

5. Susulan daripada itu, bagi tahun 2017, terdapat sebanyak 4 siri lawatan tapak oleh Pengurusan Tertinggi KPWKM ke atas projek pembangunan yang sedang berjalan untuk melihat dan mengenal pasti penyelesaian terhadap isu-isu di tapak. Lawatan ini turut melibatkan wakil dari agensi pusat seperti ICU dan UPE. Antara projek-projek yang telah dilawati adalah seperti berikut:

| Bil. | Projek | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang | 23 Februari 2017 |
| 2 | Kuarters Rumah Seri Kenangan Tanjung Rambutan, Perak | 27 April 2017 |
| 3 | Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak | 27 April 2017 |
| 4 | Pusat Penyelidikan dan Pembangunan *(Research and Development)* Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Kuala Kubu Baharu, Selangor | 19 Jun 2017 |



## Penilaian *Outcome* Projek-Projek Pembangunan di bawah KPWKM Berdasarkan Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* 2017 ICU, JPM

Pada tahun 2017, sebanyak 11 program/projek KPWKM telah dilaksanakan Kajian Penilaian *Outcome* yang merangkumi projek di bawah peruntukan pembangunan, peruntukan mengurus dan Projek Aku Janji Persekutuan. Kajian Penilaian *Outcome* dilaksanakan ke atas program/projek yang telah siap dan digunakan oleh golongan sasar daripada aspek ekonomi, sosial, ekonomi, politik dan alam sekitar. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengukur pencapaian program/projek mengenai keberkesanan program/projek tersebut terhadap kumpulan sasar. Program/projek yang terlibat adalah:

| Bil. | Program/Projek | Agensi |
|---|---|---|
| 1. | Subsidi Ujian Mamogram | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) |
| 2. | Program Khidmat Bantu di Rumah *(Home Help)* | Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) |
| 3. | Anjung Singgah | Yayasan Kebajikan Negara |
| 4. | Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor | JKM |
| 5. | Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita) | Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) |
| 6. | Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Kompleks Penyayang Sarawak | JKM |
| 7. | Kerja-kerja Naik Taraf Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi, Selangor | JKM |
| 8. | Rumah Kanak-kanak Rembau, Negeri Sembilan | JKM |
| 9. | Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin *(Mamacare)* | LPPKN |
| 10. | Pembinaan Semula Kuarters di Rumah Seri Kenangan Bedong | JKM |
| 11. | Pembangunan Bahan Kursus E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) | Institut Sosial Malaysia (ISM) |



# Bahagian Pengurusan Maklumat



# Bahagian Pengurusan Maklumat

## PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan ICT bagi KPWKM dan Agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan NAM *Institute for The Empowerment of Women* (NIEW)

Di awal penubuhan Kementerian, Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) di mana Jabatan Perkidmatan Awam (JPA) telah memperakukan perubahan nama BTM kepada BPM berkuatkuasa 15 Ogos 2008 melalui surat no. Ruj. JPA(S)BPO 253/2/8-66 Klt. 11 (29) yang bertarikh 27 Ogos 2008. Ini merupakan salah satu inisiatif perubahan sektor awam ke arah pemodelan dan peningkatan penyampaian perkhidmatan untuk meningkatkan lagi *accessibility*, kemudahcapaian dan kualiti interaksi antara Kerajaan dengan sektor swasta serta masyarakat umum.

Kini BPM mempunyai kakitangan seramai 23 orang yang diketuai oleh Pengurus BPM di mana terdapat 3 unit iaitu Unit e-Masyarakat (e-Masyarakat), Unit Pembangunan dan Penyenggaraan Sistem (PPS) serta Unit Operasi dan Rangkaian (OR).

## VISI BPM, KPWKM

Membudayakan ICT sebagai pemboleh-daya strategik bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dalam mencapai kesaksamaan gender, pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

## MISI BPM, KPWKM

Komited dalam memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang bagi mencapai kesejahteraan sosial melalui *ICT-facilitated tools* yang mesra pengguna, integrasi sistem dan rangkaian yang berkesan serta capaian perkhidmatan yang meluas.

## PIAGAM PELANGGAN BPM, KPWKM

Kami berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, cekap, telus dan berusaha sedaya upaya mengelakkan sebarang penyelewengan salah guna kuasa serta rasuah dalam menjalankan tugas-tugas berikut:

1. Mengendalikan sebarang aduan kerosakan atau gangguan sistem komputer dalam tempoh 1 hingga 7 hari (penyelenggaraan dalaman);
2. Memastikan kebolehsediaan rangkaian adalah pada tahap 99.5%;
3. Memastikan kebolehsediaan sistem emel berfungsi pada tahap 95%; dan
4. Membangunkan sistem aplikasi mengikut tempoh pembangunan seperti berikut:

a) Skop sistem aplikasi berskala kecil-kurang dari 6 bulan;
b) Skop sistem aplikasi berskala sederhana-6 bulan hingga 1 tahun; dan
c) Skop sistem aplikasi berskala besar-1 hingga 2 tahun.

## FUNGSI BPM, KPWKM

Fungsi-fungsi BPM adalah untuk:

- Memastikan pengurusan ICT Kementerian dan Jabatan/agensi berjalan dengan cekap dan berkesan;
- Membangun dan menyenggara sistem dan aplikasi; dan
- Memastikan operasi dan penyelenggaraan sistem ICT serta keselamatan rangkaian berjalan dengan baik dan *reliable*.

## PENCAPAIAN BPM 2017

### 1. Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MaNIS)

Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MaNIS) merupakan satu inisiatif Kementerian dalam mengumpul maklumat kumpulan sasar KPWKM merentasi agensi dan badan bukan Kerajaan. Selain itu satu Sistem MaNIS berfungsi dalam membantu pihak Kementerian menggubal dasar yang komprehensif serta program yang berkesan untuk kumpulan sasar Kementerian.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan pada tahun 2017 dimana Bengkel Keperluan Pengguna Fasa 2 telah diadakan bermula pada 29 – 30 Mac 2017 bagi mendapatkan keperluan sebenar pengguna berkenaan Sistem MaNIS yang sedang dalam pembangunan.

Sistem MaNIS dipecahkan mengikut setiap kumpulan sasar Kementerian iaitu Orang Kurang Upaya (OKU), Kanak-Kanak, Wanita, Keluarga, Warga Emas, Orang Papa, Mangsa Bencana dan NGO. Sistem MaNIS mengandungi 3 modul utama iaitu laporan, *Geographical Information System* (GIS) dan informasi.

Siri taklimat Sistem MaNIS kepada agensi dibawah Kementerian telah dilaksanakan sebagai promosi awal Sistem MaNIS kepada semua pegawai di Kementerian dan juga agensi. Taklimat telah diadakan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pada 10 Ogos 2017, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 17 Ogos 2017 dan kepada Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara, (LPPKN) dan pegawainya pada 18 Ogos 2017.

Pembentangan kemajuan pelaksanaan projek serta membincangkan mengenai isu-isu yang berbangkit semasa pembangunan Sistem MaNIS telah dilaksanakan selama 4 kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MaNIS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MaNIS yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha dan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Selain itu juga, pelancaran Sistem MaNIS telah disempuranakan oleh Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat iaitu YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian anjuran Jabatan Pembangunan Wanita pada 1 November 2017 bertempat di Dewan Perdana Nur.

Latihan penggunaan Sistem MaNIS juga telah diberikan kepada semua pegawai di Kementerian dan juga agensi yang terlibat dalam penggunaan MaNIS pada 13 sehingga 14 Disember 2017. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan cara penggunaan Sistem MaNIS.


*Sesi Taklimat Sistem MaNIS kepada JKM*


*Sesi Taklimat Sistem MaNIS kepada LPPKN*


*Sesi Taklimat MaNIS kepada LPPKN*


*Sesi Ujian Penerimaan Pengguna 18-27 Oktober 2017*


*Ujian Penerimaaan Pengguna 20-21 Oktober 2017*


*Latihan Penggunaan Sistem MaNIS pada 13-14 Disember 2017*


*Pelancaran Sistem MaNIS pada 1 November 2017*



## 2. KAJI SEMULA DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT)

DKICT Versi 3.1 telah dikaji semula dan penambahbaikan dibuat bagi memenuhi standard Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam April 2016.

DKICT Versi 3.2 telah mendapat kelulusan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM dalam mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bilangan 3 Tahun 2017 pada 16 November 2017.

DKICT Versi terkini, telah dibuat edaran kepada semua Warga KPWKM melalui e-mel dan telah dimuat naik ke Portal KPWKM dan Agensi pada 12 Disember 2017.

## 3. PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT

Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT Tahun 2017 KPWKM adalah seperti berikut :

a) Perolehan Alat Pandang Dengar – Kos sebanyak RM 6,100.00 diperuntukkan bagi pembelian *VGA Converter, Audio Splitter, Audio Switcher dan VGA Cable* bagi kegunaan KPWKM.

b) Perolehan Bekalan Perisian *Adaptive Defense* – Kos sebanyak RM 14,914.20 diperuntukkan dalam perolehan ini yang telah dipasang pada semua komputer pengguna di KPWKM.

## 4. LATIHAN ICT

Bagi meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran pegawai dan kakitangan dalam bidang ICT di Kementerian dan Agensi, BPM telah menganjurkan dan menyertai beberapa siri latihan seperti:

**a) ISO/IEC 27001:2013 *Lead Auditor***

Kursus ini diadakan pada 22 hingga 26 Mei 2017 bertempat di Furama Hotel, Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Syarikat LE Global Services Sdn Bhd. Pegawai yang menghadiri kursus ini ialah Puan Roziyana Che Othman, BPM KPWKM.

**b) Sesi Latihan Anjuran Mampu**

Beberapa sesi latihan telah dianjurkan oleh pihak MAMPU bertempat di Makmal IPV6, Aras 1, MAMPU Cyberjaya pada pukul 9.00 pagi iaitu TOT VMWARE yang diadakan pada 24 Julai 2017 (Isnin), TOT *Double Take* yang diadakan pada 27 Julai 2017 (Khamis) dan TOT *Active Directory* yang diadakan pada 31 Julai 2017 (Isnin). Dua (2) orang wakil dari Bahagian Pengurusan Maklumat, KPWKM hadir bagi setiap sesi yang diadakan.

**c) *Microsoft Tips & Tricks***

Kursus ini telah diadakan sebanyak dua (2) sesi bertempat di Hotel Bangi-Putrajaya. Sesi pertama diadakan pada 28 November 2017 (Selasa) jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Seramai lima belas (15) orang peserta telah menghadiri kursus ini pada sesi yang pertama. Sesi kedua telah diadakan pada 11 Disember 2017 (Isnin) jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan dihadiri oleh sepuluh (10) orang peserta. Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, KPWKM bersama Syarikat Prestariang Systems Sdn. Bhd.

## 5. HARI KESEDARAN ICT

Hari Kesedaran ICT telah diadakan sebanyak dua (2) siri iaitu pada 13 April 2017 (Khamis) dan 13 Oktober 2017 (Jumaat) bermula jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Auditorium KPWKM, Aras 7. Semua warga KPWKM dijemput hadir mengikut setiap bahagian.

Program ini diadakan adalah bertujuan memberi perkongsian akan kepentingan keselamatan ICT kepada warga KPWKM dan dapat meningkatkan tahap kesedaran pada setiap individu.

**Siri Pertama**
Beberapa sesi perkongsian telah dijalankan pada siri pertama seperti Taklimat Pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 yang disampaikan oleh Encik Benyazwar Mohmd dari syarikat Nexagate Sdn. Bhd. dan seterusnya Taklimat Keselamatan Siber yang bertajuk *"Knowing Me Knowing You"* yang telah disampaikan oleh Puan Kavitha Muthy dari syarikat Iverson Associates Sdn Bhd.

**Siri Kedua**
Hari Kesedaran ICT siri kedua telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V. Suppiah, selaku Timbalan Ketua Setiausaha sektor Operasi KPWKM. Beberapa sesi perkongsian telah dijalankan seperti Taklimat Dasar Keselamatan ICT dan Pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 yang telah disampaikan oleh Puan Rafidah Abd Hamid dari syarikat Nexagate Sdn. Bhd. dan Taklimat Keselamatan Siber yang bertajuk *"Secured Computer User"* yang telah disampaikan oleh Puan Kavitha Muthy dari syarikat Iverson Associates Sdn Bhd. Program diteruskan dengan Taklimat Latihan Pengukuhan 1GovUC yang disampaikan oleh Encik Padzal bin Ahmad dan program berakhir dengan perkongsian *Tips & Tricks Microsoft Office* disampaikan oleh Puan Lily Fauzia wakil dari Prestariang Systems Sdn Bhd.

## 6. PELAKSANAAN IMBASAN TEKNIKAL *MALAYSIAN PUBLIC SECTOR INFORMATION SECURITY RISK COMPLIANCES* (MYISGRC)

KPWKM telah ditawarkan perkhidmatan pengimbasan teknikal yang ditanggung oleh pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Projek Pembangunan Keselamatan Siber Sektor Awam (CSDeP) pada 11 Oktober 2017. Pelaksanaan aktiviti imbasan teknikal ini adalah selama satu (1) hari yang meliputi skop
a) *Host Scanning;*
b) *Network Scanning;* dan
c) *Wi-Fi Scanning*

Pihak Cyber Security Malaysia (CSM) selaku pembekal yang dilantik oleh pihak MAMPU membentangkan skop bagi aktiviti imbasan ini adalah seperti berikut :
5 *server host;*
1 *network/security device;* dan
3 *wireless access point*.

Setelah imbasan dilaksanakan, pihak CSM membentangkan laporan imbasan kepada semua yang terlibat. Laporan ini adalah sebagai nilai tambah kepada agensi dalam mengetahui tahap semasa keselamatan ICT.

## 7. *PENETRATION TESTING*

*Penetration Testing* (Pentest) telah dilaksanakan pada 11 September 2017 hingga 29 September 2017 oleh syarikat *Condition Zebra* di Bahagian Pengurusan Maklumat, KPWKM. Pentest tersebut dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu *Web Application Pentest* dan *Internal Network Pentest*.

Skop pentest adalah seperti berikut:
*Internal Network Pentest* melibatkan tujuh (7) IP dalaman.
*Web Application Pentest* melibatkan 2 aplikasi web iaitu portal KPWKM dan Talian Kasih.

## 8. PROJEK PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013 PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

Bengkel Kajian Semula Pelaksanaan ISMS telah diadakan bagi membuat penambahbaikan prosedur-prosedur yang sedia ada. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

| **Aktiviti Yang Dijalankan** | **Tarikh** |
|---|---|
| Semakan Isu Dalaman dan Luaran | 6, 8 & 9 Mac 2017 |
| Semakan Prosedur ISMS P1 | 13 Mac 2017 |
| Semakan Prosedur ISMS P2 | 15 & 16 Mac 2017 |
| Semakan dan Kemas kini Polisi DKICT | 29 Mac 2017 |

*Training Awareness* ISMS telah diadakan kepada kumpulan pelaksana ISMS pada 7 April 2017. Objektif kursus ini adalah memberikan pencerahan yang menyeluruh kepada para pegawai baru yang dilantik sebagai pelaksana ISMS. Satu lagi kumpulan Pelaksana yang dilantik pada 3 Ogos 2017. Pelantikan ini adalah menggantikan pegawai yang berpindah keluar dari KPWKM. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Teknikal ISMS dan Pasukan Pelaksana ISMS dibuat pada 31 Julai 2017.

Pelaksanaan Hari Kesedaran ICT dilaksanakan secara bersiri.

| **Perkara** | **Tarikh** |
|---|---|
| Hari Kesedaran ICT Bil 1/2017 | 13 April 2017 |
| Hari Kesedaran ICT Bil 2/2017 | 13 Oktober 2017 |

Pasukan Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) telah mengemas kini dua belas (12) prosedur yang terlibat dalam skop ISMS.

## 9. PELUPUSAN ASET ALIH KPWKM

BPM telah mengumpulkan beberapa perkakasan ICT yang telah dikenal pasti sebagai aset ICT yang perlu dilupuskan. Sebanyak 140 unit perkakasan ICT masih dalam tindakan pelupusan dan akan dilaksanakan sebanyak dua (2) kali. Pelupusan dijangka selesai pada pertengahan tahun 2018.

Lawatan Pelupusan Aset Alih Agensi
Lawatan pemeriksaan pelupusan aset ICT bagi tahun 2017 telah dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa Aset di 32 lokasi seperti berikut :

| | | |
|---|---|---|
| KPWKM | = | 1 lokasi |
| JKM | = | 18 lokasi |
| JPW | = | 3 lokasi |
| LPPKN | = | 9 lokasi |
| NIEW | = | 1 lokasi |

Aktiviti pelupusan aset telah dilaksanakan bagi lokasi-lokasi yang dinyatakan seperti di atas.

Latihan ini diadakan bertujuan untuk memberikan latihan pengukuhan dan peringatan semula kepada Pentadbir UC *1GovUC* di setiap kementerian dan agensi. *1GovUC* dilaksanakan sebagai langkah penjimatan kos melalui komunikasi yang diintegrasikan secara kolaboratif di mana semua sektor awam di Malaysia boleh berhubung dan menjayakan sesuatu projek melalui sistem komunikasi yang ditawarkan oleh *1GovUC*. Latihan pengukuhan ini diadakan pada 14 November 2017, disertai oleh 15 orang peserta yang terdiri daripada Pentadbir UC KPWKM dan agensi di bawahnya. Pihak *1GovUC* MAMPU telah menjadi penganjur untuk program ini.

## 11. PENYEDIAAN MONTAJ (BELFOS)

*Beautiful Life for Seniors* (BELFOS) adalah inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang dibangunkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Sebanyak lima (5) montaj telah disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) untuk BELFOS bermula Julai 2017 sehingga Disember 2017.

## 12. SISTEM e-JKM

**Aktiviti *Revisited* Modul eJKM**
Sistem eJKM mempunyai kontrak penyelenggaraan untuk tempoh setahun mulai Januari 2017 sehingga Disember 2018. Antara skop penyelenggaraan tersebut adalah kontrak yang dilantik perlu melaksanakan penambahbaikan secara berterusan terhadap Sistem eJKM untuk memastikan agar sistem ini sentiasa relevan, aktiviti perekayasaan *(reengineering)* sistem dan mengemaskinikan proses kerja semasa selaras dengan proses kerja semasa. Antara penambahbaikan tersebut ialah aktiviti *revisited* modul Sistem eJKM dengan pemilik proses kerja.

Pada tahun 2017, Unit eMasyarakat telah berjaya melaksanakan aktiviti *revisited* untuk Modul Orang Kurang Upaya Institusi (OKU-IT) bagi Sub Modul Taman Sinar Harapan (TSH), Bengkel Daya (BD), Pusat Latihan Dan Perindustrian (PLPP), Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Modul Warga Emas ke Institusi (WEI-IT) bagi Rumah Seri Kenangan (RSK).

**Bengkel Penggunaan eJKM Tahun 2016 (Modul Pengurusan Kemasukan Orang Kurang Upaya Institusi (OKU-IT))**
Unit eMasyarakat telah berjaya mengadakan dua Bengkel Penggunaan eJKM bagi tahun 2017. Bengkel penggunaan pada tahun 2017 menumpukan pada Modul Pengurusan Kemasukan Orang Kurang Upaya (OKU) ke Institusi sebagai fokus latihan. Bengkel Penggunaan Sistem eJKM Siri 01/2017 telah dihadiri seramai 17 orang peserta dari Taman Sinar Harapan (TSH) Kuala Terengganu, Terengganu telah mengikuti bengkel ini bertempat di Bilik ICT Pejabat Kebajikan Masyarakat (PKMD) Kuala Terengganu.

Manakala Bengkel Penggunaan Sistem eJKM Siri 02/2017 telah dihadiri seramai 25 orang peserta dari Taman Sinar Harapan (TSH) Jitra, Kedah dan Bengkel Daya (BD) Sungai Petani, Kedah telah mengikuti bengkel ini bertempat di Pusat Aktiviti Setempat OKU Bedong, Kedah.

Melalui bengkel ini, mereka diberi latihan komprehensif secara *hands on* tentang pelaksanaan dan pengurusan sistem eJKM di peringkat institusi. Penganjur juga memperoleh maklum balas daripada peserta mengenai isu dan masalah yang dihadapi semasa menggunapakai Sistem eJKM, di samping mengenal pasti kelemahan dan penambahbaikan sistem eJKM jika ada.

## 13. PDKNet

PDK (Pemulihan Dalam Komuniti) atau *"Community–Based Rehabilitation"* merupakan pendekatan pembelajaran yang melibatkan kerjasama antara guru, ibubapa, keluarga dan komuniti tempatan terhadap usaha memulihkan kanak-kanak kurang upaya. Satu program PDKNet telah dibangunkan dalam usaha untuk membantu pembelajaran kanak-kanak kurang upaya menerusi penggunaan teknologi multimedia dan ICT. PDKNet ini telah diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia semenjak tahun 2000 dengan projek perintis melibatkan beberapa pusat PDK di negeri Melaka. Tujuan PDKNet ini adalah untuk membiasakan kanak-kanak OKU dengan teknologi Multimedia dana ICT, dan juga untuk mereka menggunakan PDKNet sebagai bahan pengajaran dana pembelajaran secara interaktif. Selain itu, perisian PDKNet ini juga diharap akan dapat membantu sebagai salah satu teknik pemulihan penggunaan ICT oleh komuniti.

**Objektif Utama**

Objektif utama projek perintis PDKNet adalah:

- Mewujudkan portal berinformasi bagi menghubungkan PDK kepada agensi-agensi berkaitan menggunakan rangkaian PDKNet.
- Menyediakan Modul Latihan Berkesan secara multimedia dan internet *(web based).*

**Objektif Khusus**

- Meningkatkan keupayaan pelatih, Penjaga/ Ibubapa, kakitangan PDK dan AJK PDK ke arah penggunaan ICT dan teknologi multimedia.
- Mengasah minda pelatih dengan sistem Pembelajaran Kreatif.
- Mengembangkan minda pelatih, penjaga/ibubapa, pekerja-pekerja PDK dan AJK PDK kepada dunia luar melalui internet.
- Membina hubungan antara JKM dengan pelbagai pihak:
    - Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)
    - Pemulihan Dalam Komuniti(PDK)
    - Ibubapa/penjaga pelatih
    - Agensi-agensi kerajaan berkaitan

**Skop Projek PDKNet**

Terbahagi 4 (empat) Skop Projek dalam RMK Ke-11:

- Menghantar, membekalkan dan menyelenggara peralatan dan perisian ICT di PDK.
- Membangunkan dan menambahbaik portal dan koswer PDKNet.
- Melaksanakan Proagram Latihan Portal, Koswer dan LMS PDKNet.

**Projek Perluasan PDKNet 2017**

Projek Perluasan dan Penambahbaikan PDKNet di 12 buah negeri yang melibatkan 60 buah PDK termasuk Sabah dan Sarawak bagi tahun 2017 di bawah RMK Ke 11.

Untuk Projek Perluasan dan Penambahbaikan PDKNet di 12 buah negeri, jumlah PDK sebanyak 60 buah iaitu Kedah (4 PDK), Perak (4 PDK), Pahang (4 PDK), Kelantan (7 PDK), Negeri Sembilan (7 PDK), Perlis (2 PDK), Pulau Pinang (2 PDK), Selangor (6 PDK), Terengganu (7 PDK); WP (Kuala Lumpur/Putrajaya) (1PDK); Johor (6 PDK), Sabah (4 PDK) dan Sarawak (4 PDK). Program-program yang termasuk dalam skop latihan adalah seperti berikut:-

- Kursus Asas ICT untuk Komuniti PDK
- Kursus Penggunaan Koswer, Portal dan LMS untuk Komuniti PDK
- *Training of Trainers* (ToT) untuk Pegawai JKM Negeri, Pegawai PKMD dan Penyelia PDK.





# Penghakiman

# Unit Penasihat Undang-Undang

## PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Antara aktiviti-aktiviti yang telah disertai Unit PUU sepanjang 2017 adalah:-

| BIL. | Aktiviti | Tarikh | Input |
|---|---|---|---|
| 1 | PENGGUBALAN RUU KEGANASAN RUMAHTANGGA<br>- MESYUARAT TERJEMAHAN RUU KEGANASAN RUMAH TANGGA<br>- SESI PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017 BAGI BACAAN KEDUA DAN KETIGA DI DEWAN RAKYAT | 9.1.2017-25.7.2017<br>25.7.2017 | Akta Keganasan Rumahtangga (Pindaan) 2017 telah diluluskan oleh Parlimen pada 25 Julai 2017 dan telah diwartakan pada 27.12.2017 dan berkuatkuasa pada 1.1.2018 |
| 2 | PENGGUBALAN PERATURAN KANAK-KANAK<br>- PERATURAN ASRAMA AKHLAK DAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI KANAK-KANAK<br>- PERATURAN KANAK-KANAK (BORANG DAN DAFTAR YANG DITETAPKAN)<br>- PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI KANAK-KANAK (SEKOLAH DILULUSKAN, TEMPAT SELAMAT, TEMPAT PERLINDUNGAN DAN ASRAMA AKHLAK)<br>- PERATURAN KANAK-KANAK (PEMBANTU PELINDUNG) 2017<br>- PERATURAN PEMELIHARAAN BERASASKAN KELUARGA 2017 | 10.1.2017-23.10.2017 | Peraturan kanak-kanak telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2017 |
| 3 | PENGGUBALAN PERATURAN KAUNSELOR (FI DAN CAJ) 2017 | Oktober 2016-Ogos 2017 | Peraturan telah diwartakan pada 4 Oktober 2017 |
| 4 | PENGGUBALAN PERATURAN-PERATURAN PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (FI DAN CAJ) 2017 | | Peraturan telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan dalam proses mendapatkan tandatangan YB Menteri untuk kelulusan |

| BIL. | Aktiviti | Tarikh | Input |
|---|---|---|---|
| 5 | JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH | | |
| | - PENCERAMAH/FASILITATOR KURSUS PENGENALAN JABATAN (KPJ) & PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) SIRI 1/2017 **DI PLPP BANGI** | 17.2.2017 | |
| | - PENCERAMAH/FASILITATOR KURSUS PENGENALAN JABATAN (KPJ) & PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) SIRI 2/2017 **DI PLPP BANGI** | 7.4.2017 | |
| | - CERAMAH AKTA TASKA 1984 DAN AKTA PUSAT JAGAAN 1993 KURSUS TINDAKAN PENGUATKUASAAN PERINGKAT JPKA SABAH DAN JKM LABUAN **DI KOMPLEKS SUKAN TAWAU SABAH** | 8.8.2017 | |
| | - PENCERAMAH PROGRAM JERAYAWARA ADVOKASI UNDANG-UNDANG TAHUN 2017 PERINGKAT ZON TENGAH **DI KOMPLEKS PENYAYANG BAKTI SUNGAI BULOH** | 21.8.2017 | |
| | - PENCERAMAH UNTUK JERAYAWARA AKK 2001 (PINDAAN) 2016 & RUU AKRT (PINDAAN) NEGERI PERLIS TAHUN 2017 **DI DEWAN SERBAGUNA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA PERLIS, PUSAT PERTAHANAN AWAM PERSIARAN WAWASAN KANGAR** | 29.8.2017 | |
| | - AHLI PANEL DALAM SLOT FORUM KEGANASAN RUMAHTANGGA **DI LABUAN** | 26.9.2017 | |
| | - PENCERAMAH BAGI PROGRAM JEYARAWARA AKTA KANAK-KANAK 2001 (PINDAAN) 2016 RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017 **DI AUDITORIUM ISM KUALA LUMPUR** | 23.10.2017 | |
| | - PENCERAMAH BAGI PROGRAM JEYARAWARA AKTA KANAK-KANAK 2001 (PINDAAN) 2016 RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2017 **DI AUDITORIUM ISM KUALA LUMPUR** | 22.12.2017 | |

| BIL. | Aktiviti | Tarikh | Input |
|---|---|---|---|
| 6 | BENGKEL/LAWATAN KE LUAR NEGARA<br><br>- *WORKSHOP FOR PRACTITIONER ON ASEAN GUIDELINES AND PROCEDURE ON ACTIP* **DI PHUKET THAILAND**<br><br>- LAWATAN KERJA KE WASHINGTON DC AMERIKA SYARIKAT | 1.9.2017-3.9.2017<br><br>9.9.2017-15.9.2017 | Telah dihadiri oleh Pegawai Syariah<br><br>Telah dihadiri oleh Ketua Unit PUU Puan Zahida Zakaria |
| 7 | JAMUAN HARI RAYA EIDUL FITR UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG | 17.7.2017 | |

## Lampiran 2

### Gambar-gambar program



*Jamuan Hari Raya Eidulfitri Di Unit Penasihat Undang-Undang Pada 17 Julai 2017*



*Jamuan Hari Raya Eidulfitri Di Unit Penasihat Undang-Undang Pada 17 Julai 2017*











*REGIONAL MULTI-SECTORAL GUIDELINES & PROCEDURES TO ADDRESS THE NEEDS OF TIP VICTIMS IN ACCORDANCE WITH THE ACTIP: PRACTITIONERS' WORKSHOP PADA 1-3 SEPTEMBER 2017*

## LAWATAN KERJA KE WASHINGTON DC AMERIKA SYARIKAT PADA 9-15 SEPTEMBER 2017



*Pelancaran Perwani Washington:11 September 2017*



*Feynman School:A School For A Gifted Young Learner:12 September 2017*



*National center for missing and exploited children:13 September 2017*

# Unit Komunikasi Korporat



*Kerjasama*

# Unit Komunikasi Korporat

## VISI

- Menjadi unit yang terunggul dan juga sebagai teras peneraju utama jentera komunikasi dan perhubungan awam yang profesional dan berwibawa.

## MISI

- Menterjemah hasrat Kementerian kepada kehendak kumpulan sasar melalui pendekatan perhubungan yang realistik serta memenuhi aspirasi masyarakat selaras dengan konsep 1Malaysia.

## OBJEKTIF

- Memelihara dan meningkatkan imej positif Kementerian melalui strategi perhubungan awam (PR) yang teratur dan memastikan penyebaran maklumat dan mesej sampai kepada khalayak sasar melalui kaedah dan medium perhubungan awam.

## FUNGSI

- Meningkatkan imej korporat KPWKM melalui program dan aktiviti PR
- Menterjemahkan hasrat kerajaan kepada kehendak masyarakat melalui program dan aktiviti kempen KPWKM
- Menyebarkan maklumat mengenai dasar dan program KPWKM untuk memberi penjelasan dan mengurangkan salah faham masyarakat
- Mewujud dan mengekalkan hubungan baik dengan media massa bagi membolehkan maklumat mengenai KPWKM disalurkan secara menyeluruh
- Menjadi sumber maklumat untuk masyarakat melalui penerbitan bahan-bahan bacaan dan maklumat mengenai program dan aktiviti kumpulan sasar KPWKM
- Mengadakan bahan rujukan untuk masayarakat dengan mendokumentasikan bahan dan maklumat mengenai program dan aktiviti kumpulan sasar KPWKM
- Memberi khidmat nasihat kepada Pengurusan Tertinggi KPWKM dari aspek PR dan Media

## LAPORAN PENGURUSAN ADUAN 2017

### Status Sumber Aduan

| Sumber Aduan | Jumlah Aduan | Pertanyaan |
|---|---|---|
| Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) | 445 | 175 |
| Talian Kasih | 828 | 4823 |
| One Stop Centre | 170 | 1043 |
| **JUMLAH** | **1443** | **5866** |

### Aduan Mengikut Agensi & SISPAA

| ADUAN MELALUI SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) | |
|---|---|
| AGENSI | JUMLAH ADUAN |
| KPWKM | 44 |
| JPW | 4 |
| LPPKN | 1 |
| JKM | 396 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **445** |

## Status Penyelesaian Aduan Agensi Mengikut Tempoh

## (SISPAA)

| Bil. | TEMPOH (HARI) | KPWKM | JKM | LPPKN | JPW | JUMLAH | PERATUSAN % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 1 | 25 | 112 | 1 | 2 | 140 | 31 |
| 2 | 2-5 | 11 | 106 | 0 | 0 | 117 | 26 |
| 3 | 6-10 | 4 | 81 | 0 | 2 | 87 | 20 |
| 4 | 11-15 | 2 | 51 | 0 | 0 | 53 | 12 |
| 5 | 16-20 | 1 | 17 | 0 | 0 | 18 | 4 |
| 6 | 21-25 | 0 | 7 | 0 | 0 | 7 | 2 |
| 7 | 26-30 | 0 | 6 | 0 | 0 | 6 | 1 |
| 8 | >30 | 1 | 16 | 0 | 0 | 17 | 3 |
| **JUMLAH** | | **44** | **396** | **1** | **4** | **445** | **100** |

Nota:

- Sebanyak 397/ 89% daripada 445 jumlah aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh 1 hingga 15 hari bekerja
- Manakala 48/11% diselesaikan dalam tempoh lebih daripada 15 hari bekerja.

## Mentadbir Akaun Media Sosial KPWKM

### FACEBOOK KPWKM 2017

| BULAN | *POST* | *LIKES* | *SHARE* | *CLICK/VIEW* |
|---|---|---|---|---|
| JANUARI | 80 | 4 198 | 480 | 33 157 |
| FEBRUARI | 78 | 2 898 | 326 | 16 815 |
| MAC | 175 | 5 417 | 505 | 42 055 |
| APRIL | 114 | 5 340 | 802 | 25 213 |
| MEI | 110 | 5 554 | 800 | 30 251 |
| JUN | 83 | 2 945 | 499 | 26 613 |
| JULAI | 76 | 1 283 | 127 | 6 542 |
| OGOS | 154 | 2 217 | 613 | 9 073 |
| SEPTEMBER | 90 | 3 446 | 686 | 17 335 |
| OKTOBER | 182 | 2 707 | 353 | 12 836 |
| NOVEMBER | 163 | 3 540 | 540 | 27 944 |
| DISEMBER | 90 | 1 850 | 487 | 12 025 |





LIKES
10%
7%
13%
13%
13%
7%
3%
5%
8%
7%
9%
5%
JAN
FEB
MAC
APR
MEI
JUN
JUL
OGOS
SEPT
OKT
NOV
DIS




900
800
700
600
500
400
300
200
100
0
JAN
FEB
MAC
APR
MEI
JUN
JUL
OGOS
SEPT
OKT
NOV
DIS
SHARE

## Bilangan Transaksi Perkhidmatan Atas Talian 2017

## 1. Statistik Transaksi Perkhidmatan Dalam Talian KPWKM 2017

| Bil. | AGENSI | PERKHIDMATAN ATAS TALIAN | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KPWKM | Maklum Balas Pelanggan KPWKM | 17 | 21 | 23 | 29 | 11 | 19 | 10 | 14 | 16 | 19 | 13 | 10 | 202 |
| 2 | KPWKM | Sistem Pendaftaran Kaunselor | 7 | 14 | 11 | 11 | 3 | 2 | 1 | 4 | 2 | 7 | 20 | 3 | 85 |
| 3 | KPWKM | Sistem Tempahan Sumber : Bilik Mesyuarat (Intranet) | 130 | 153 | 133 | 156 | 158 | 105 | 186 | 275 | 178 | 163 | 153 | 114 | 1789 |
| 4 | KPWKM | Sistem Tempahan Sumber : Kenderaan (Intranet) | 39 | 68 | 69 | 97 | 103 | 63 | 118 | 174 | 178 | 112 | 114 | 88 | 1112 |
| 5 | JKMM | Bilangan Permohonan Anak Pelihara | 71 | 73 | 86 | 81 | 71 | 57 | 116 | 61 | 87 | 130 | 82 | 75 | 990 |
| 6 | JKMM | Bilangan Permohonan Kad OKU | 4663 | 3776 | 4460 | 4035 | 4478 | 3023 | 4052 | 4368 | 3358 | 4110 | 4012 | 4158 | 48493 |
| 7 | JKMM | Sistem eJKM | 1867 | 1252 | 15585 | 15575 | 9008 | 7232 | 7614 | 11202 | 4791 | 1039 | 3831 | 2989 | 81985 |
| 8 | JKMM | Bilangan Pendaftaran/ Semakan Status Bantuan JKM | 9938 | 9949 | 10317 | 8441 | 10043 | 6678 | 8492 | 10108 | 8150 | 9778 | 11038 | 9344 | 111776 |
| 9 | JKMM | Info Banjir | 62039 | 8765 | 3212 | 2385 | 2300 | 1200 | 960 | 2600 | 8600 | 6200 | 39000 | 31000 | 168261 |
| 10 | JKMM | Ezi2care | 161 | 651 | 2011 | 2574 | 1972 | 1734 | 2530 | 2183 | 2286 | 1385 | 1136 | 819 | 19422 |
| 11 | JPW | Modul Ibu Tunggal | 263 | 46 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 309 |
| 12 | LPPKN | eSubsidy Mamogram | 0 | 0 | 1126 | 1722 | 1414 | 914 | 885 | 932 | 496 | 500 | 456 | 525 | 8970 |
| 13 | LPPKN | Program Vaksinasi HPV (DOS 3) | 672 | 795 | 418 | 277 | 233 | 59 | 2500 | 8170 | 4549 | 3214 | 2500 | 488 | 23875 |
| 14 | LPPKN | Aduan Maklum Balas Pelanggan | 16 | 57 | 61 | 28 | 22 | 22 | 26 | 26 | 22 | 21 | 22 | 11 | 334 |
| 15 | LPPKN | Sisrtem eKursus | 123 | 183 | 269 | 243 | 150 | 359 | 97 | 85 | 80 | 78 | 95 | 151 | 1913 |
| 16 | NIEW | Sistem Permohonan Kursus Secara Atas Talian | 3 | 1 | 5 | 13 | 13 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 36 |
| 17 | NIEW | Sistem Penilaian Kursus NIEW (Bermusim) | 0 | 0 | 0 | 0 | 40 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 40 |
| 18 | NIEW | Sistem Pendaftaran Pengarah-Pengarah Wanita | 5 | 5 | 7 | 2 | 3 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 23 |
| **JUMLAH** | | | **80025** | **25309** | **37793** | **35669** | **30022** | **211051** | **27587** | **40095** | **32674** | **26747** | **62479** | **49755** | **466447** |

## 2. Statistik Transaksi Perkhidmatan Kaunter *One Stop Center* (OSC) 2017

| Bil. | AGENSI | PERKHIDMATAN ATAS TALIAN | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KPWKM | Pertanyaan | 56 | 37 | 135 | 77 | 94 | 52 | 102 | 120 | 86 | 93 | 105 | 86 | 1043 |
| | | Permohonan | 65 | 92 | 234 | 164 | 144 | 105 | 143 | 133 | 124 | 189 | 252 | 171 | 1816 |
| | | Aduan | 3 | 4 | 12 | 12 | 19 | 8 | 11 | 17 | 15 | 22 | 32 | 15 | 170 |
| | | Cadangan | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| | | Lain-Lain | 83 | 92 | 94 | 76 | 71 | 71 | 57 | 52 | 44 | 76 | 100 | 63 | 879 |
| JUMLAH | | | 207 | 227 | 475 | 329 | 328 | 236 | 313 | 322 | 269 | 380 | 489 | 335 | 3910 |

## 3. Statistik Bilangan Pelawat Unik Portal Rasmi KPWKM 2017

| Bil. | AGENSI | PERKHIDMATAN ATAS TALIAN | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | KPWKM | KPWKM Portal (Jumlah Pelawat) | 49431 | 47123 | 91544 | 82731 | 144859 | 78023 | 30809 | 30470 | 232830 | 151202 | 107855 | 16416 | 1063293 |

# Bahagian Khidmat Pengurusan



# Bahagian Khidmat Pengurusan

## LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan penggerak utama kepada jentera pentadbiran KPWKM melalui penyediaan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dalam membantu mencapai visi dan misi Kementerian. Bahagian Khidmat Pengurusan telah dibahagikan kepada 4 unit seperti berikut:
(i) Unit Pentadbiran, Keselamatan dan Logistik
(ii) Unit Pengurusan Aset
(iii) Unit Penyelarasan, Keurusetiaan dan Kualiti
(vi) Unit Pusat Sumber

## VISI

Memberi kemudahan perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran am yang berkualiti dan professional bagi menyokong perkhidmatan teras Kementerian ke arah organisasi yang cemerlang.

## MISI

Memberikan perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang cekap dan berkesan kepada pelanggan dalaman dan luaran Kementerian.

## OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap kepada semua warga Kementerian berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa bagi memastikan visi Kementerian tercapai dengan jayanya.

## AKTIVITI

### 1. UNIT PENTADBIRAN, KESELAMATAN DAN LOGISTIK

**a. Keselamatan**

**i. Ceramah Keselamatan Kebakaran**

Pada 21 Mac 2017 telah diadakan Ceramah Keselamatan Kebakaran di Auditorium Aras 7, KPWKM dengan penyertaan seramai 76 warga KPWKM. Ceramah ini telah disampaikan oleh Tuan Abdul Rashid bin Hassan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya.





**ii. Latihan Pasukan Keselamatan Kebakaran**

Pada 22 Mac 2017 telah diadakan satu Latihan Pasukan Keselamatan Kebakaran bertempat di Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya. Latihan ini dihadiri oleh 30 orang peserta Pegawai Penyelamat dan Pasukan Pemadam KPWKM. Objektif utama penganjuran latihan ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada Pegawai Penyelamat dan Pasukan Pemadam Kementerian tentang pengendalian penggunaan peralatan pemadam api dan teknik menyelamat mangsa kebakaran sebagai satu bentuk persediaan bagi menghadapi risiko kebakaran di bangunan KPWKM. Para peserta menerima pengajaran teori dan praktikal berkenaan alat pemadam api, peralatan operasi, cara membawa hos, cara merentang hos,cara menyambung hos dan kaedah penyelamatan mangsa.








**iii. Latihan Pengungsian Bangunan *(Fire Drill)***

Pada 23 Mac 2017 telah diadakan satu Latihan Pengungsian Bangunan di bangunan KPWKM, Putrajaya. Latihan ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya selaku pengendali latihan, pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan juga pihak Lapisan Rezeki Sdn Bhd selaku syarikat pemegang kontrak penyelenggaraan bangunan KPWKM. Objektif utama penganjuran latihan ini adalah untuk memberi latihan praktikal kepada 650 warga KPWKM berkenaan cara-cara menghadapi bencana kebakaran sebagai satu bentuk persediaan bagi menghadapi risiko kebakaran di bangunan KPWKM.

**b. Pentadbiran**

**i. Bengkel Pemurnian MPK dan Fail Meja BKP**

Pada 24 November 2017, Bengkel Pemurnian MPK dan Fail Meja BKP telah diadakan bertempat di aras 3 yang melibatkan 20 orang peserta yang terdiri daripada warga BKP. Penceramah bengkel adalah Encik Mohd Alwi bin Mohd Mustafa, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, KPWKM. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi kefahaman, pengetahuan dan kemahiran kepada peserta mengenai konsep dan cara mendokumentasi Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM). Di samping memberi kefahaman mengenai keperluan MPK dan FM sebagai panduan utama dalam menjalankan urusan rasmi organisasi.

**c. Parlimen**

i. Unit Parlimen berfungsi sebagai

a. satu unit yang menyelaraskan pertanyaan-pertanyaan Ahli Parlimen,

b. menjadi unit penghubung antara jabatan-jabatan yang lain berkaitan dengan penyediaan jawapan Parlimen

c. menyediakan jawapan-jawapan Parlimen tersebut untuk dijawab oleh YB Menteri serta YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

ii. Unit Parlimen telah mengadakan dua siri Bengkel Penulisan Jawapan Parlimen iaitu pada 22 Februari 2017 dan 10 Oktober 2017. Bengkel yang telah dihadiri oleh penyedia jawapan parlimen Kementerian dan Agensi di bawah Kementerian bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua peserta berkenaan dengan cara dan kaedah menyediakan jawapan parlimen serta maklumat-maklumat terkini berkaitan parlimen.



## 2. UNIT PENGURUSAN ASET

### a. Aset

**i. Bengkel Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Kursus Pengurusan Stor KPWKM Siri 1 Tahun 2017**

Bengkel ini telah diadakan pada 21 hingga 23 November 2017 telah disampaikan oleh Encik Muhammad Zahri Mohd Hassan, Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia di aras 21. Bengkel ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan berkaitan pengurusan aset dan stor Kerajaan dengan lebih mendalam kepada peserta bengkel/ kursus. Kursus selama 3 hari ini telah dihadiri oleh 43 orang pegawai/kakitangan KPWKM dan agensi dibawahnya.



**ii. Taklimat kepada Pegawai Pemeriksaan Aset Alih KPWKM**

Taklimat ini telah diadakan pada 4 Oktober 2017 di aras 34, KPWKM dan telah disampaikan oleh Puan Nora Hashim, Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia. Tujuan utama taklimat ini untuk menjelaskan tatacara penggunaan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) kepada Pegawai Pemeriksa yang baharu dilantik.

**iii. Bengkel Pengurusan Aset Alih Kerajaan & Kursus Pengurusan Stor KPWKM Siri 2 Tahun 2017**

Bengkel ini telah diadakan pada 6 hingga 8 November 2017 di aras 21, KPWKM yang disampaikan oleh Encik Abdul Rahman Abdul Wahab (Pesara Kerajaan INTAN Bukit Kiara). Ianya bertujuan untuk meningkatkan ilmu dan pemahaman berkaitan tatacara pengurusan aset alih dan stor Kerajaan kepada peserta kursus selain untuk memastikan pengurusan aset alih Kerajaan di KPWKM dilaksanakan secara teratur dan berkesan.



### b. Pengurusan Rekod

**i. Latihan Penggunaan Aplikasi *Digital Document Management System 2.0* (DDMS 2.0)**

Latihan ini diadakan pada 12 April 2017 bertempat di Makmal Komputer Aras 33, KPWKM. Kursus ini telah dihadiri oleh 18 orang pegawai dan kakitangan KPWKM. Latihan ini diadakan bertujuan untuk mengajar dan menambah ilmu pengetahuan pegawai dan kakitangan KPWKM mengenai DDMS dan cara penggunaanya.



**ii. Kursus Pegawai Pengelas (Klasifikasi)**

Kursus Pegawai Pengelas telah diadakan pada 6 April 2017 bertempat di Auditorium Aras 7, KPWKM. Kursus ini disasarkan kepada 16 orang Pegawai Pengelas KPWKM yang telah dilantik oleh YB Menteri. Kursus ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Rasyid bin Che Abdullah daripada Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO).

Objektif kursus adalah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang peranan, tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengelas di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 dan memberi kefahaman mengenai prosedur yang betul dalam pengurusan dokumen rahsia rasmi mengikut peruntukan perundangan Akta Rahsia Rasmi 1972.








**iii. Bengkel Pelupusan Rekod**

Bengkel Pelupusan Rekod telah diadakan pada 10 – 11 Julai 2017 bertempat di Galeri Perpustakaan Aras 3, KPWKM. Bengkel ini dihadiri seramai 27 Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan yang telah dilantik di setiap Bahagian/Unit. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Anis Syazwani binti Fadzillah dari Arkib Negara Malaysia.

Objektif bengkel adalah untuk memberi kefahaman tentang kaedah dan tatacara pelupusan rekod, meningkatkan pengetahuan pelaksanaan program pelupusan rekod dan menyelesaikan masalah timbunan rekod tidak aktif di Kementerian.

## 3. UNIT PENYELARASAN, KEURUSETIAAN & KUALITI

### i. Hari Sukan Negara 2017

Hari Sukan Negara 2017 telah diadakan pada 14 Oktober 2017 bertempat di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak. Seramai 30 orang warga KPWKM telah mendaftar untuk menyertai acara 5km dan 10km.



### ii. Taklimat dan Kursus MS ISO 9001:2015

Taklimat dan Kursus MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 26 Oktober, 2 dan 3 November 2017 bertempat di Aras 21, KPWKM. Seramai 30 orang peserta kumpulan pegawai gred 41 dan keatas telah mengikuti kursus ini. Kursus ini adalah pengenalan kepada pembaharuan perlesenan MS ISO 9001:2015 di KPWKM.

Objektif kursus ini adalah memberi kefahaman secara menyeluruh mengenai pembaharuan MS ISO 9001:2018 kepada MS ISO 9001:2015 dan secara langsung menerangkan proses pelaksanaan MS ISO 9001:2015 serta 10 elemen baru yang diperlukan mengikut versi yang baru.





### iii. Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2017

Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2017 telah dilaksanakan melalui 2 Siri iaitu Siri 1/2017 (Pengenalan, Pemahaman dan Pelaksanaan Tindakan) telah diadakan pada 30 Oktober sehingga 1 November 2017 dan Siri 2/2017 (Pengenalan, Pemahaman dan Pelaksanaan Tindakan) telah diadakan pada 8 dan 9 November 2017. Kursus ini dijalankan di Aras 21, KPWKM. Seramai 35 orang kakitangan telah mengikuti bengkel ini.

Objektf kursus ini adalah meningkatkan kefahaman dalam memahami konsep, struktur, prinsip, teknik dan falsafah KIK disamping meningkatkan kemahiran bekerja secara berkumpulan dalam kalangan warga kementerian dan jabatan/agensi.





## 4. UNIT PUSAT SUMBER

Pada tahun ini, perpustakaan KPWKM telah dapat menambah koleksi bahan-bahan bacaan adalah sebanyak 262 naskah. Bahan-bahan bacaan ini merangkumi 175 naskah bahan tempatan dan 87 naskah bahan luar negara.






**i. Lawatan**

**a) Lawatan Kembara Ilmu dan Penandaarasan**

Perpustakaan KPWKM telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Majlis Orang Buta Malaysia (MAB) pada 10 Oktober 2017 dan lawatan ke Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MDF) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) 11 Oktober 2017. Objektif lawatan ini adalah untuk mewujudkan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan mesra OKU; untuk mendapatkan pendedahan sebelum mewujudkan perpustakaan dan untuk mengetahui keperluan asas dari pelbagai aspek seperti koleksi dan perkhidmatan yang sesuai disediakan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di Perpustakaan KPWKM.

b) 30 Mac 2017-Pesta Buku Putrajaya di PICC Putrajaya (46 orang kakitangan)

c) 3 Mei 2017-Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (20 orang kakitangan)






**ii. Hari Buku Sedunia dan Hak Cipta Sedunia**

Perpustakaan KPWKM telah mengadakan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta pada 26 dan 29 April 2017 di ruang pameran perpustakaan KPWKM, aras 3. Sambutan ini diadakan sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang jatuh pada 21 April 2017 di seluruh dunia. Tujuannya adalah memberikan pendedahan tentang sejarah dan pentingnya buku dalam mendapatkan ilmu pengetahuan.





**iii. Program *English Month***

Perpustakaan telah mengadakan aktiviti bersempena *Oh English Month* 2017 pada setiap minggu dengan mengadakan pameran dan jualan buku Bahasa Inggeris. Pada 20 September 2017, perpustakaan telah mengadakan *Explorer Activity*. Ianya merupakan satu aktiviti mencari harta karun iaitu bahan bacaan. Aktiviti ini diadakan di perpustakaan dan mendapat sambutan dari kakitangan KPWKM dan agensi-agensi.





**iv. Pameran**

**a. Pameran Kuala Lumpur 2017 Sukan SEA KE-29 dan Sukan para ASEAN ke-9**

Pameran ini diadakan sempena Malaysia selaku tuan rumah kepada kedua-dua sukan bertaraf Asia. Pameran ini berlangsung dari 10 hingga 30 Ogos di Ruang Pameran di Aras 3, Perpustakaan KPWKM. Pameran ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Azman bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM pada 10 Ogos 2017 dan turut serta Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBrs. Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah.

Diadakan juga, pertandingan sukan gaya KPWKM, *photo booth* dan gerai jualan serta pameran buku berkaitan Sukan SEA dan Para ASEAN. Sambutan menggalakkan dengan kehadiran hampir 200 orang







**b. Pameran Hari Kebangsaan Peringkat KPWKM**

Pada 22 Ogos 2017 pameran ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Penglibatan kanak-kanak Taska Nur dengan memakai pakaian tradisional pelbagai kaum memeriahkan lagi sambutan ini. YB Menteri telah menurunkan tanda tangan sebagai simbolik kepada pelancaran sambutan Hari Kebangsaan peringkat KPWKM. Pameran ini memaparkan maklumat tentang sejarah negara sebelum dan selepas merdeka. Selain itu, buku-buku yang berkaitan dengan kepimpinan enam orang Perdana Menteri, kebudayaan, politik dan ekonomi Malaysia turut dipamerkan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan erti kemerdekaan kepada generasi masa kini.





**c. Pameran Bulan Keluarga**

Pameran ini diadakan sempena sambutan Bulan Keluarga di peringkat KPWKM pada Oktober 2017 bertempat di ruang pameran perpustakaan.





**d. Pameran Bulan Kebajikan Negara**

Pameran ini diadakan sempena sambutan Bulan Kebajikan Negara di peringkat KPWKM pada setiap bulan November bertempat di ruang lobi KPWKM





**e. Pameran Buku**

Pameran buku diadakan semasa perhimpunan bulanan KPWKM di Dewan Perdana Nur. Kakitangan perpustakaan telah membawa turun bahan bacaan yang sesuai. Pendaftaran keahlian juga dibuka kepada kakitangan KPWKM dan agensi-agensi.



## Unit Amalan Kaunselor



# Unit Amalan Kaunselor

## 1 KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA KAUNSELOR KE PEJABAT YBHG. DATUK DR. KSU, KPWKM

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **13 Februari 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Gerakan Aras 36** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membentangkan pencapaian dan hala tuju Lembaga Kaunselor di samping mendapatkan pandangan YBhg. Datuk Dr KSU tentang hala tuju Lembaga Kaunselor bagi sesi 2016-2018.



*Kunjungan Hormat Lembaga Kaunselor Ke Pejabat Ybhg. Datuk Dr. Ksu, KPWKM*



*Anggota Lembaga Sesi 2016-2018 bergambar kenangan dengan YBhg. Datuk Dr KSU*

## 2 MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT KAUNSELOR BIL 1/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **14 Februari 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Gerakan Aras 36** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Seramai 22 orang dari 25 orang ahli majlis yang telah dilantik oleh YB. Menteri.
- Antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah:
  I. Perbadanan Lembaga Kaunselor
  II. Pendaftaran kaunselor
  III. Latihan kaunselor
  IV. Hala tuju Lembaga Kaunselor



*Mesyuarat Majlis Penasihat Kaunselor Bil 1/2017*



*Ahli Majlis Penasihat Kaunselor Sesi 2016-2018 bergambar kenangan bersama YBhg. Datuk Dr KSU*

## 3 BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING PEGAWAI PSIKOLOGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DAN AGENSI

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **27-28 Februari 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Bengkel ini merupakan salah satu siri latihan kompetensi kaunselor di bawah Pelan Operasi Latihan KPWKM.
- Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai psikologi KPWKM dan agensi telah menghadiri bengkel ini.
- Objektif utama bengkel ini adalah untuk mendedahkan peserta dengan kemahiran menulis laporan kaunseling mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor.



*Bengkel Penulisan Laporan Kaunseling*



*Bengkel Penulisan Laporan Kaunseling*

## 4 BENGKEL *PSYCHOLOGICAL FIRST AID* (PFA) PEGAWAI PSIKOLOGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DAN AGENSI

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **11-12 April 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19,KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Bengkel ini merupakan salah satu siri latihan kompetensi kaunselor di bawah Pelan Operasi Latihan KPWKM.
- Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai psikologi KPWKM dan agensi telah menghadiri bengkel ini.
- Objektif utama bengkel ini adalah untuk mendedahkan peserta dengan kemahiran PFA apabila menghadapi klien yang terlibat bencana atau krisis.





| 5 | PERBINCANGAN MEJA BULAT MAJLIS PENASIHAT KAUNSELOR 2017 | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 11 Mei 2017 |
| | • Lokasi | Dewan Perdana Nur, KPWKM |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Perbincangan Meja Bulat Majlis Penasihat Kaunselor 2017 telah diadakan dengan kerjasama Lembaga Kaunselor.
  - Tujuan perbincangan ini diadakan bagi membincangkan isu berbangkit dalam perkhidmatan kaunseling di Malaysia.
  - Antara isu yang dibincangkan dalam perbincangan tersebut ialah:
    I. Kompetensi Kaunselor Berdaftar
    II. Program Latihan Kaunseling di IPT
    III. Isu Kaunseling Kontemporari





| 6 | KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS) KE LEMBAGA KAUNSELOR DAN UNIT AMALAN KAUNSELOR | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 18 Mei 2017 |
| | • Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membincangkan isu perkhidmatan kaunseling di Malaysia bersama Ketua Unit Amalan Kaunseling dan Pendaftar Lembaga Kaunselor.





| 7 | MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PERKHIDMATAN KAUNSELING KPWKM BIL 1/2017 | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 19 Mei 2017 |
| | • Lokasi | Bilik Perbincangan TKSU (O), Aras 36 |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan utama mesyuarat jawatankuasa ini adalah:
    i. menyelaras maklumat segala aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan psikologi dan kaunseling KPWKM dan Agensi.
    ii. Sebagai jawatankuasa pelaksana Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017.
    iii. Menyelaras pengumpulan matlamat semasa bencana untuk dikemukakan kepada pihak KPWKM.
    iv. Meneliti keperluan latihan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi KPWKM dan Agensi.





| 8 | KUNJUNGAN HORMAT PEJABAT SETIAUSAHA SELANGOR KE UAK DAN LEMBAGA KAUNSELOR | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 23 Mei 2017 |
| | • Lokasi | Bilik Perbincangan Aras 19 |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membincangkan isu perkhidmatan kaunseling di Malaysia bersama Ketua Unit Amalan Kaunseling dan Pendaftar Lembaga Kaunselor.



*Kunjungan Hormat Pejabat Setiausaha Selangor Ke UAK dan Lembaga Kaunselor*



## 9 IHYA RAMADAN UNIT AMALAN KAUNSELOR DAN LEMBAGA KAUNSELOR 2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **25 Mei 2017** |
| • **Lokasi** | **Aras 19** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan 2017 dan mengeratkan ukhuwah antara Unit Amalan Kaunselor dan Lembaga Kaunselor.



*Ihya Ramadan Unit Amalan Kaunselor Dan Lembaga Kaunselor 2017*



## 10 PERBINCANGAN JALINAN KERJASAMA ANTARA UNIT AMALAN KAUNSELOR DENGAN UNIT BIMBINGAN DAN KAUNSELING,UIA.

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **20 Julai 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat, Aras 19** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan utama perbincangan ini adalah untuk membincangkan jalinan kerjasama antara Unit Amalan Kaunselor dengan Unit Bimbingan dan Kaunseling, UIA bagi mengadakan Seminar Kaunseling dan Kesejahteraan 2017: Kecelaruan Emosi & Sokongan Sosial sempena Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017.





## 11 BENGKEL KAUNSELING SEKSUALITI PEGAWAI PSIKOLOGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DAN AGENSI

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **24-25 Julai 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat, Aras 19** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah bagi meningkatkan kompetensi Pegawai Psikologi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Dan Agensi dalam memberikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada kumpulan sasar Kementerian.
- Seramai 25 orang Pegawai Psikologi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dan Agensi terlibat dalam bengkel tersebut.





## 12 PERBINCANGAN BERSAMA WAKIL PEGAWAI PSIKOLOGI AGENSI BAGI JALINAN KERJASAMA PERKHIDMATAN PSIKOLOGI KAUNSELING KEPADA KUMPULAN SASAR KPWKM

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **25 Ogos 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19,KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan perbincangan ini diadakan adalah bagi membincangkan jalinan kerjasama antara agensi dan kementerian dalam memberikan perkhidmatan psikologi kaunseling kepada kumpulan sasar KPWKM.
- Perbincangan ini telah dihadiri oleh wakil Pegawai Psikologi setiap agensi di bawah KPWKM.





## 13 MESYUARAT BERSAMA PENASIHAT UNDANG-UNDANG KPWKM DAN LEMBAGA KAUNSELOR BERKENAAN PINDAAN JADUAL KEDUA AKTA KAUNSELOR 1998 (AKTA 580)

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **21 September 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan berkenaan Pindaan Jadual Kedua Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil Pegawai Psikologi setiap agensi di bawah KPWKM.





## 14 MAJLIS PELANCARAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **3 Oktober 2017** |
| • **Lokasi** | **Dewan Perdana Nur, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Majlis Pelancaran ini diadakan sempena Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017 (BKK). Tema BKK pada tahun ini adalah #membudayakankaunseling. BKK akan disambut setiap tahun pada bulan Oktober.
- Seramai 450 orang pemberi perkhidmatan kaunseling dari pelbagai seting pekerjaan telah menghadiri majlis pelancaran ini.
- Majlis ini juga telah dirasmikan oleh YB Menteri KPWKM, Dato' Sri Rohani Abd Karim.






*Majlis Perasmian Bulan Kaunseling Kebangsaan 2017*

## 15 PERBINCANGAN PEMBANGUNAN MODUL PROGRAM TRANSFORMASI MINDA KANAK-KANAK DAN REMAJA J'KEB

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **11 Oktober 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19,KPWKM** |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan perbincangan ini diadakan adalah bagi membincangkan Pembangunan Modul Program Transformasi Minda Kanak-Kanak Dan Remaja J'KEB.
  - Perbincangan ini telah dihadiri oleh Presiden Lembaga Kaunselor, wakil dari Lembaga Kaunselor dan wakil NGO.





## 16 PROGRAM SERLAH POTENSI MELALUI PSIKOLOGI

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **19 Oktober 2017** |
| • **Lokasi** | **Dewan Masyarakat Lingga, Sarawak** |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Objektif program ini adalah bagi mengenalpasti potensi belia di kawasan berkenaan melalui psikologi seperti ujian psikologi yang dijalankan.
  - Program ini telah disertai oleh 50 orang belia dari pelbagai peringkat umur kawasan Dun Lingga.







## 17 BENGKEL APLIKASI DSM-5 BAGI PEGAWAI PSIKOLOGI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DAN AGENSI

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **30-31 Oktober 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Objektif utama bengkel ini adalah bagi meningkatkan kompetensi Pegawai Psikologi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Dan Agensi dalam memberikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada kumpulan sasar Kementerian.
- Seramai 30 orang Pegawai Psikologi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dan Agensi terlibat dalam bengkel tersebut.





## 18 PROGRAM *OUTREACH* UNIT AMALAN KAUNSELOR BERSAMA WARGA KOLEJ TUN HUSSEIN ONN,UKM

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **28 November 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Kolej Tun Hussein Onn, UKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan program ini diadakan adalah bagi menjalankan outreach tentang kaunseling dan perkhidmatannya kepada warga Kolej Tun Hussein Onn, UKM.
- Seramai 20 orang warga kolej berkenaan telah menyertai program ini.





19

| SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BIL.1/2017 | |
|---|---|
| • Tarikh | 22 Januari 2017 |
| • Lokasi | Pejabat Pengurusan Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
  - Panel sesi temuduga adalah Dr. Wan Marzuki bin Wan Jaafar dan Prof. Madya Dr. Salleh bin Amat anggota Lembaga Kaunselor.
  - Seramai 10 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.



*Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar Bil1/2017*



20

| BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA) SIRI 1/2017 | |
|---|---|
| • Tarikh | 27 dan 28 Januari 2017 |
| • Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan bengkel PFA ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi peserta dalam membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi.
  - Bengkel ini meliputi simulasi yang mampu memberi impak kepada kaunselor yang akan mengendalikan kes yang berkaitan dengan bencana atau tragedi.
  - Seramai 25 orang peserta telah menyertai bengkel ini yang terdiri daripada anggota Lembaga Kaunselor serta Presiden Lembaga Kaunselor yang turut hadir memberi sokongan.





*Bengkel PFA dan penyampaian sijil penyertaan oleh YBrs Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff, Presiden Lembaga Kaunselor*

21

## KONVENSYEN ANTARABANGSA TEORI DAN APLIKASI KAUNSELING 2017 (ICTAC 2017)

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 6, 7 dan 8 Februari 2017 |
| • Lokasi | Dewan DKG, Universiti Utara Malaysia (UUM) |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Lembaga Kaunselor telah mendapat jemputan untuk menyertai pameran di Dewan DKG, Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Konvensyen Antarabangsa Teori dan Aplikasi Kaunseling 2017 (ICTAC 2017).
- Konvensyen Antarabangsa yang dianjurkan oleh Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) mendapat sambutan hangat di mana jumlah peserta mencecah 1,200 orang dari dalam dan luar negara.
- Majlis ini di rasmikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid iaitu Menteri Pendidikan Malaysia.



*Booth pameran Lembaga Kaunselor di Dewan DKG, UUM*




*YBrs Dr. Salleh bin Amat menyerahkan buku terbitan Lembaga Kaunselor kepada YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia.*

22

## MESYUARAT BERSAMA MAJLIS GURU KAUNSELING KEBANGSAAN (MGKK)

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 7 Februari 2017 |
| • Lokasi | Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan mesyuarat bersama Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK) dengan Lembaga Kaunselor adalah bagi membincangkan kerjasama antara Lembaga Kaunselor dan MGKK dalam meningkatkan lagi profesionalisme perkhidmatan kaunseling di Malaysia.



*Mesyuarat Lembaga Kaunselor dengan MGKK di hadiri oleh wakil YDP setiap negeri.*



## 23 SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.2/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **22 Februari 2017** |
| • **Lokasi** | **Pejabat Pengurusan Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah Presiden Lembaga Kaunselor iaitu Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff dan Puan Mumtaj Begum binti Mohd Sultan, Anggota Lembaga Kaunselor.
- Seramai 22 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.



*Peserta Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar Bil.2/2017*



## 24 CERAMAH ETIKA PENGURUSAN KES KAUNSELING OLEH PRESIDEN LEMBAGA KAUNSELOR

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **7 Mac 2017** |
| • **Lokasi** | **Kem PLKN Desa Rimba Sauk, Kuala Kangsar, Perak** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Presiden Lembaga Kaunselor telah dijemput bagi menyampaikan ceramah berkenaan kaunseling kepada guru kaunseling di Perak sempena Mesyuarat Agong Tahunan MGK, Perak.
- Ceramah yang disampaikan memberi pendedahan kepada guru kaunseling berkaitan teori kaunseling dan juga etika sebagai kaunselor.
- Seramai 500 orang guru kaunseling negeri Perak telah menghadiri sesi ceramah ini.



*Ceramah oleh YBrs Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff, Presiden Lembaga Kaunselor*



## 25 SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.3/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **7 Mac 2017** |
| • **Lokasi** | **Kem PLKN Desa Rimba Sauk, Kuala Kangsar, Perak** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah Presiden Lembaga Kaunselor iaitu Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff dan Puan Mumtaj Begum binti Mohd Sultan, Anggota Lembaga Kaunselor.
- Seramai 18 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.



*Peserta Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar Bil.3/2017*



*Sesi Pengesahan Kelayakan Kaunselor Berdaftar Bil.3/2017*

## 26 MALAM ANUGERAH KAUNSELING DAN ALUMNI UM

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **25 Mac 2017** |
| • **Lokasi** | **Crystal Crown Hotel, Petaling Jaya** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Presiden Lembaga Kaunselor telah menerima jemputan daripada Persatuan Kaunseling Universiti Malaya untuk merasmikan Majlis Malam Anugerah Kaunseling dan Alumni.
- Majlis ini juga turut meraikan pelajar kaunseling yang menerima anugerah dekan.




*Presiden Lembaga Kaunselor bergambar kenangan bersama Sebahagian pelajar UM yang hadir Malam Anugerah Kaunseling dan Alumni*



*Presiden Lembaga Kaunselor menyampaikan Sijil Anugerah Dekan kepada salah seorang pelajar kaunseling*

27

| BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID (PFA) SIRI 2/2017 | |
|---|---|
| • Tarikh | 27 hingga 28 Mac 2017 |
| • Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan bengkel PFA ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi peserta dalam membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi.
  - Bengkel ini meliputi simulasi yang mampu memberi impak kepada kaunselor yang akan mengendalikan kes yang berkaitan dengan bencana atau tragedi.
  - Peserta yang menyertai bengkel ini adalah seramai 27 orang yang terdiri daripada kaunselor berdaftar dari pelbagai agensi.



*Peserta yang menghadiri Bengkel Psychological First Aid (PFA)*



*Peserta yang menghadiri Bengkel Psychological First Aid (PFA)*

28

| KUNJUNGAN MESRA DARI JABATAN ARAH KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (KAGAT) | |
|---|---|
| • Tarikh | 28 Mac 2017 |
| • Lokasi | Pejabat Pengurusan Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM |

- Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
  - Tujuan kunjungan mesra ini diadakan adalah untuk membincang isu pendaftaran Kaunselor dan isu perkhidmatan kaunseling bagi pegawai KAGAT.
  - Kunjungan mesra ini telah dipengerusikan oleh Tuan Pendaftar Kaunselor, Encik Juhari Jani.



*KUNJUNGAN MESRA DARI JABATAN ARAH KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (KAGAT)*



*KUNJUNGAN MESRA DARI JABATAN ARAH KOR AGAMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (KAGAT)*

| 29 | BENGKEL KAUNSELING PENYALAHGUNAAN DADAH | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 8 -9 Mei 2017 |
| | • Lokasi | Bilik Mesyuarat Aras 19, KPWKM |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan Bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan kepada kaunselor dalam menangani isu penyalahgunaan dadah di Malaysia.
- Seramai 32 peserta dari pelbagai agensi telah mengikuti bengkel ini.



*Bengkel Kaunseling Penyalahgunaan Dadah*



| 30 | MESYUARAT JAWATANKUASA STANDARD KELAYAKAN | |
|---|---|---|
| | • Tarikh | 29 -30 Mei 2017 |
| | • Lokasi | Hotel Q, Kuala Lumpur |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan mesyuarat ini diadakan untuk membuat semakan program-program kaunseling di Malaysia.
- Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Standard dan Kelayakan iaitu Dr Wan Marzuki bin Wan Jaafar.





| 31 | BENGKEL PERKONGSIAN DAN SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.6/2017 | |
|---|---|---|
| | • **Tarikh** | **2 Mei 2017** |
| | • **Lokasi** | **Masjid MINDEF, Kuala Lumpur** |
| | • Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti<br>- Sesi Pengesahan ini diadakan bagi mendaftarkan pegawai tentera dari Jabatan Kor Arah Negara dan Tentera Darat yang berkelayakan dalam bidang kaunseling sebagai kaunselor berdaftar. | |





| 32 | BENGKEL PEMURNIAN PERATURAN PROFESION KERJA SOSIAL | |
|---|---|---|
| | • **Tarikh** | **15 Jun 2017** |
| | • **Lokasi** | **Aras 13,Jabatan Kebajikan Masyarakat, KPWKM** |
| | • Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti<br>- Presiden Lembaga Kaunselor telah menyampaikan perkongsian ilmu berkenaan dengan pengubalan peraturan-peraturan di bawah Akta. | |



33

## SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.8/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **22 Februari 2017** |
| • **Lokasi** | **Pejabat Pengurusan Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar.
- Kaunselor ini dinilai berdasarkan Akta Kaunselor 1998.
- Panel sesi temuduga adalah Presiden Lembaga Kaunselor iaitu Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff dan Dr Wan Marzuki bin Jaafar, Anggota Lembaga Kaunselor.
- Seramai 5 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.




34

## SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.9/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **27 Julai 2017** |
| • **Lokasi** | **Pejabat Pengurusan Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah Presiden Lembaga Kaunselor iaitu Dr Wan Marzuki bin Jaafar dan Prof Madya Dr Salleh bin Amat, Anggota Lembaga Kaunselor.
- Seramai 20 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.




35

| BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **31 Julai & 1 Ogos 2017** |
| • **Lokasi** | **Dewan Persidangan Aras 21, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Objektif utama bengkel ini adalah untuk mendedahkan peserta dengan kemahiran menulis laporan kaunseling mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor.
- Seramai 43 orang peserta yang terdiri daripada pegawai psikologi KPWKM dan agensi telah menghadiri bengkel ini.





36

| SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BIL.10/2017 | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **31 Julai 2017** |
| • **Lokasi** | **Jabatan Pendidikan Negeri Johor** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah seramai 4 panel iaitu Presiden Lembaga Kaunselor iaitu Puan Hajah Nor Amni binti Yusoff Dr Wan Marzuki bin Jaafar, Tuan Haji Hairol Kamal bin Ab Rahman dan Encik Yee Yong Fak.
- Seramai 53 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.





## 37 BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING SIRI 2/2017

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 31 Julai & 1 Ogos 2017 |
| • Lokasi | Bilik Perbincangan Aras 19 |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kaunselor berdaftar dalam tatacara penulisan laporan kaunseling mengikut piawaian yang telah digariskan oleh Lembaga Kaunselor.
- Bengkel ini terbuka kepada semua kaunselor berdaftar yang terdiri daripada pelbagai agensi awam dan swasta.





## 38 BENGKEL PSYCHOLOGICAL FIRST AID ( PFA ) SIRI 5/2017

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 17 & 18 Ogos 2017 |
| • Lokasi | Bilik Perbincangan Aras 19 |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi.
- Bengkel ini meliputi simulasi yang mampu memberi impak kepada kaunselor yang akan mengendalikan kes berkaitan dengan bencana atau tragedi.





## 38 BENGKEL *PSYCHOLOGICAL FIRST AID* (PFA) SIRI 5/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **17 & 18 Ogos 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Perbincangan Aras 19** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran asas bagi membantu mangsa bencana alam dalam aspek bantuan psikologi.
- Bengkel ini meliputi simulasi yang mampu memberi impak kepada kaunselor yang akan mengendalikan kes berkaitan dengan bencana atau tragedi.





## 39 SEMINAR KEBANGSAAN PEMANTAPAN KAUNSELOR 2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **4 & 5 Oktober 2017** |
| • **Lokasi** | **Dewan Perdana Nur, KPWKM** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Memantapkan pengetahuan dan kemahiran pengamal perkhidmatan kaunseling agar dapat memberikan perkhidmatan yang cekap dan cemerlang kepada masyarakat
- Memberi peluang kepada pengamal perkhidmatan kaunseling berkongsi pandangan, kepakaran dan pengalaman melibatkan isu-isu transformasi perkhidmatan kaunseling di Malaysia.
- Merangsang pemikiran pengamal perkhidmatan kaunseling terhadap keperluan dan peranan yang perlu dimainkan dalam membantu pihak Kerajaan melaksanakan transformasi minda masyarakat ke arah kesejahteraan melalui perkhidmatan kaunseling di Malaysia.
- Membina jaringan profesional di kalangan pengamal perkhidmatan kaunseling.





40

## BENGKEL PENULISAN LAPORAN KAUNSELING SIRI 3/2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **6 & 7 November 2017** |
| • **Lokasi** | **Bilik Mesyuarat Aras 19, Unit Pengurusan Lembaga Kaunselor** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kaunselor berdaftar dalam tatacara penulisan laporan kaunseling.
- Bengkel ini terbuka kepada semua kaunselor berdaftar yang terdiri daripada pelbagai agensi awam dan swasta.





41

## SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BULAN OGOS 2017

| | |
|---|---|
| • **Tarikh** | **21 dan 27 Ogos 2017** |
| • **Lokasi** | **Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan** |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga terdiri dari Anggota Lembaga Kaunselor iaitu YBhg. Professor Emeritus Dato Amir Awang dan Dr Wan Marzuki bin Jaafar.
- Seramai 26 calon telah hadir sesi pengesahan kelayakan ini.





42

## SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BULAN SEPTEMBER 2017

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 25 September 2017 |
| • Lokasi | Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga terdiri dari Anggota Lembaga Kaunselor iaitu YBhg. Professor Emeritus Dato Amir Awang dan Dr Wan Marzuki bin Jaafar.
- Seramai 32 calon telah hadir sesi pengesahan kelayakan ini.





43

## SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BULAN OKTOBER 2017

| | |
|---|---|
| • Tarikh | 25 dan 28 Oktober 2017 |
| • Lokasi | Bilik Perbincangan Aras 19, KPWKM |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah Dr Wan Marzuki bin Jaafar, dan Dr. Salleh Amat, Anggota Lembaga Kaunselor.
- Seramai 45 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.





44

| SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BULAN NOVEMBER 2017 | |
|---|---|
| • Tarikh | 5, 17, 19,20, 22, 23 dan 29 November 2017 |
| • Lokasi | Bilik Perbincangan, Aras 19, KPWKM |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah terdiri daripada Anggota Lembaga Kaunselor iaitu Professor Emeritus Dato Amir Awang, Pn. Hajah Nor Amni, Dr. Puteri Hayati, Dr Wan Marzuki bin Jaafar, Dr. Rohani, Dr. Salleh Amat, Puan Mumtaj Begum, dan En. Edris bin Aden.
- Seramai 281 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.





45

| MESYUARAT AHLI LEMBAGA KAUNSELOR BIL.3/2017 | |
|---|---|
| • Tarikh | 30 November 2017 |
| • Lokasi | Pejabat Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Mesyuarat Lembaga Kaunselor merupakan suatu agenda penting yang menghimpunkan semua anggota Lembaga untuk membincangkan pelbagai perancangan dan pelaksanaan aktiviti tahunan Lembaga Kaunselor, isu semasa yang berkaitan dengan bidang kaunseling dan profesionalisme Kaunselor Berdaftar.
- Melalui mesyuarat ini juga anggota Lembaga Kaunselor berpeluang untuk bertukar pandangan dan pendapat berkaitan isu dalam bidang dan amalan kaunseling.





| 46 | SESI PENGESAHAN KELAYAKAN KAUNSELOR BERDAFTAR BULAN DISEMBER |
|---|---|
| • Tarikh | 3 Disember 2017 |
| • Lokasi | Pejabat Lembaga Kaunselor, Aras 19, KPWKM |

• Info / Berita Ringkas mengenai Program dan aktiviti
- Tujuan sesi pengesahan kelayakan ini adalah untuk menilai kelayakan kaunselor sama ada layak untuk didaftarkan sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).
- Panel sesi temuduga adalah Dr Wan Marzuki bin Jaafar dan Dr. Salleh Amat, Anggota Lembaga Kaunselor.
- Seramai 29 calon telah hadir bagi sesi pengesahan ini.







## Unit Audit Dalam



# Unit Audit Dalam

## 1. PENGENALAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi Kementerian dan agensi di bawahnya. Kewujudan dan peranan UAD Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.2 – Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPWKM.

### 1.1 VISI

Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian dan agensi di bawahnya.

### 1.2 MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha Kementerian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan.

### 1.3 OBJEKTIF

- Meningkatkan tahap pematuhan peraturan dan prosedur kewangan serta undang-undang yang ditetapkan di semua pusat tanggungjawab (PTJ) Kementerian dan agensi di bawah kawalan Kementerian (KPWKM);
- Menentukan program dan aktiviti Kementerian/agensi di bawahnya dapat diuruskan dengan ekonomi, cekap dan berkesan; dan
- Menentukan keberkesanan dan kecekapan penggunaan ICT.

## 2. PENCAPAIAN AUDIT

Pada tahun 2017, UAD telah melaksanakan sebanyak 51 pengauditan seperti dirancang dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha KPWKM melibatkan pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi, pengauditan perolehan, pengauditan susulan, pemeriksaan mengejut, bimbingan khas dan pengauditan khas. Butiran lanjut seperti di **Jadual 1.**

**Jadual 1**

**Rancangan Dan Pencapaian Audit Tahun 2017**

| BIL. | JENIS PENGAUDITAN | RANCANG | LAKSANA |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengauditan Pengurusan Kewangan | 12 | 12 |
| 2. | Pengauditan Prestasi | 4 | 3 |
| 3. | Pengauditan Perolehan | 4 | 10 |
| 4. | Pengauditan Susulan | 6 | 2 |
| 5. | Pemeriksaan Mengejut | 20 | 20 |
| 6. | Bimbingan Khas | 3 | 3 |
| 7. | Pengauditan Khas | 1 | 1 |
| **Jumlah** | | **50** | **51** |

## 3. PENEMUAN AUDIT

### 3.1 Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengurusan kewangan merupakan satu proses bagaimana sumber kewangan diuruskan secara bertanggungjawab mengikut garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi mencapai objektif Kementerian/ Agensi/Jabatan. Bagi mewujudkan tadbir urus kewangan yang baik, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan kawalan dalaman terhadap elemen-elemen dalam pengurusan kewangan dilaksanakan dan dipatuhi.

Dalam pengauditan pengurusan kewangan, prestasi pematuhan PTJ terhadap garis panduan dan peraturan kewangan dinilai berdasarkan tujuh (7) aspek kawalan yang disemak iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Pada tahun 2017, sebanyak 12 PTJ telah dilaksanakan pengauditan pengurusan kewangan melibatkan sepuluh (10) PTJ di bawah JKM dan dua (2) PTJ di bawah JPW seperti di Jadual 2 berikut:

**Jadual 2**

**Senarai Pengauditan Pengurusan Kewangan Tahun 2017**

| BIL. | NAMA JABATAN/AGENSI/INSTITUSI TERLIBAT |
|---|---|
| 1. | Taman Seri Puteri Cheras, Selangor |
| 2. | Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur |
| 3. | Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan |
| 4. | Rumah Kanak-Kanak Sultanah Hajjah Kalsom, Kuantan, Pahang |
| 5. | Rumah Ehsan Dungun, Terengganu |
| 6. | Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang |
| 7. | Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan Bangi |
| 8. | Desa Bina Diri Kota Kinabalu, Sabah |
| 9. | Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Melaka |
| 10. | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka |
| 11. | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu |
| 12. | Sekolah Tunas Bakti Taiping, Perak |

Pencapaian tahap pematuhan pengurusan kewangan PTJ adalah seperti di **Carta 1.**

**Carta 1**

**Pencapaian Tahap Kecemerlangan Pengurusan Kewangan**



### 3.2 Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi dijalankan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian/Jabatan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan. Pada tahun 2017, UAD telah menjalankan tiga (3) pengauditan prestasi seperti di **Jadual 3** berikut:

| BIL. | Nama Pengauditan Prestasi | Jabatan/Agensi/PTJ Terlibat |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Kontrak Catuan Makanan Penghuni Institusi JKM | i. STB Sungai Besi<br>ii. TSH Kuala Terengganu<br>iii. RSK Bedong, Kedah |
| 2. | Pengurusan Projek Pengubahsuaian/Naik Taraf PKMD Gombak | i. Bahagian Pembangunan, KPWKM<br>ii. Bahagian Kewangan, KPWKM<br>iii. JKMN Selangor<br>iv. PKMD Gombak |
| 3. | Pengurusan Program 1AZAM | i. Bahagian Kewangan, KPWKM<br>ii. Unit NKRA, KPWKM |

#### 3.2.1 Pengurusan Kontrak Catuan Makanan Penghuni Institusi JKM

Pengauditan ini meliputi pengurusan perolehan catuan makanan kering dan basah terhadap penghuni di institusi-institusi JKM. Bagi tempoh 2015 hingga Ogos 2017, sejumlah RM46.19 juta dibelanjakan berbanding RM64.39 juta peruntukan yang diterima.

Antara isu-isu Audit yang dibangkitkan adalah kontrak perjanjian tidak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, tidak mempunyai garis panduan yang seragam dan lengkap, perbezaan borang format BPBC/Inden, BPBC/Inden tidak digunakan secara bersiri, penggunaan BPBC/Inden tidak konsisten, pembelian barang selain catuan makanan basah dan kering, pembelian barang catuan makanan penghuni di luar kontrak, tiada pembayaran kerana tiada invois daripada pembekal, pengesahan pegawai penerima bekalan catuan diragui, pemeriksaan dan verifikasi stor tidak dilakukan terhadap stok bekalan catuan makanan dan tiada bukti Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik menjalankan pemeriksaan dalaman atau pemantauan terhadap urusan catuan makanan.

#### 3.2.2 Pengurusan Projek Pengubahsuaian/Naik Taraf PKMD Gombak, Selangor

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kerja-kerja naik taraf bangunan PKMD Gombak dan pengurusan perolehan *Operational Readiness* telah dilaksanakan secara teratur, cekap dan berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi tempoh 2015 hingga 2016, sejumlah 5.88 juta dibelanjakan berbanding RM5.9 juta peruntukan yang diterima.

Antara isu-isu Audit yang dibangkitkan adalah permohonan kelulusan naik taraf bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dibuat selepas kontraktor masuk tapak dan kerja-kerja telah mula dijalankan sebelum pelan diteliti dari aspek keselamatan, penjualan dokumen tender tidak dilakukan, peruntukan kenaan levi tidak dimasukkan dalam Arahan Kepada Petender, kontrak ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan, terdapat beberapa kerja yang kurang sesuai dan kerja yang memerlukan pembaikan oleh kontraktor, pembelian aset lewat didaftarkan, terdapat aset tidak dikemas kini di ruangan penempatan dan aset masih belum dilabelkan.

### 3.2.3 Pengurusan Program 1AZAM

Objektif Program 1AZAM (AZAM Niaga dan Khidmat) adalah untuk menyediakan peluang kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan, memperkasa kumpulan sasar supaya boleh berdikari dan meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah. Bagi tempoh 2015 hingga Mei 2017, sejumlah RM25.09 juta dibelanjakan berbanding RM25.50 juta peruntukan yang diterima.

Antara isu-isu Audit yang dibangkitkan adalah kekangan UAD melaksanakan pengauditan dengan sempurna kerana dokumen tidak dikemukakan semasa pengauditan dan penyimpanan dokumen profil peserta kurang memuaskan.

### 3.3 Pengauditan Perolehan

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan pengurusan perolehan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta diuruskan secara ekonomi, cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Selain itu, pengauditan yang dilaksanakan adalah untuk memastikan perolehan yang dibuat diuruskan secara terbaik dan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan.

Pada tahun 2017, sebanyak sepuluh (10) pengauditan perolehan telah dilaksanakan berbanding empat (4) dirancang. Senarai pengauditan perolehan adalah seperti di **Jadual 4** berikut:

**Jadual 4**

**Senarai Pengauditan Perolehan Tahun 2017**

| BIL. | Senarai Pengauditan Perolehan |
|---|---|
| 1. | Pengauditan Perolehan di Bahagian Kewangan, KPWKM |
| 2. | Pengauditan Perolehan di Ibu Pejabat JKMM |
| 3. | Pengauditan Perolehan di Rumah Ehsan Dungun, Terengganu |
| 4. | Pengauditan Perolehan di Desa Bina Diri Kota Kinabalu, Sabah |
| 5. | Pengauditan Perolehan di PLPP Bangi, Selangor |
| 6. | Pengauditan Perolehan MaNIS di Bahagian Pengurusan Maklumat, KPWKM |
| 7. | Pengauditan Perolehan di STB Sungai Besi |
| 8. | Pengauditan Perolehan di RBL Tun Abdul Aziz, Melaka |
| 9. | Pengauditan Perolehan di JPW |
| 10. | Pengauditan Perolehan di JKMN Melaka |

Antara penemuan Audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan Ketua Jabatan adalah perolehan yang melebihi RM20,000 setahun telah dibuat secara pembelian terus, tiada bukti kajian pasaran dijalankan, ahli Jawatankuasa Sebut Harga dan Jawatankuasa Penilaian tidak dilantik, minit mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga tidak disediakan, *integrity pact* tidak dilaksanakan, keputusan muktamad sebut harga tidak dipamerkan di papan kenyataan atau laman web agensi, kontrak perjanjian lewat ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan, rekod pembayaran bagi kontrak tidak difailkan untuk rujukan dan pemantauan bayaran serta dokumen-dokumen sebut harga, tender dan kontrak tidak diselenggara dengan lengkap, kemas kini dan teratur.

### 3.4 Pengauditan Susulan

Pada tahun 2017, UAD telah melaksanakan dua (2) pengauditan susulan terhadap pengurusan kewangan iaitu Pemantauan Terhadap Kawalan Perbelanjaan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti di KPWKM dan Pemantauan Terhadap Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti di JKMM. Objektif pengauditan ini bertujuan memastikan teguran Jabatan Audit Negara dalam Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti yang lalu telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan sewajarnya.

### 3.5 Pemeriksaan Mengejut

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang bertanggungjawab telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala.

Pada tahun 2017, UAD telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 20 Pusat Tanggungjawab (PTJ) meliputi Jabatan dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di bawah KPWKM. Antara penemuan Audit adalah semakan fizikal baki di tangan wang kutipan tidak bersamaan dengan baki rekod, Kew. 67 dan Kew. 68 tidak direkodkan dengan lengkap dan kemas kini, Daftar Pembayaran bagi Wang Untuk Dibahagi-bahagikan tidak disediakan dan diperiksa sekali sebulan oleh Ketua Jabatan, kod kombinasi peti besi tidak ditukar setiap enam (6) bulan sekali atau apabila berlaku pertukaran pegawai, kod kombinasi peti besi tidak ditulis pada sekeping kertas dan dimasukkan dalam sampul surat yang dimeterai dan ditanda “Rahsia Besar”, pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan secara menyeluruh ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, setem dan lain-lain barang berharga, ruangan masa tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dan Ketua Jabatan atau wakil tidak menjalankan pemeriksaan dalaman.

### 3.6 Bimbingan Khas

Objektif pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat dan bimbingan terhadap aspek pengurusan kewangan yang kurang difahami oleh audit. Pemilihan tempat untuk menjalankan bimbingan khas ini adalah hasil kurang memuaskan daripada Pengauditan Pengurusan Kewangan yang telah dijalankan pada tahun 2015 dan 2016. Pada tahun 2017, UAD telah menjalankan tiga (3) bimbingan khas iaitu di RSK Cheng, Melaka, RSK Kemumin, Kelantan dan RSK Ulu Kinta, Perak. Bimbingan Khas ini telah dilaksanakan sebanyak dua kali kunjungan dan ditamatkan pada kunjungan kali kedua sekiranya banyak penambahbaikan telah dilaksanakan.

### 3.7 Pengauditan Khas

Unit Audit Dalam diberikan tanggungjawab untuk membuat pengesahan atau verifikasi data baki awal aset dan liabiliti yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun, KPWKM. Pengesahan data baki awal aset dan liabiliti terdiri daripada Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima. Ini sebahagian daripada persediaan ke arah Amalan Perakaunan Akruan Kementerian yang akan dilaksanakan mulai tahun 2018.

## 4. JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2. Objektif penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara dan memastikan tindakan *preventive* dan *corrective* diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

### 4.1 Keahlian Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM dengan ahli-ahli terdiri daripada Timbalan-timbalan KSU, Setiausaha-setiausaha Bahagian (SUB) daripada semua Bahagian dan Ketua-ketua Agensi di bawah KPWKM. Ketua Unit Audit Dalam bertindak selaku Setiausaha JKA dan Unit Audit Dalam sebagai urusetia mesyuarat.

### 4.2 Kekerapan Mesyuarat

Pada tahun 2017, sebanyak empat (4) kali mesyuarat JKA telah diadakan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam dan/atau Jabatan Audit Negara seperti mana objektif penubuhannya. Minit mesyuarat JKA dikemukakan ke Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi, Kementerian Kewangan sebelum 15 haribulan selepas suku tahun berikutnya. Mesyuarat JKA bagi tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 5** berikut:

**Jadual 5**

**Mesyuarat JKA Yang Diadakan Bagi Tahun 2017**

| BIL. | BILANGAN MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | JKA KPWKM BIL. 1/2017 | 12.04.2017 |
| 2. | JKA KPWKM BIL. 2/2017 | 07.07.2017 |
| 3. | JKA JKWKM BIL. 3/2017 | 10.10.2017 |
| 4. | JKA KPWKM BIL. 4/2017 | 27.12.2017 |

## Yayasan Kebajikan Negara



# Yayasan Kebajikan Negara

## PERASMIAN ANJUNG KASIH SARAWAK

Sebanyak tiga (3) buah Anjung Kasih diwujudkan di Sarawak iaitu di Hospital Umum Kuching, Hospital Miri dan Hospital Sibu telah memberi manfaat kepada lebih 2.7 juta penduduk Negeri ini terutamanya penduduk di luar bandar yang terpaksa mengambil masa lama untuk ke hospital bagi menerima rawatan. Majlis dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Hj. Abdul Taib Mahmud ketika Perasmian Anjung Kasih YKN, Hospital Umum Kuching, Sarawak pada 17 April 2017 (Isnin).

Anjung Kasih ialah rumah penginapan sementara yang disediakan kepada ahli keluarga bagi mengiringi pesakit yang sedang mendapat rawatan di hospital kerajaan. Penubuhan Anjung Kasih ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) untuk meningkatkan kapasiti sistem perkhidmatan dan keberkesanaan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah YAB Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib, isteri Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, YAB Datuk Amar Haji Mohamad Asfia Bin Awang Nasar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, YB Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, Menteri Kerajaan Tempatan Sarawak, serta Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara.

## PENGENALAN

Anjung Kasih YKN ialah tempat penginapan sementara ditubuhkan di hospital-hospital kerajaan yang terpilih untuk ahli keluarga pesakit atau pengiring pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital.

## OBJEKTIF

- Tempat penginapan sementara dan selesa kepada ahli-ahli keluarga atau pengiring pesakit.
- Menyediakan penginapan yang mesra insan bagi pesakit dan ahli keluarga mereka ketika menerima rawatan perubatan di hospital berkenaan.
- Membantu pihak hospital mengatasi masalah kepadatan pesakit di wad dan juga pengasingan pesakit untuk tidak terdedah risiko jangkitan penyakit.

## KELAYAKAN PENGHUNI

- Keutamaan akan diberikan kepada waris pesakit dari luar kawasan hospital
- Keutamaan diberikan kepada waris yang menjaga pesakit yang serius
- Keutamaan diberikan kepada waris pesakit yang tidak berkemampuan
- Waris bagi seorang pesakit boleh memohon satu (1) unit sahaja

## LOKASI ANJUNG KASIH YKN:

1. Anjung Kasih Hospital Selayang
   Lebuh Selayang – Kepong,
   68100 Batu Caves, Selangor

2. Anjung Kasih Hospital Raja Permaisuri Bainun
   Jalan Hospital,
   30400 Ipoh Perak.

3. Anjung Kasih Hospital Tengku Ampuan Afzan
   Jalan Tanah Putih,
   25100 Kuantan, Pahang.

4. Anjung Kasih Hospital Sultan Haji Ahmad Shah
   Jalan Meran,
   28000 Temerloh, Pahang.

5. Anjung Kasih Hospital Tuanku Jaafar
   Jalan Rasah,
   70300 Seremban, Negeri Sembilan.

6. Anjung Kasih Hospital Umum Sarawak
   Jalan Hospital,
   93586 Kuching, Sarawak.

7. Anjung Kasih Hospital Miri
   Jalan Cahaya,
   98000 Miri, Sarawak.

8. Anjung Kasih Hospital Sibu
   Batu 5 ½,
   Jalan Ulu Oya,
   96000 Sibu, Sarawak.














## STATISTIK DAFTAR MASUK ANJUNG KASIH SEHINGGA 2017

| BIL. | PROJEK | MULA OPERASI | KAPASITI | JUMLAH PENGHUNI |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Anjung Kasih YKN, Hospital Selayang, Selangor | 3 Oktober 2006 | 36 katil | 3,411 |
| 2. | Anjung Kasih YKN, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang | 7 Oktober 2009 | 37 katil | 8,388 |
| 3. | Anjung Kasih YKN, Hospital Miri, Sarawak | 2 September 2013 | 31 katil | 9,832 |
| 4. | Anjung Kasih YKN, Hospital Umum Sarawak, Sarawak | 16 Disember 2013 | 104 katil | 6,006 |
| 5. | Anjung Kasih YKN, Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban Negeri Sembilan | 4 Februari 2014 | 75 katil | 3,011 |
| 6. | Anjung Kasih YKN, Hospital Sibu, Sarawak | 26 Februari 2014 | 64 katil | 9,633 |
| 7. | Hospital Sultan Hj. Ahmad Shah, Temerloh, Pahang | 1 April 2014 | 44 katil | 4,114 |
| 8. | Anjung Kasih YKN, Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Perak. | 7 September 2015 | 35 katil | 2,550 |
| **Jumlah** | | | **426 Katil (196 Bilik)** | **46,945** |



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
No 55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA.

+603-8000 8000

+603-8323 2000

info@kpwkm.gov.my

www.kpwkm.gov.my

kpwkm

@kpwkm